

DN.14.5.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA**

Isnin, 14 Mei 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada
Dewan Negara**

"10 Mei 2001

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,
Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2001 ;
2. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000;
3. Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2000;
4. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2001;
5. Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2001;
6. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2001;
7. Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2001;
8. Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2001;

9. Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001;
10. Rang Undang-undang Pendaftar Negara (Pindaan) 2001;
11. Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000; dan
12. Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2000.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:] Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh mana benarnya dakwaan yang menyatakan Pusat Sains Negara berkeadaan lesu dan lengang. Jika benar, apakah usaha yang sedang dan akan dijalankan oleh Pusat tersebut bagi mengemas kini dan memperbaiki segala kelemahan demi kepentingan umum khususnya pelancong asing.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa dakwaan yang menyatakan bahawa Pusat Sains Negara berkeadaan lesu dan lengang adalah tidak tepat. Cuma dari segi jumlah pelawat-pelawat yang datang keadaannya turun naik dari bulan ke bulan, ini disebabkan kebanyakan pelawat yang datang adalah terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah. Di masa cuti sekolah jumlahnya adalah tinggi berbanding dengan di masa musim tidak ada percutian sekolah. Manakala pelawat-pelawat biasa dan pelancong-pelancong asing atas sebab-sebab dan alasan kedudukan yang agak jauh dan masalah pengangkutan agak kecil bilangannya berbanding dengan penuntut-penuntut sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha terus dijalankan bagi memastikan bahawa pengunjung-pengunjung akan terus melawat Pusat Sains Negara dan bagi mengemaskinikan dan membaiki segala kelemahan demi kepentingan umum khususnya orang ramai termasuklah pelancong-pelancong asing. Di antaranya adalah:

- (i) mengadakan promosi melalui media massa;
- (ii) mengadakan dialog dengan agensi-agensi pelancongan supaya memasukkan pakej lawatan termasuklah melawat Pusat Sains Negara dan juga Pusat Planetarium Negara;
- (iii) mengemas kini dan menaik taraf bahan-bahan pameran yang terdapat di Pusat Sains Negara supaya lebih menarik dan interactive;
- (iv) mengadakan lebih pameran bertema di Pusat Sains Negara dengan kerjasama organisasi-organisasi lain termasuk badan-badan dari luar negara;
- (v) menyediakan perkhidmatan bas percuma bagi penduduk berpendapatan rendah dengan kerjasama daripada Jabatan Perpaduan Negara;
- (vi) membina kantin bagi keselesaan pelawat-pelawat selepas mengunjungi Pusat Sains Negara;
- (vii) memohon peruntukan tambahan lanjutan sebanyak RM39.1 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi beberapa aktiviti untuk meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai khususnya pelajar-pelajar sekolah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga suka saya maklumkan bahawa langkah-langkah yang telah diambil ini telah membuahkan hasil di mana jumlah pelawat di Pusat Sains Negara bagi empat bulan pertama tahun ini adalah seramai 18,944 orang iaitu meningkat hampir 32% berbanding bagi tempoh yang sama tahun lepas. Kementerian yakin bahawa prestasi ini akan terus meningkat pada bulan-bulan yang akan datang. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh mana rakyat umum mengetahui wujudnya Pusat Sains Negara dan objektif pembinaannya setakat ini. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, kita maklum bahawa mungkin masih lagi terdapat sebilangan daripada rakyat yang kurang sedar akan wujudnya Pusat Sains Negara ini. Namun begitu, melalui penerangan-penerangan yang dijalankan dari masa ke semasa dan kesedaran-kesedaran berterusan yang dijalankan melalui berbagai-bagai kempen dan penerangan khususnya kepada murid-murid di sekolah di negara ini, saya berharap bahawa di masa-masa akan datang seluruh negara rakyat negara ini akan mengetahui dan akan dapat sama-sama melihat serta memberikan pandangan-pandangan untuk mempertingkatkan lagi prestasi wujudnya Pusat Sains Negara di Kuala Lumpur ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan Kementerian bercadang untuk mewujudkan sebuah lagi Pusat Sains Negara kemungkinan besarnya di Malaysia Timur.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita telah diberitahu ramai saintis daripada universiti-universiti kita mendapat anugerah pingat emas daripada Geneva. Jadi, saya ingin mengetahui daripada pihak Kementerian adakah pihak Kementerian berusaha memberikan peluang untuk mereka mempamerkan projek-projek yang memenangi hadiah-hadiah antarabangsa ini di Pusat Sains Negara. Kerana saya difahamkan perkara semacam ini belum lagi dibuat. Saya ingin tahu juga setakat ini berapa ramai saintis daripada universiti-universiti dan institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi yang telah diberikan anugerah di peringkat antarabangsa kerana ini memberikan nama baik kepada negara dan tentu sekali akan mendorong anak-anak muda, saintis-saintis muda untuk mencebur diri dalam bidang ini. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini terkeluar daripada soalan asal, tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini suka saya menyatakan bahawa pandangan Yang Berhormat itu memang diambil kira supaya dapat hasil penemuan-penemuan ataupun ciptaan, rekaan yang telah diutarakan oleh saintis kita yang memenangi hadiah-hadiah di luar negara dipamerkan di Pusat Sains Negara dari masa ke semasa.

Perkara yang kedua saya tidak dapat memberikan maklumat dengan tepat bilangan saintis yang telah mendapat anugerah-anugerah seperti ini. Tetapi kalau Yang Berhormat berhajat bolehlah saya kemukakan secara bertulis.

Untuk makluman juga bahawa kerajaan bersama-sama dengan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pendidikan memang sentiasa berusaha untuk

memberi peluang dan membawa balik ahli-ahli sains Malaysia yang berada di luar negara untuk kembali berkhidmat dalam negara kita ini. Terima kasih.

2. **Tuan Haji Karim bin Salleh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan keamanan adalah aset yang paling berharga bagi sesebuah negara adakah kerajaan akan mengkaji semula peruntukan Akta Hasutan 1948 supaya individu yang disabitkan kesalahannya dalam kegiatan hasutan, melemparkan fitnah dan menyebarkan khabar angin boleh dihukum di bawah Akta tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil perhatian penuh ke atas aspek keselamatan negara dan ketenteraman awam melalui Akta Hasutan 1948 - "mana-mana individu yang tindakannya merupai hasutan yang boleh mengancam keselamatan negara adalah melakukan satu kesalahan." Peruntukan sedia ada dalam Akta Hasutan 1948 adalah memadai untuk keadaan sekarang. Walau bagaimanapun, kajian semula terhadap peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta Hasutan 1948 akan dibuat dari masa ke semasa bagi menilai kesesuaiannya dengan situasi semasa. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah hasrat kerajaan untuk mendapat keuntungan dengan venture-venture capital ini yang telah dilaburkan ataupun kerajaan benar-benar ingin membantu usahawan-usahawan dan andai kata usahawan-usahawan yang telah berjaya mendapat pinjaman melalui agensi-agensinya kerajaan tetapi akhirnya gagal,...

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Point of order.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Sorry, sorry.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Soalan ini saya ingat....

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Saya minta maaf. Selepas pilihan raya 1998 berapa ramai mereka yang telah ditangkap di bawah akta ini dan dihukum. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada sedikit kesalahan, Yang Berhormat. Sebenarnya pilihan raya tahun 1999, bukan 1998. Pada hari ini saya tidak mempunyai angka yang tepat. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat minat saya akan beri secara bertulis. Sekian.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini ada penangkapan di bawah ISA dan saya ingin tahu, adakah mereka ini

telah berpeluang untuk bertemu dengan kaum keluarga mereka setakat ini. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini ialah berkenaan dengan Akta Hasutan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang benar dalam tiga minggu kebelakangan ini terdapat sepuluh orang yang telah pun ditangkap, ditahan di bawah ISA dan pada umumnya jika penahanan ini dilakukan, pihak polis akan menjalankan siasatan terhadap orang-orang yang ditahan dan ketika siasatan dijalankan, tidak sesiapa akan diberikan kesempatan untuk berjumpa dengan orang-orang yang ditahan termasuk dengan ahli-ahli keluarga mereka tetapi bila siasatan habis, tamat, mereka akan diberikan peluang dan setakat ini beberapa orang tahanan telah pun diberikan peluang untuk berjumpa dengan ahli-ahli keluarga mereka. Sekian.

3. Dato' William Lau Kung Hui minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) memandang keadaan modal teroka (*venture capital*) yang tidak senang diperolehi dan tidak tercapai oleh peniaga-peniaga kecil, adakah kerajaan mempunyai rancangan mempromosikan bantuan kewangan lain untuk peniaga-peniaga ini, selain dari pinjaman bank, seperti faktoran (*factoring*) yang boleh menjadi cara yang lebih berkesan meringankan kedudukan kewangan yang ketat; dan
- (b) setakat mana faktoran (*factoring*) diterima di Malaysia, dan apakah kerajaan, memandang faktoran (*factoring*) boleh merupakan pilihan yang baik selain pinjaman bank kepada peniaga-peniaga kecil, boleh menggalakkan cara sedemikian untuk mendapat wang, yang mana caranya ialah dengan membeli leger hutang perniagaan (*business debt ledger*) dan mengambil tanggungjawab mengutip hutang-hutang ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, modal teroka atau *venture capital*, dengan izin, adalah merupakan satu pelaburan jangka panjang di mana dilaksanakan menerusi suntikan ekuiti. Pada amnya pelaburan ini dibuat ke atas syarikat-syarikat baru yang berpotensi tinggi untuk maju dan pelabur pada lazimnya akan mendapat pulangan menerusi keuntungan modal atau *capital gain*.

Pemfaktoran pula adalah salah satu cara pembiayaan jangka pendek di mana peniaga-peniaga menjual inuis-inuis mereka bagi membiayai keperluan

modal pusingan mereka. Dengan cara ini para peniaga tersebut tidak akan terikat dengan tempoh kredit yang telah diberikan kepada pelanggan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan melalui pempfaktoran adalah dipengaruhi oleh keadaan ekonomi. Sejak tahun 1997, jumlah pempfaktoran yang telah dibuat telah menurun disebabkan kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh negara.

Bagi tempoh lima tahun terakhir ini, jumlah yang difaktorkan telah menurun daripada RM10.3 bilion dalam tahun 1996 kepada RM8.4 bilion dalam tahun 1997 dan seterusnya kepada RM3.1 bilion dalam tahun 1998 dan 1999 dan RM2.1 bilion dalam tahun 2000.

Arah aliran ini dijangka berubah apabila ekonomi negara kembali pulih sepenuhnya. Pada masa ini terdapat sebanyak 13 buah syarikat di Malaysia yang menawarkan khidmat pempfaktoran yang mana 12 daripadanya adalah merupakan ahli kepada Malaysian Factors Association (MFA). Terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Seperti mana yang kita maklum, peniaga-peniaga kecil juga membantu dan memainkan peranan mereka dalam pembangunan ekonomi negara tetapi dukacita kebanyakan daripada peniaga-peniaga kecil selalu menghadapi kesulitan ataupun kesukaran untuk mendapat pinjaman daripada bank, walaupun banyak juga dikatakan kemudahan-kemudahan yang telah diberi oleh kerajaan.

Jadi, soalan tambahan saya ialah, adakah pihak kerajaan memantau pihak bank dalam pemberian mereka untuk pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil terutama sekali apabila permohonan mereka telah lulus, dapatkah wang itu atau pinjaman itu diberi dengan cepat kerana ini jikalau lambat diberi ianya akan mengganggu *cash flow*, dengan izin, peniaga-peniaga kecil ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan memang amat prihatin terhadap pinjaman yang diuruskan oleh pihak bank kepada semua para pelanggannya, sama ada para pelanggan daripada golongan peniaga kecil ataupun peniaga besar kerana kerajaan mahu supaya ekonomi negara kita dicergaskan lebih-lebih lagi dalam suasana kelembapan ekonomi dunia sekarang ini. Dengan sebab itu kerajaan meletakkan *target*, sasaran pinjaman bank ialah 8% sama ada untuk golongan peniaga kecil ataupun lain-lain golongan supaya ekonomi negara dapat dijana melalui pinjaman-pinjaman ini.

Dan seperti yang saya katakan tadi, bahawa pihak bank digalakkan untuk memberikan pinjaman seberapa banyak yang boleh, cuma mungkin ada sedikit

sekarang ini, *target* itu belum tercapai kerana mungkin ada bank-bank ini rasa agak orang kata akibat daripada kegawatan ekonomi, mereka mungkin lebih berhati-hati sekarang supaya tidak terperangkap kali keduanya tetapi walau bagaimanapun, pihak bank sentiasa meneliti jenis-jenis pinjaman dan jikalau peminjam itu daripada golongan yang memang berwibawa dan projeknya *viable*, dan mempunyai *track record* yang baik, dan memenuhi segala syarat yang diperlukan, maka pihak bank sentiasa digalakkan untuk memberikan pinjaman tersebut dan mengeluarkannya dengan cepat, supaya wang itu dapat digunakan dengan secepat mungkin dan sekali gus dapat dengan cepatnya juga menjana ataupun menggerakkan ekonomi negara kita. Terima kasih.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita kaji apa yang Ahli Yang Berhormat analisis tadi iaitu RM10.3 bilion sebagai angka *factoring* atau faktor pada tahun 1996 dan RM2.1 bilion tahun lepas iaitu tahun 2000, soalan tambahan saya ialah seperti berikut, adakah kekurangan ini yang saya rasa angka yang besar disebabkan oleh, pertama, adakah daripada segi *crisis of confidence*, dengan izin, terhadap klien oleh syarikat-syarikat faktor atau kedua, daripada segi syarikat-syarikat faktor yang tidak *berliquidity*, dengan izin, atau yang ketiga, adakah *invois-invois* daripada syarikat-syarikat yang memerlukan faktor ini tidak bermutu. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut. Sebenarnya, seperti yang saya sebut tadi, saya bacakan tadi, penurunan daripada segi nilai ataupun jumlah pempfaktoran RM10.3 bilion kepada RM8.4 bilion pada RM3.1 bilion dan akhirnya pada tahun 2000 jumlah yang dikeluarkan adalah sebanyak RM2.1 bilion, sebenarnya lebih disebabkan oleh faktor bahawa pempfaktoran ini sering dianggap sebagai satu yang *costly* ertinya, kalau *interest charge*, misalannya 12% hingga 13% setahun, maka ini mungkin persepsi para peniaga ataupun para masyarakat kita mungkin ini dianggap lebih tinggi dan berbanding dengan caj yang dibuat oleh bank-bank kita, adalah agak rendah dan lebih menarik dan di samping itu saya rasa faktor yang dimainkan oleh kerajaan juga turut menyumbang kerana kerajaan memberikan satu suasana yang *conducive* untuk perkembangan IKS dan juga peniaga-peniaga, misalannya kalau kita boleh beri contoh pada 27 Mac 2001 baru-baru ini, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita membentangkan belanjawan rangsangan, bagaimana kerajaan

menyediakan tabung misalannya untuk makanan dinaikkan daripada RM1,000 juta kepada RM1,300 juta dengan kadar faedah 3.75% sahaja.

Dan Tabung Usahawan Baru misalannya daripada RM1,250 juta kepada RM1,500 juta dinaikkan dengan kadar faedah 5.5% sahaja. Dan juga Tabung IKS daripada RM200 juta dinaikkan kepada RM400 juta dengan kadar faedah 5.5% sahaja. Jadi, saya rasa inilah faktor yang menyebabkan persepsi masyarakat bahawa faktor ini masih agak tinggi berbanding dengan lain-lain kemudahan yang disediakan oleh pihak bank dan juga oleh pihak kerajaan yang mahu memastikan supaya para peniaga dan orang-orang awam yang lain yang memerlukan pinjaman dapat diberikan suntikan pinjaman dengan syarat yang lebih mudah, longgar dan lebih menarik.

Itulah saya rasa yang menyebabkan faktor bahawa kemerosotan pemfaktoran ini daripada tahun ke tahun dan saya rasa apabila ekonomi pulih kembali nanti, dan kita harap dan kita rasa pemfaktoran akan dapat sambutan yang lebih baik daripada masyarakat kita. Terima kasih.

4. Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil supaya dapat memenuhi kekosongan jawatan di hospital-hospital kerajaan di negara ini. Apakah kriteria yang perlu di dalam pengambilan doktor-doktor berkontrak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengisi kekosongan jawatan di hospital-hospital kerajaan, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:-

- (i) berbincang dan menggesa agar pihak institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS) menambah pengambilan bagi menghasilkan graduan dan tenaga profesional kesihatan yang diperlukan;
- (ii) mengiktiraf lebih banyak IPTA dan IPTS di dalam dan luar negara yang sesuai bagi membekalkan graduan profesional
- (iii) mengambil lebih ramai calon untuk dilatih sebagai anggota-anggota paramedik di kolej-kolej latihan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada masa yang sama juga, kementerian akan bekerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta untuk melatih anggota-

anggota paramedik bagi menampung keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia. Untuk tahun 2001 Kementerian Kesihatan Malaysia akan melatih seramai 6,312 pelatih-pelatih paramedik;

- (iv) memperkemas urusan-urusan pengambilan dengan mempercepat proses pengambilan yang akan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengisi jawatan-jawatan sokongan, guna sama yang kosong;
- (v) mengambil anggota-anggota secara sambilan atau pekerja khidmat singkat buat sementara waktu bagi menangani beban tugas;
- (vi) pengambilan semula Pegawai Perubatan yang telah bersara wajib untuk berkhidmat secara kontrak; dan
- (vii) mengambil Pegawai Perubatan/pakar asing untuk berkhidmat secara kontrak.

Permohonan adalah dibuka kepada warganegara, bukan warganegara, penduduk tetap dan pasangan kepada warganegara untuk menjawat jawatan sebagai Pegawai Perubatan/pakar secara kontrak di Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengisi kekosongan yang terdapat di pelbagai disiplin perubatan di hospital-hospital.

Pemohon mestilah mempunyai ijazah MD/MBBS atau ijazah lanjutan daripada universiti yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia. Pemohon juga perlu berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun sebagai pegawai perubatan atau dua tahun sebagai pakar bagi mereka yang mempunyai ijazah yang diiktiraf atau lima tahun sebagai pakar jika pemohon adalah daripada universiti yang tidak diiktiraf.

Pemohon mestilah berusia 45 tahun ke bawah bagi Pegawai Perubatan dan 50 tahun ke bawah bagi pakar. Penempatan Pegawai Perubatan/pakar kontrak adalah diutamakan di Sabah dan Sarawak dan kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia, selaras dengan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 April 1998.

Gaji yang bersesuaian dengan pengalaman akan ditawarkan di samping menerima elaun khidmat awam, elaun kritikal dan elaun pakar dan juga gratuiti yang akan diberi selepas tamat tempoh kontrak.

Tempoh kontrak ialah menjalani latihan siswazah satu tahun bagi pegawai perubatan daripada universiti yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia dan kontrak boleh dilanjutkan sebagai Pegawai Perubatan selama tiga tahun dan diperbaharui setiap dua tahun dan diluluskan mengikut keperluan perkhidmatan.

Pemohon dikehendaki melengkapkan borang yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam empat salinan kesemuanya berserta dengan maklumat yang diperlukan dan akan dipertimbangkan untuk diperakukan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk dipanggil ditemuduga dan diluluskan untuk pengambilan dan pelantikan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah pemprosesan telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mengimbangi atau menyeimbangkan tangga gaji doktor-doktor kerajaan dengan doktor-doktor swasta termasuk doktor-doktor yang dibawa dari luar negara iaitu pakar-pakarnya berbanding dengan doktor-doktor tempatan. Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang berhasrat untuk memberi kemudahan secukupnya kepada doktor-doktor kerajaan bagi memastikan bahawa mereka terus berkhidmat dengan kerajaan dan memberi, selain daripada gaji juga beberapa insentif lain kepada doktor-doktor kerajaan ataupun pegawai-pegawai perubatan seperti elaun kritikal, kemudahan untuk melanjutkan pelajaran, kemudahan pinjaman perumahan dan lain-lain kemudahan seperti yang telah beberapa kali saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini. Tetapi, adalah sukar bagi kerajaan untuk menandingi pihak swasta daripada segi gaji sahaja.

Jadi, kita harus melihat tentang kemudahan-kemudahan lain, kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pegawai-pegawai perubatan kerajaan yang mana tidak diperolehi. Jadi, kalau kita hendak membandingkan dengan gaji pihak swasta, memang ini adalah satu perkara yang mustahil tetapi dengan adanya kemudahan-kemudahan ini kita dapat mengatasi sedikit sebanyak masalah kekurangan doktor-doktor di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bagi doktor-doktor dari luar negara yang berkhidmat dengan pihak kerajaan, kita turut memberikan kemudahan-kemudahan yang sama. Dari segi gaji kita memberikan gaji yang sama seperti yang kita tawarkan kepada doktor-doktor tempatan.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya difahamkan bahawa

doktor-doktor kontrak ini diambil daripada luar negara dan kemungkinan mereka tidak boleh berkomunikasi di dalam bahasa Malaysia. Jika benar begini, bagaimanakah kementerian mengatasi masalah ini, apabila doktor-doktor ini terpaksa berkomunikasi dengan pesakit-pesakit yang hanya boleh bertutur dalam bahasa Malaysia. Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita mempunyai seramai lebih kurang 296 orang doktor yang berkhidmat secara kontrak di negara kita ini. Setakat ini kita tidak menghadapi sebarang masalah kerana kita mempunyai kakitangan sokongan yang dapat membantu memberitahu doktor-doktor tentang kesakitan yang dialami dan juga maklum balas itu dapat disampaikan kepada pesakit.

Jadi, setakat ini kita tidak menghadapi sebarang masalah tentang bahasa untuk berkomunikasi ini.

5. **Dato' Poo Yew Choy** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan bagi menyelesaikan masalah sosial di bandar-bandar umpamanya banjir, kekurangan infrastruktur awam, kesesakan jalan raya, kekurangan tempat meletak kereta, gangguan elektrik dan bekalan air dan sebagainya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai agensi yang terlibat dalam pemberian perkhidmatan di sesebuah bandar dan usaha penyelarasan perlu dibuat untuk memastikan perkhidmatan berada di tahap yang baik.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar terdapat kekurangan dalam penyediaan perkhidmatan perbandaran di kawasan-kawasan bandar tertentu dan menyedari juga keperluan untuk memperbaiki perkhidmatan tersebut.

Oleh yang demikian, kementerian saya akan mengenal pasti kawasan-kawasan yang memerlukan tindakan segera dan akan berusaha dengan kerjasama pihak kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan serta juga pihak-pihak jabatan yang lain yang berkenaan untuk mencari penyelesaian terhadap masalah-masalah yang dihadapi. Sekian.

Dato' Haji Mazlan bin Abu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kenapakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih

membenarkan sistem denda terhadap pemaju-pemaju yang gagal menyediakan lot-lot parking yang cukup di bangunan masing-masing? Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara tempat letak kereta dan caj yang digunapakai oleh pihak berkuasa tempatan adalah tanggungjawab mereka dan diberi persetujuan oleh negeri-negeri yang berkenaan. Kalau ada masalah yang dihadapi oleh pihak orang awam, maka kementerian akan mengadakan satu perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan mengenai cara menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak berkuasa berkenaan.

Buat masa sekarang kita tidak ada kuasa untuk meminta mana-mana pihak berkuasa tempatan untuk mengehadkan mereka atau meminta mereka terus berhenti mana-mana cara yang digunakan oleh pihak mereka kecuali itu adalah melanggar akta-akta yang sedia. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, soalan tambahan saya, memandangkan kesesakan jalan raya di sesuatu pihak berkuasa tempatan adalah begitu rumit dan banyak kali ini disebabkan oleh perkhidmatan bas yang sama ada tidak mencukupi atau kurang memuaskan, soalan tambahan saya, apakah peranan kementerian dalam membantu sesuatu pengusaha pihak berkuasa tempatan untuk memastikan perkhidmatan bas-bas awam di tempat itu adalah mencukupi dan dapat membantu semua pengguna itu supaya mereka tidak perlu menggunakan kereta sendiri. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tajuk soalan itu adalah bidang kuasa yang tidak berkaitan dengan kementerian saya kerana ia adalah di bawah tanggungjawab pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga Kementerian Pengangkutan.

6. **Tuan Jang Chow Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan benarkah kerajaan akan menswastakan pembaharuan dan pengeluaran lesen memandu. Jika benar, apakah rasionalnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa kerajaan akan menswastakan aktiviti pembaharuan dan pengeluaran lesen memandu yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada ketika ini.

Melalui cadangan penswastan ini, kualiti perkhidmatan dan kecekapan pengeluaran lesen memandu akan dapat dipertingkatkan, juga bilangan kakitangan

jumlah pejabat dan kaunter akan ditambah untuk membolehkan perkhidmatan yang lebih berkesan dan selesa kepada orang ramai.

JPJ pula akan dapat memberikan penumpuan kepada aktiviti penguatkuasaan undang-undang, ujian memandu dan kawal selia institut dan sekolah memandu bagi menjamin kualiti latihan memandu yang diberikan adalah tinggi dan dapat melahirkan pemandu yang lebih cekap. Dengan itu JPJ akan dapat memberi fokus kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keselamatan jalan raya. Syarikat swasta akan juga dapat menyediakan peralatan yang lebih canggih bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kerajaan memberi jaminan bahawa apabila penswastaaan dila ksanakan, rakyat tidak terpaksa membayar lebih daripada apa yang dibayar sekarang dan juga bolehkah kerajaan memberi penjelasan adakah masalah lesen terbang yang kita diberitahu telah terselesai? Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun JPJ telah diswastakan kelak, syarikat berkenaan masih lagi terikat kepada arahan yang dikeluarkan oleh JPJ bagi memastikan syarat-syarat dan terma-terma perjanjian konsesi serta piawaian dan piagam pelanggan diikuti oleh pihak syarikat.

Bagi mengawal dan mengatur perjalanan syarikat ini apabila penswastaaan dijalankan, JPJ akan menubuhkan bahagian kawal selia yang kukuh. Kualiti perkhidmatan akan ditingkatkan selepas penswastaaan dan jumlah pejabat, bilangan kakitangan, bilangan komputer dan lain-lain akan ditingkatkan.

Mengenai soalan yang kedua, lesen terbang telah dijawab pada minggu yang lepas, Khamis.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kadar kemalangan jalan raya sebagaimana yang kita tahu mempunyai peratus yang sangat tinggi dalam negara kita, adakah ia perlu satu perubahan dalam syarat pengeluaran lesen dan apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh kerajaan dalam mengurangi masalah kemalangan jalan raya.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kemalangan di negara kita memang tidak begitu tinggi seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Kalau dibandingkan dengan negara di ASEAN, memang negara kita adalah yang kedua terbaik sekali selepas

Singapura. Tiap-tiap 10,000 kenderaan yang berdaftar di negara kita, anggaran adalah 5.7 kalau dibanding dengan negara Thailand adalah 8.4 dan Indonesia 9.3, kalau banding dengan China 48, India 120. Memang kementerian akan jalankan program supaya kita boleh meningkatkan lagi pemandu yang lebih cekap dan berhemah.

7. **Tuan Zainal bin Rampak** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan angka/jumlah pekerja yang ditamatkan perkhidmatan mereka yang dilaporkan di bawah seksyen 20, akta Perhubungan Perusahaan bagi tahun 1997, 1998, 1999 dan 2000 serta perangkaan kes-kes yang telah diselesaikan dan kes yang belum diselesaikan

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali sebelum saya jawab soalan ini, saya ingin mengucapkan syabas, tahniah serta terima kasih kementerian dan kerajaan kepada Yang Berhormat Presiden MTUC kerana dapat meyakinkan ahli-ahli Exco beliau untuk tidak berpiket pada 12 Mei, [*Tepuk*] setelah mendapat assurance yang begitu kukuh daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, angka bagi kes-kes yang dilaporkan di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan dan kes-kes yang diselesaikan dan belum diselesaikan adalah seperti berikut:

Status Kes	Bilangan Kes			
	1997	1998	1999	2000
Dilapor	3,524	8,819	5,370	4,778
Diselesai	3,441	8,709	4,662	3,311
Belum diselesai	83	110	708	1,467

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, melihat dari statistik yang dinyatakan oleh kementerian, oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kes-kes yang tertunggak daripada tahun 1997 sehingga sekarang bertambah dari setahun ke setahun.

Kita lihat tadi tahun 1997 – 83; tahun 1998 – 110; tahun 1999 – 708 dan tahun 2000 – 1,467 ini menunjukkan pertambahan kes-kes yang tertunggak, maka

soalan saya apakah rancangan Kementerian untuk menyelesaikan kes tertunggak ini dan bagaimana caranya untuk menyelesaikannya.

Kedua, kes-kes yang sebegini rupa apabila kita baca di media cetak sebagai contoh, saya rasa banyak berat sebelahnya kepada pekerja di mana majikan-majikan terpaksa membayar pampasan yang begitu tinggi kepada pekerja-pekerja.

Jadi, soalan saya adakah perkara-perkara ini benar berlaku sehingga sekarang yang mungkin menakutkan majikan-majikan yang ada.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Dato' Hamzah, beliau memang seorang majikan juga.

Kalau hendak cerita pasal kes tertunggak, Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham kenapa kes-kes pertikaian perusahaan itu dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, izinkan saya untuk bercerita panjang sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Kes-kes dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan melalui dua cara. Pertama, melalui rujukan kes yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Kedua, adalah rujukan kes yang dibuat terus oleh majikan atau kesatuan sekerja terus kepada mahkamah.

Biasanya kes-kes yang dirujuk kepada Yang Berhormat Menteri melibatkan kes-kes pembuangan kerja di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan, kes pertikaian perusahaan di bawah Seksyen 26 akta tersebut, kes bersabit dengan hak pekerja majikan dan kesatuan di bawah Seksyen 8 juga akta tersebut. Rujukan kes oleh majikan dan kesatuan sekerja melibatkan kes seperti berikut:

- (i) Permohonan untuk tafsiran kepada Perjanjian Kolektif (collective agreement), dengan izin, atau Award Mahkamah. Permohonan untuk meminda Perjanjian Kolektif atau Award Mahkamah, aduan atau ketidakpatutan Perjanjian Kolektif atau Award Mahkamah; dan
- (ii) Permohonan atas persoalan undang-undang untuk dirujuk kepada Mahkamah Tinggi.

Walau bagaimanapun, 70% hingga 80% kes yang diterima di mahkamah adalah dirujuk oleh Yang Berhormat Menteri yang melibatkan kes pembuangan kerja di bawah Seksyen 20.

Yang Berhormat tadi menceritakan tentang kegawatan ekonomi, itu sebahagian daripada, dengan izin, *tip of the iceberg*. Bilangan yang tertunggak ini

menjadi banyak kerana selain daripada kegawatan ekonomi, bilangan pengerusi mahkamah juga tidak berubah. Daripada sembilan orang iaitu terdiri daripada lapan orang Pengerusi dan seorang Yang di-Pertua.

Kedua, penambahan kes-kes, dengan izin, statutory di Mahkamah Tinggi dan juga kes-kes yang melibatkan penangguhan kes. Antara sebab, peguam tidak ada di mahkamah kerana berada di mahkamah lain, pihak penuntut tidak hadir, saksi bercuti dan pelbagai alasan yang diberikan.

Ketiga, juga kita perlu sedar bahawa pertumbuhan industri negara yang pesat. Kita sedia maklum bahawa negara kita adalah negara industri, 82% adalah terdiri daripada industri pembuatan dan ini membuatkan kita adalah sebuah negara yang globalize dan jika berlaku apa-apa juga perubahan dalaman atau luaran sudah tentu akan mengakibatkan pekerja-pekerja diberhentikan.

Langkah yang diambil untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak ini, pertama sekali kita sudah pun menambahkan jumlah pengerusi kepada enam, tambah lagi. Jadi, maknanya sembilan campur enam – lima belas yang telah pun diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada bulan Mac 2000. Kita juga mengemas kini dan menambah pegawai-pegawai untuk mengemas kini dokumen-dokumen statement kerana kes-kes yang dibawa ke mahkamah perlulah dilihat adil.

Jadi, saya jawab soalan kedua, Yang Berhormat [Ketawa] menyatakan seolah-olah mahkamah ini berat sebelah. Sebenarnya Mahkamah Perusahaan adalah sebuah mahkamah yang sama dengan mahkamah-mahkamah lain di mana pihak yang dirasakan dianiaya di bawah Seksyen 20 pekerja diberi ruang yang begitu luas untuk mengemukakan kes-kes. Begitu juga pihak majikan cuma apa Yang Berhormat baca di akhbar-akhbar dan media cetak ini memang biasalah, kalau 'anjing gigit manusia' ia tidak jadi berita, Yang Berhormat, tetapi kalau 'manusia gigit anjing' itu jadi berita. [Ketawa]

Jadi, dalam kes ini banyak kes yang dilaporkan oleh akhbar sebenarnya adalah dilihat memihak kepada pekerja tetapi saya juga hendak ingatkan kepada majikan supaya jika ingin melakukan kes hendak buang pekerja, kita mempunyai ruang yang begitu luas. Kebanyakan majikan yang pergi ke Mahkamah Perusahaan tidak mempunyai dokumen-dokumen yang boleh menyokong kuat yang pembuangan kerja tersebut adalah, dengan izin, *justified*.

Jadi, kalau saya hendak beritahu Yang Berhormat Dato' Hamzah kena belanja kopilah dekat luar. [Ketawa] Terima kasih.

8. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan cara-cara yang dijalankan oleh pihak kerajaan bagi mengesan warganegara Malaysia yang berusaha mensabotaj politik dan ekonomi negara dan setakat ini berapakah bilangan individu atau kumpulan yang telah terbabit serta apakah tindakan yang diambil.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa peka terhadap perkembangan-perkembangan semasa yang berlaku di tanah air mahupun di luar negara di mana melibatkan kepentingan negara sama ada daripada segi politik, ekonomi dan sosial.

Kerajaan mempunyai cara-cara tersendiri untuk memperolehi maklumat-maklumat dan mengesan kegiatan-kegiatan sabotaj terhadap negara kita sendiri. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas individu ataupun kumpulan-kumpulan yang mengancam kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan-kegiatan sabotaj boleh datang dari pelbagai cara seperti sumber kewangan dari luar negara, dari pihak-pihak tertentu dan juga sokongan moral dan juga lain-lain sokongan yang bukan dalam bentuk kewangan. Satu lagi pencetusan pergaduhan, perpecahan kaum dan sebagainya juga dianggap sebagai kegiatan-kegiatan sabotaj yang boleh berlaku dalam negara kita sendiri. Kerajaan sentiasa melalui agensi-agensi kerajaan supaya kita dapat mengekalkan satu keadaan yang selamat dan tenteram supaya rakyat kita dapat terus menjalankan tugas-tugas harian. Sekian.

Puan Chew Poh Thoi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Ketua Polis Negara menggunakan pepatah 'Wang Enfui' itu bererti 'tidak mengenal budi' atau 'kacang lupakan kulit.'

Untuk menyedari kaum Cina menyertai dalam perkhidmatan tentera, pepatah ini adalah tidak sesuai. Selain daripada jawatan tentera adakah perkhidmatan di bidang yang lain tidak menyumbang kepada negara? Soalan tambahan saya adakah kementerian mempunyai rancangan-rancangan untuk menggalakkan lebih ramai kaum Cina memasuki tentera? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang benar selepas Ketua Polis Wilayah Persekutuan, Dato' Meor ditemuduga beliau telah pun mengeluarkan beberapa komen yang didapati tidak begitu tepat. Apabila saya mengetahui keadaan sebenar, saya telah pun memberi satu kenyataan kepada pihak-pihak media massa dan memberitahu

bahawa maksud Ketua Polis Wilayah Persekutuan yang menggunakan 'Wang Enfui' ini adalah tidak tepat sekali dan mungkin akan jadi sensitif terhadap masyarakat-masyarakat bukan kaum Melayu.

Saya juga memberitahu pihak press bahawa saya akan menyampaikan perasaan ketidakpuasan ini kepada Ketua Polis Wilayah Persekutuan dan walaupun saya masih belum berkomunikasi dengan beliau, saya difahamkan maksud beliau ketika mengeluarkan komen-komen itu adalah beliau merasa kesal begitu kurangnya pemuda-pemudi bukan Melayu yang menyertai pihak polis dan juga pihak tentera. Komennya, beliau bermaksud jika trend ini berterusan, maka ini tidak akan mencerminkan masyarakat majmuk di Malaysia kita. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan dalam kes Kampung Medan ini adakah tidak orang-orang yang terlibat untuk mengeksploitasi dan cuba mensabotaj supaya huru-hara, supaya insiden itu dijadikan satu perkara yang besar.

Pada masa yang sama saya ingin mengetahui pihak kerajaan dari segi Kementerian Dalam Negeri mungkin mengawasi kegiatan-kegiatan sabotaj di dalam negara tetapi kini kita dapati menerusi cara-cara lain banyak pendekatan sabotaj yang boleh dibuat di peringkat luar negara seperti yang pernah kita dengar bagaimana warganegara Malaysia di tempat-tempat di luar negara membuat kegiatan-kegiatan yang menyekat orang melabur ke negara dan sebagainya.

Jadi, saya hendak tahu adakah pihak Kementerian Dalam Negeri juga mempunyai pegawai-pegawai tertentu di peringkat luar negara yang boleh mengesan dan mengambil tindakan kepada mereka ini apabila mereka pulang, tarik pasport, apa sekalipun, cara-caralah. Saya hendak tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Seperti yang saya katakan tadi dalam jawapan asal, kerajaan kita mempunyai cara-cara tersendiri untuk memperolehi maklumat-maklumat dan mengesan kegiatan-kegiatan sabotaj ini termasuk orang-orang yang bertanggungjawab dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat ini.

Tetapi malangnya, saya tidak dapat memberitahu apakah cara-cara yang diguna pakai oleh kerajaan sebab saya sendiri pun tidak tahu. Sebab kerajaan mempunyai satu sistem, cara-cara tersendiri, macam negara lain juga yang mempunyai pihak *intelligence* mereka sendiri. Dan, kita mempunyai pegawai-pegawai yang bertugas di kedutaan-kedutaan kita dari segi mendapat maklumat-

maklumat dan mengesan kegiatan-kegiatan termasuk dengan pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan sabotaj ini. Sekian.

9. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah faktor yang menyebabkan empat buah syarikat penerbangan asing memberhentikan persinggahan mereka di KLIA dan apakah kesan utama daripada pemberhentian ini.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat penerbangan yang menamatkan perkhidmatan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ialah Qantas, Lufthansa, British Airways, All Nippon Airways dan Aeroflot.

Untuk makluman Yang Berhormat, operasi sesuatu syarikat penerbangan ke destinasi tertentu adalah bergantung kepada pelbagai faktor dan pertimbangan komersial. Antaranya termasuk kos operasi, jumlah penumpang, untung atau rugi operasi dan keahlian dalam airlines-airlines.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun terdapat beberapa syarikat penerbangan menamatkan perkhidmatan ke KLIA, terdapat juga pada masa yang sama beberapa syarikat penerbangan baru yang telah memulakan penerbangan dan beberapa syarikat penerbangan sedia ada yang menambahkan kekerapan penerbangan ke KLIA

Syarikat-syarikat penerbangan baru yang telah memulakan penerbangan ke KLIA, termasuk North-West Airline dari USA, Turkish Airline dari Turkey, Air Toward International dari UK, Asiana Airline dari Korea Selatan, Polar Air Cargo dari USA dan Lion Air dari Indonesia.

Syarikat-syarikat penerbangan sedia ada yang menambahkan kekerapan penerbangan ke KLIA termasuk Cathay Pacific Airway dari Hong Kong, Emirate dari Dubai, KLM dari Holland dan Rouda Air dari Australia.

Dato' Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Daripada syarikat-syarikat yang sudah keluar dengan yang baru masuk ini, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat, apakah dari segi keuntungannya, adakah sama? Sebab Yang Berhormat hanya jawab dari segi bilangan, jadi kita hendak tahu *volume*, berapa banyak dari segi pemiagaan, pendapatan yang untung atau rugi, perbezaannya?

Dan, berikutan dengan itu apakah pula perkhidmatan KLIA yang juga dijadikan sebagai satu alasan yang tidak begitu yang ditekankan oleh Yang Berhormat tadi sebab sebagai sebab utama kenapa syarikat-syarikat ini keluar daripada KLIA. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Ghazi dari PJ Utara, jiran saya. *[Ketawa]* Untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita tengok dari nombor syarikat penerbangan yang masuk dan keluar KLIA, memang susah kita dapat bandingan tetapi kita mesti tengok dari jumlah penumpang yang ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, ketibaan penumpang di KLIA, meningkat sebanyak 11.8% kepada 14.7 juta untuk tahun 2000, berbanding dengan meningkat 5.2% atau 13.2 juta pada tahun 1999. Oleh itu dari angka ini, memang telah menunjukkan lebih ramai penumpang datang ke Malaysia.

Mengenai soalan yang kedua, memang adalah hasrat kerajaan dan Kementerian Pengangkutan supaya KLIA boleh menjadi sebagai sebuah hub penerbangan serantau dalam tempoh 10 hingga 15 tahun. Oleh itu, satu jawatankuasa pemandu telah ditubuhkan untuk melaksanakan pelan, strategi terhadap 3 aspek penting.

- (i) Menetapkan piawaian perkhidmatan untuk tujuan mencapai mutu perkhidmatan cemerlang di peringkat antarabangsa;
- (ii) Memperluaskan rangkaian perkhidmatan dan kekerapan penerbangan di antara KLIA dengan destinasi-destinasi penerbangan antarabangsa yang utama;
- (iii) Mengadakan kempen pemasaran dan promosi yang bersepadu di antara KLIA, MAS dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (TDC).

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Adakah kerajaan mempunyai satu pelan perancangan jangka panjang dalam setiap projek-projek mega yang dibuat dalam negara kita ini supaya projek-projek mega ini tidak memberi beban kepada negara kita?

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Soalan ini memang mesti menuju kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, mengenai Kementerian Pengangkutan seperti yang saya katakan tadi, seperti KLIA – program-program yang saya katakan, akan dijalankan dengan KLIA yang saya

katakan tadi telah mencapai tempat kedua dalam *passengers away for the world best airport* yang dijalankan oleh *Sky Trap Research*, UK bagi tahun 2001 untuk tempoh *winter*. Usaha akan diteruskan untuk menentukan KLIA mencapai perkhidmatan cemerlang dalam semua aspek.

10. **Datuk Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan secara terperinci tentang kejadian di Kampung Medan baru-baru ini, penyelesaian, pelan-pelan tindakan yang diwujudkan serta adakah pendekatan yang sama akan digunakan di kawasan setinggan yang lain bagi menyelesaikan masalah perpaduan bangsa yang nampaknya semakin serius sejak kebelakangan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kejadian di Kampung Medan bermula dengan satu pergaduhan pada 4 Mac 2001 di mana seorang India telah menolak dan memecahkan meja dan kerusi yang didapati menghalang jalan sebuah rumah orang Melayu yang mengadakan kenduri kahwin. Berikutan pertengkaran dengan perkataan-perkataan yang kurang sopan, lelaki itu dipukul oleh ahli keluarga Melayu.

Walau bagaimanapun, lagi satu pergaduhan telah berlaku apabila orang India datang semula dengan rakan-rakannya bersenjatakan parang. Lelaki India telah melarikan diri masuk ke sebuah rumah berhampiran India yang ada kematian. Pemusnahan harta benda seperti kereta dan motosikal telah berlaku. Namun demikian, berikutan perbincangan di antara pihak-pihak yang terlibat, perkara ini telah diselesaikan kerana ketua rumah yang mengadakan kenduri kahwin adalah seorang Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga. Namun demikian, ada kemungkinan berita pergaduhan tersebut telah merebak ke kawasan-kawasan berhampiran.

Satu lagi kejadian telah berlaku pada 8 Mac 2001, di mana seorang kanak-kanak India yang bermain lastik di Taman Desa Ria telah dengan tidak sengaja melastik batu ke arah sebuah van yang mengakibatkan cerminnya pecah.

Apabila pemandu van, seorang Melayu cuba meleraikan pertengkaran di antara tuan punya van, seorang India dan bapa kepada kanak-kanak berkenaan, pemandu diserang oleh bapa kepada kanak-kanak India itu. Kejadian ini dilihat oleh para penduduk rumah pangsa yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu.

Timbullah salah sangka dan khabar angin disebar bahawa seorang Melayu dipukul oleh orang-orang India. Kejadian ini menjadi punca serangan orang Melayu ke atas orang India dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah mengambil tindakan serta-merta dengan menubuhkan 8 Jawatankuasa Protem Rukun Tetangga pada 11 Mac 2001, yang telah memulakan rondaan secara sukarela pada hari itu juga. Ahli-ahlinya terdiri daripada kaum India dan Melayu. Usaha ini telah meredakan keadaan tegang yang telah wujud pada masa itu.

Sekarang terdapat lebih kurang 50 Jawatankuasa Protem Rukun Tetangga di Kampung Medan dan kawasan-kawasan yang berhampirannya. Kementerian juga telah mengadakan pelbagai aktiviti lain bagi mengeratkan lagi perhubungan di antara kedua-dua kaum seperti sukaneka.

Mangsa kejadian telah disediakan tempat tinggal sementara dan makanan. Bantuan kewangan juga telah diberi kepada keluarga mangsa. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan terus melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan perpaduan negara, menubuhkan kawasan-kawasan Rukun Tetangga baru, khasnya di kawasan-kawasan setinggan dan memantau kejadian-kejadian kecil yang berlaku di seluruh negara supaya tidak menjadi isu perkauman.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 2,006 kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara pada tahun 2001 yang telah berjaya menjalankan 2,306 aktiviti perpaduan. Sementara itu kementerian-kementerian lain juga sedang mengambil tindakan seperti menyediakan infrastruktur dan perumahan kos rendah bagi setinggan. Terima kasih.

11. **Puan Chew Poh Thoi** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab Linkedua ke Singapura tidak menerima sambutan yang baik dan jumlah pengguna tidak mencapai ramalan syarikat konsesi itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara sebab Linkedua ke Singapura tidak menerima sambutan baik, jumlah pengguna tidak mencapai ramalan syarikat konsesi ialah seperti berikut:

- (i) Lokasi Linkedua yang dikatakan terlalu jauh berbanding pengguna menggunakan laluan Tambak Johor. Para pengguna seolah-olah perlu berpatah balik sekiranya menggunakan Linkedua;
- (ii) Perbezaan kadar tol antara Linkedua di Tanjung Kupang dan Tambak Johor yang ketara juga turut mempengaruhi pengguna untuk tidak menggunakan Linkedua. Sebagai contoh, bagi kenderaan kelas 1, pengguna perlu membayar sebanyak RM6.60 sehalu bagi tol di Malaysia. Berbanding hanya RM2.10 bagi laluan sehalu di Tambak Johor.
- (iii) Syarikat konsesi Linkedua telah mengambil kira pembangunan Nusajaya dalam anjuran asal trafikanya. Namun oleh kerana kegawatan ekonomi yang bermula pada tahun 1997 telah menyebabkan pembangunan Nusajaya turut terjejas sekaligus memberi impak negatif kepada jumlah trafik Linkedua;
- (iv) Selain itu keadaan logistik seperti ruang pejabat urusan agensi-agensi pengangkutan, kemudahan bank, kemudahan ruang memunggah dan menurunkan barang-barang untuk agensi pengangkutan masih tidak terdapat di Linkedua. Pihak swasta juga belum bersedia membina semua kemudahan tersebut kerana penggunaan Linkedua belum begitu pesat;
- (v) Seterusnya, adalah didapati kenderaan kelas 2 dan 3, yang maksudnya lori sederhana dan besar enggan menggunakan Linkedua untuk ke Singapura kerana mendakwa perbezaan bayaran tol adalah begitu ketara sekali. Sebagai contoh kenderaan kelas 3 yang menggunakan laluan kedua, membayar sebanyak RM30, berbanding dengan hanya RM4.20 sekiranya menggunakan Tambak Johor. Sekian.

Puan See Too Mee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehingga setakat ini, masalah kesesakan jalan antara Linkedua dan Taman Perling Johor Bharu masih belum diatasi dengan berkesan. Boleh jadi, adakah itu kemungkinan salah satu sebabnya Linkedua ke Singapura tidak menerima sambutan yang begitu baik. Jadi,

soalan tambahan saya, apakah usaha yang telah diambil oleh kementerian supaya masalah *bottle neck* dapat diatasi dengan lebih berkesan. Terima kasih.

Datuk Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, lebu raya di Perling saya ingat, kita ada juga dalam rancangan untuk kita mengadakan persimpangan bertingkat, dan memperluas jalan di utara dekat Perling supaya ianya akan menampung trafik di kawasan sana tetapi masalah yang sebenar, Linkedua tidak tercapai ramalan trafik ialah sebab memang harga tol yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga sekarang jumlah trafik kenderaan yang menggunakan Linkedua, sampai 40% yang diramalkan. Oleh kerana itu, memang kita menjalankan semua usaha supaya semua jalan yang ke arah Linkedua diperbaiki supaya mereka menggunakan Linkedua lebih kerap lagi. Terima kasih.

12. Tuan Jang Chow Th ye [Di bawah P.M 23(2)] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, apakah ada rancangan ke arah mengkaji semula kurikulum di Tabika KEMAS dengan mengambil kira penambahbaikan kurikulum selaras dengan perkembangan dunia masa kini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim]: Tuan Yang di-Pertua, KEMAS bekerjasama membantu Kementerian Pendidikan dalam merancang, mengkaji dan mengemas kini semula kurikulum kebangsaan pra-sekolah. Masa kini, kurikulum Tabika KEMAS adalah berasaskan garis panduan kurikulum pra-sekolah yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. Kurikulum ini disesuaikan selaras dengan perubahan pendidikan semasa dunia terutamanya pendedahan kepada teknologi maklumat iaitu penggunaan komputer dalam pengajaran, dalam pembelajaran di tabika di samping penekanan kepada kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi, ada Yang Berhormat mengatakan bahawa ianya adalah selari dengan kurikulum Kementerian Pendidikan dan Yang Berhormat juga ada menyentuh soal daripada segi teknologi maklumat dengan kemudahan komputer dan sebagainya. Soalan tambahan saya ialah, berapakah unit komputer yang dibekalkan kepada tabika-tabika KEMAS kerana saya dapati lazimnya hanya sebuah komputer dan ini tidak mencukupi untuk anak-anak kita belajar. Sekian, terima kasih. .

Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Pembekalan komputer-komputer ke tabika adalah dimulai pada tahun 1999 selaras

dengan era penggunaan komputer. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini hanya 195 buah tabika sahaja yang telah dibekalkan dengan komputer dan dimulakan dengan seunit sebuah tadika dan memang kita akui memang banyak lagi tabika-tabika lain yang memerlukan komputer.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada 7,997 buah komputer di seluruh negara. Jadi, kalau seunit pun sudah ada sebenarnya memadai daripada tidak ada langsung. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini, tidak nampak tabika KEMAS di ladang-ladang, kampung-kampung di pinggir bandar dan kawasan penduduk setinggan. Anak-anak daripada ladang-ladang dan tempat setinggan adalah daripada keluarga miskin yang juga perlu tabika-tabika KEMAS. Soalan saya ialah ;

- (i) apakah dasar kerajaan untuk mewujudkan tabika KEMAS ;
- (ii) bolehkah adakan tabika KEMAS di ladang-ladang dan kampung-kampung pinggir bandar dan tempat-tempat setinggan; dan
- (iii) jikalau tidak boleh wujud di ladang-ladang, pinggir-pinggiran kampung dan tempat-tempat setinggan, mengapa .

Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan Yang Berhormat telah terkeluar daripada soalan pokok sebab soalan pokok iaitu mengkaji dan mengemas kini semula kurikulum kebangsaan pra-sekolah. Jadi, maklumat-maklumat Yang Berhormat perlukan itu, mungkin saya boleh bantu sedikit daripada segi memandangkan ada disentuh mengapa tabika-tabika tidak diwujudkan di ladang-ladang? Di ladang-ladang Yang Berhormat, sebab itu adalah swasta. Jadi, masalah tanah untuk mengadakan tabika itu sebab tertakluk kepada kebenaran pihak swasta yang mempunyai estet tersebut. Jadi, itu sebabnya tabika tidak dibina di ladang-ladang tetapi kementerian memang sentiasa mencari jalan untuk memastikan bahawa anak-anak di estet-estet juga tidak ketinggalan. Oleh yang demikian, kita mewujudkan tabika-tabika di pinggir ladang. Jadi, ada beberapa tetapi oleh kerana soalan ini terkeluar Yang Berhormat, saya tidak ada maklumat terperinci.

Mengenai setingan, memang hasrat kerajaan buat masa ini belum lagi mengadakan tabika di kawasan setingan sebab ianya harus diselesaikan dahulu masalah daripada segi status kampung itu sebab ianya setingan. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 25 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan ke atas usul yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka penggal Ketiga Parlimen Yang Kesepuluh”. **[10 Mei 2001]**

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

11.27 tgh.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan saya atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jawapan oleh Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat baru-baru ini menunjukkan betapa pentingnya perpaduan negara di Malaysia. Beberapa negara majmuk telah menggunakan dua konsep iaitu asimilasi ataupun integrasi. Konsep asimilasi yang telah digunakan oleh negara

seperti Amerika Syarikat tetapi pengalaman mereka untuk menyatupadukan kumpulan-kumpulan etnik, kumpulan-kumpulan yang mempunyai beberapa bahasa dan kebudayaan tidak begitu berjaya.

Kita di Malaysia menggunakan konsep integrasi di mana kita berkongsi nilai-nilai bersama tetapi juga kita *retain* beberapa ciri-ciri ataupun norma-norma golongan etnik dan golongan sosial. Oleh kerana itu, negara kita harus menggunakan cara ataupun pendekatan yang efektif ataupun berkesan. Negara kita telah berjaya mengekalkan perpaduan antara kaum dan keharmonian masyarakat sejak kita mencapai kemerdekaan. Model perpaduan di antara kaum yang telah dihasilkan di negara kita telah menjadi ikutan kepada beberapa negara di dunia ini.

Tidak ada mana-mana pihak yang boleh menafikan kenyataan bahawa kerajaan ini adalah hasil perancangan yang teliti dan pelaksanaan yang bersungguh-sungguh oleh pemimpin kerajaan khususnya pemimpin-pemimpin awal kita. Konsep berkongsi kuasa di antara kaum adalah formula yang dihasilkan oleh pemimpin awal melalui perbincangan dan *negotiation*. Formula ini telah berjaya selama ini walaupun terdapat masalah-masalah kecil seperti isu di Kampung Medan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, sesetengah peristiwa yang telah berlaku baru-baru ini menuntut supaya kita menilai semua perancangan dan pelaksanaan program untuk meningkatkan perpaduan di kalangan kaum utama di negara kita. Sudah tiba masanya untuk kita mengkaji secara ikhlas supaya mengenal pasti di mana letaknya kesilapan. Kita perlu mengkaji punca berlakunya peristiwa-peristiwa ini yang menggugat keharmonian di antara kaum selama ini menjadi idaman kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, setelah berlakunya peristiwa Kampung Medan, pelbagai pihak mengeluarkan pelbagai pendapat mengenai sebab berlakunya peristiwa ini. Sekali lagi, banyak pihak menuduh sistem persekolahan di negara kita sebagai punca berlakunya kerenggangan di antara kaum. Mereka juga secara khususnya mengkritik sistem persekolahan yang memberikan peruntukan kepada kewujudan sekolah jenis kebangsaan (Cina) dan sekolah jenis kebangsaan (Tamil) sebagai penyebab berlakunya kerenggangan di antara kaum, kononnya sekolah-sekolah ini menyebabkan berlakunya polarisasi kaum.

Sistem pendidikan di negara kita telah diuji keberkesanannya sejak 43 tahun yang lalu. Sistem pendidikan berasaskan kepada Laporan Razak yang dihasilkan pada tahun 1956. Di antara tujuan utama sistem pendidikan ialah untuk

menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum tetapi kini sistem pendidikan dituduh sebagai tidak mencapai tujuan ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah melahirkan rasa tidak puas hati tentang sistem pendidikan di negara kita yang pada pendapat beliau tidak berkesan dalam mengukuhkan perpaduan antara kaum.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Dato' T. Marimuthu, Datuk Ghazi minta laluan.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Jemput Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya minta laluan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu. Yang Berhormat Dato' membangkitkan isu yang amat relevan sekali terutama sekali apabila bercakap tentang masalah Kampung Medan, ada kaitan dengan permasalahan sistem pendidikan. Dua soalan yang saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat, pertamanya tentang peristiwa Kampung Medan.

Yang Berhormat sekali gus menjawab dan mengatakan masalah kecil tetapi saya rasa walaupun kecil tetapi mempunyai potensi menjadi masalah yang lebih besar daripada apa yang sebenarnya telah berlaku. Ini kerana, kalau kita lihat, setelah berlakunya masalah Kampung Medan, terdapat keseluruhan jentera kerajaan di peringkat negeri, peringkat Persekutuan, kesemuanya memberi penumpuan dan sekali gus dalam masa yang singkat, telah mendapat menyelesaikan banyak masalah rakyat. Ini seolah-olah di kalangan rakyat mengatakan bahawa kalau hendak selesai masalah cepat, kena ada masalah seperti Kampung Medan, ini bahayanya.

Jadi saya ingin mendapat pendapat Yang Berhormat tentang bagaimana hendak *strike balance*, dengan izin, tentang hal ini kerana kita tidak hendak perkara ini merebak di kawasan setinggan yang lain kerana dari segi komposisi kampung setinggan di Kampung Medan dengan yang lain-lain adalah lebih kurang sama.

Perkara kedua yang saya ingin mendapat reaksi daripada Yang Berhormat Dato' mengenai sistem pendidikan. Yang Berhormat mempertahankan sistem pendidikan dan saya bersetuju. Tetapi apa pendapat Yang Berhormat Dato' mengenai kenyataan oleh Senior Minister Lee Kwan Yew daripada Singapura di mana bila beliau mengatakan pendapat bahawa sebenarnya masalah pokok ialah sistem pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita terus menjawab kata ya, dia bersetuju, yang sebenarnya saya pun tidak bersetuju dan boleh kita

perdebatkan dengan lebih panjang lebar. Jadi saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua: Jemput Dato' Dr. T. Marimuthu.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Ya, terima kasih atas pendapat rakan seperjuangan saya mengenai dua isu iaitu satu ialah peristiwa Kampung Medan yang Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menjawab. Walaupun ini adalah boleh dianggap sebagai satu perkara yang kecil tetapi adakah ini satu perkara yang kecil ataupun ini adalah satu *tip of the iceberg*. Adakah banyak masalah di negara kita belum diselesaikan. Dan inilah satu soalan yang pokok yang harus kita menjawab. Satu cabang untuk menyelesaikan ataupun mengukuhkan perpaduan negara di sini ialah sistem dan struktur pendidikan dan kita harus menyemak semula bagaimana sistem pendidikan di Malaysia mengukuhkan perpaduan negara ataupun menghalang perpaduan.

Mengenai pendapat Senior Minister Lee Kwan Yew, sistem pendidikan negara Singapore adalah sesuai untuk negara itu tetapi di negara kita ada beberapa faktor yang berbeza. Oleh kerana itu, saya berpendapat bahawa pada masa sekarang kita belum mencapai satu tahap di mana sekolah-sekolah rendah boleh diintegrasikan sebagai satu *common schooling*. Itulah pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa sistem persekolahan *vernacular* yang telah dipersetujui dalam perkongsian kuasa antara kaum dari awal yang telah terbukti menyumbang terhadap pembangunan negara tidak menjadi salah satu daripada faktor yang menyebabkan kerenggangan perpaduan di antara kaum. Tetapi saya setuju beberapa peringkat sekolah ataupun institusi-institusi pendidikan tinggi menyumbang kepada polarisasi kaum.

Saya juga telah menjalankan dua kajian mengenai polarisasi kaum di universiti-universiti. Satu kajian ialah mengenai *student development* di Malaysian universities beberapa tahun yang lalu apabila saya berkhidmat di Universiti Malaya dan kajian ini adalah atas integrasi sosial di kalangan penuntut-penuntut di universiti negara kita. Semasa itu negara kita mempunyai lima universiti sahaja dan jumlah penuntut-penuntut di lima universiti itu ialah 25,000 sahaja. Dan saya mengambil sample 10% daripada penuntut-penuntut akhir tahun oleh kerana mereka telah serap norma dan nilai daripada universiti-universiti. Dan universiti itu ialah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.

Apakah kajian ataupun penemuan saya dapati adalah daripada 695 penuntut-penuntut akhir tahun di lima universiti, beberapa aspek perkembangan individu dan cara interaksi sosial telah dikaji. Satu soalan kepada mereka adalah *“Have you observed any tendency for students in your university to group together according to socio-economy background ethnicity or region areas.* Ini adalah soalan mengenai kewilayahan ataupun status sosioekonomi dan juga adakah bergaul berasas ataupun berasaskan atas etnik..

Faktor yang penting ketara adalah *ethnicity* dan kedua adalah kewilayahan. Penuntut-penuntut di universiti-universiti bergaul dan berinteraksi dengan kumpulan etnik mereka ataupun penuntut-penuntut daripada negeri masing-masing. Hanya 6%, menyatakan mereka bergaul dengan bebas tanpa mengira kaum, agama, kewilayahan dan sebagainya. Ini adalah data tetapi jika kita menjalankan penyelidikan ini mungkin pergaulan dengan etnik mungkin adalah lebih.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang Di-Pertua: Jemput Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' T. Marimuthu. Yang Berhormat Dato' ada menyatakan bahawa Yang Berhormat Dato' telah membuat penganalisaan kepada penuntut-penuntut universiti, kalau tidak silap saya 600 responden yang telah menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan. Dan hasil daripada analisa yang telah dibuat hanya 6% sahaja yang didapati bergaul dengan bebas. Tidakkah di peringkat universiti juga sudah begitu lama. Pendek kata pepatah Melayu ada menyatakan kalau hendak melenturkan buluh biarlah di waktu rebung.

Jadi, apakah mungkin sistem pendidikan di negara kita yakni khususnya sekolah-sekolah jenis kebangsaan India dan Cina yang menyebabkan perpaduan di antara kaum tidak begitu baik. Dan apakala mereka dari kecil hanya bergaul dengan kumpulan-kumpulan etnik masing-masing, dengan bangsa masing-masing, balik ke rumah lazimnya kita katalah macam orang India lazimnya tinggal di ladang-ladang dan sebagainya balik di kampung juga bergaul dengan kumpulan etnik mereka sendiri. Maka perpaduan kaum itu tidak dapat kita titikberatkan. Jadi Yang Berhormat setuju atau tidak bahawa saya katakan sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini harus dihapuskan demi perpaduan kaum. Terima kasih.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Ini adalah satu perkara yang sensitif. Seperti yang telah dijawab soalan Datuk Ghazi masyarakat majmuk di negara kita belum sedia

untuk menerima satu sekolah di mana kita katakan *common schooling*. Dan jika kita menyatupadukan untuk satu aliran ada beberapa pihak yang perkara itu boleh menjadi satu perkara yang menyumbang kepada perpecahan masyarakat kita. So, oleh kerana itu pendapat saya ialah kita belum sedia untuk mendapati di peringkat sekolah rendah tetapi di peringkat menengah dan juga di peringkat tertiary kita ada peluang untuk berinteraksi tetapi oleh kerana beberapa faktor belum kita mendapat satu tahap yang menggalakkan. dan kita harus berusaha dengan gigih untuk menyatupadukan penuntut-penuntut kita di peringkat sekolah menengah dan juga di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta. Lagi satu kajian yang disediakan oleh...

Datuk Haji Karim Ghani: *[Bangun]*

Timbalan Yang Di-Pertua: Dato', nampak ada yang hendak minta laluan lagi. Jemput Yang Berhormat Datuk Karim.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Dr. Marimuthu. Di Sabah dan Sarawak sejak koloni dulu sekolah rendah dan akhirnya sekolah menengah kita tidak soal sangat tentang sekolah Cina, sekolah Melayu atau sekolah Inggeris, tetapi di mana sekolah pun sudah bergaul malahan kawan-kawan pun kita tidak terasa yang itu Cina, yang itu India, yang itu Iban, yang itu Kadazan, yang itu Bajau. Kita cuma tahu dia itu kawan sekolah. Malahan pada ketika itu saya bersekolah di St. John's School di Beaufort dan di sebelahnya ada sekolah Cina. Budak-budak Cina yang sama di sekolah St. John itu kalau bergaduh, dia bergaduh Cina sama Cina dari sekolah yang lain, bukan dia bergaduh itu kerana bangsa tetapi kerana persaingan. Malahan sekarang pun kalau dikira saya lihat di Sabah perkara polarasi macam tidak sebegitu terasa.

Adakah kita membuat kajian apa yang berlaku di Sabah dan Sarawak boleh dipanjangkan ke sini supaya perkara yang selalu kita katakan perpecahan tidak berintegrasi ini dapat dikurangkan. Atau mungkin kerana pada ketika itu apabila kita belajar di sekolah kerajaan atau di sekolah Inggeris pada ketika itu masalah suku kaum itu tidak timbul, kita masalah belajar sahaja. Kalau di sekolah Melayu atau di sekolah kerajaan, sekolah Melayu biasanya kita semua belajar bahasa Melayu sahaja. Di sekolah Inggeris kita belajar bahasa Inggeris bercakap dengan bahasa Inggeris.

Masalah suku-suku kaum tidak timbul. Tidakkah kita boleh memikirkan sekarang yang kita perlukan adalah pertama pembelajaran mencari ilmu dan

mengintegrasikan rakyat di seluruh Malaysia. Kita mesti cari jalan yang lebih luas. Mungkin sikap ibu bapa kita sendiri yang menyebabkan anak-anak kita ini tidak bergaul. Kalau saya lihat anak saya di rumah kadang-kadang budak Cina datang tinggal dan tidur bersama-sama main komputer dan sebagainya tidak ada perasaan yang dia Cina, yang dia India, dia Kadazan. Tidakkah bolehkah satu kajian yang lebih mendalam supaya kita dapat sediakan anak-anak kita berintegrasi di masa yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Saya setuju dengan rakan saya iaitu kita harus mengkaji dengan mendalam, mencari jalan bagaimana kita boleh menstrukturkan sistem pendidikan kita. Dan oleh kerana itu saya mencadangkan bahawa kita mengadakan satu suruhanjaya pendidikan (education commission) untuk menyemak semula struktur sistem aliran dan sebagainya untuk mendapat satu sistem yang berkesan dan satu sistem yang relevan kepada masyarakat majmuk ini. Saya setuju. Adalah lagi satu kajian yang disediakan oleh saya juga beberapa tahun yang lalu iaitu merupakan mengenai integrasi nasional, *national integration as study of regionalistic attitude among secondary school students in Malaysia* untuk Jabatan Perpaduan Negara. Pada masa itu Jabatan Perpaduan Negara adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Kita mendapat maklumat daripada 4,675 pelajar-pelajar tingkatan lima di sekolah-sekolah daripada lima negeri – Kelantan, Selangor, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak. Kita telah mengkaji banyak faktor dan aspek mengenai integrasi nasional dan telah disediakan satu laporan terperinci dan telah diserahkan kepada JPN.

Saya hanya mengemukakan satu aspek sahaja iaitu kewilayahan. Dalam kajian saya, negeri Sabah dan Kelantan menunjukkan ciri-ciri kewilayahan yang kuat. Lagi satu soalan adalah mengenai inter marriage, perkahwinan di antara kaum, agama dan negeri. Negeri Sabah 79% dan Sarawak 67% setuju dengan perkahwinan di antara kumpulan etnik. Kelantan hanya 44% sahaja.

Tujuan saya untuk mengemukakan penemuan-penemuan kajian itu adalah untuk menyedarkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan juga kepada kerajaan dan kita harus mengkaji interaksi sosial, bukan sahaja antara kaum tetapi juga di antara negeri-negeri, wilayah, Sabah, Sarawak dan sebagainya.

Saya berpendapat jika kajian-kajian seperti ini dijalankan pada masa kini, tahap polarisasi mungkin tinggi, saya tidak tahulah, kita harus menjalankan kajian

tetapi beberapa universiti telah berusaha untuk mengintegrasikan penuntut-penuntut di hostel dan juga di kegiatan-kegiatan yang lain. Kita harus memberi pujian kepada mereka.

Seperti saya katakan, satu Suruhanjaya Pendidikan harus dijalankan oleh Kementerian Pendidikan ataupun kerajaan untuk menyemak semula keberkesanan sistem pendidikan kita dan keahlian bukanlah daripada pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan tetapi juga daripada pakar-pakar pendidik di negara kita yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan mengenai sistem pendidikan kita yang boleh menyumbang kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda juga telah menyentuh atas isu kecemerlangan dan juga k-ekonomi. Walaupun kita telah bincangkan mengenai k-ekonomi, beberapa golongan tidak begitu sedar dan juga tahu apakah maksud k-ekonomi dan pada Budget yang lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menumpukan ke atas k-ekonomi sebagai satu strategi untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

Menurut beliau, I quote, "Kerajaan mahukan setiap rakyat beralih ke arah k-ekonomi. Ekonomi baru ini akan membawa kepada produktiviti yang meningkat, pendapatan yang lebih tinggi serta kualiti hidup yang lebih baik. Kehidupan dalam ekonomi global berasaskan ilmu pengetahuan dalam dunia tanpa sempadan memerlukan setiap individu kita memperluaskan diri dengan kemahiran baru...", satu perkataan yang penting iaitu kemahiran yang baru, ".....dan menyusun semula keutamaan dalam menerapkan budaya berteknologi tinggi dan keusahawanan yang dinamik."

Tuan Yang di-Pertua, k-ekonomi akan dicapai melalui dasar pendidikan dan pembangunan sumber manusia. Kita memerlukan tenaga manusia yang berilmu, yang berinovatif, berpendidikan, fleksibel dan kreatif. Mereka juga celik komputer dan mempunyai kefasihan dalam bahasa Inggeris oleh kerana bahasa Inggeris adalah bahasa utama di dunia ini dan juga mereka menggunakan sebagai bahasa dalam IT.

Walaupun banyak tumpuan telah diberi kepada k-ekonomi, majoriti rakyat kita tidak memahami konsep k-ekonomi. Kepada mereka k-ekonomi adalah penggunaan komputer. Konsep k-ekonomi adalah abstract dan kerajaan harus berusaha untuk menjelaskan kepentingan konsep ini kepada semua rakyat dan bagaimana k-ekonomi akan mempengaruhi kehidupan harian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan cadangan kerajaan melaksanakan program maklumat komputer di mana setiap sekolah akan diberi 12 hingga 43 buah komputer dan juga dilengkapi dengan kemudahan multimedia dan internet. Keutamaan akan diberi kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Saya yakin sekolah-sekolah Tamil dan juga sekolah-sekolah yang terletak di pedalaman, diberi kemudahan ini.

Mengikut satu kajian yang telah dijalankan oleh MIC, hanya 28 sekolah daripada 523 sekolah mempunyai lebih daripada 10 komputer. Saya harap semua sekolah di kawasan luar bandar akan diberi keutamaan.

Saya juga tertarik dengan cadangan kerajaan bahawa cukai pendapatan dilepaskan sebanyak RM500 setiap tahun untuk membeli buku teks dan majalah dan untuk mempertingkatkan tabiat membaca dan bagi memupuk budaya membaca. Dibandingkan dengan negara-negara lain, tabiat membaca di kalangan rakyat kita adalah terlalu rendah. Sebagai contoh, mengikut satu kajian yang dijalankan oleh International Association of Metropolitan City Libraries atas 50 perpustakaan, rakyat Singapura meminjam 22.5 milion buku setahun iaitu seseorang rakyat Singapura membaca enam buku setahun, dibandingkan dengan 16.6 buku setiap orang di Helsinki, 15.2 buku di Vancouver dan 15.1 buku di Copenhagen.

Saya ingin tahu daripada Kementerian Pendidikan, berapakah buku atau majalah yang dibaca oleh penduduk di negara kita? Saya ingat satu kajian daripada Unesco, saya ingat ini tidak tepat tetapi saya ingat bahawa rakyat di Malaysia membaca satu muka surat setahun. Adakah ini benar, saya belum dapat angka-angka yang tepat.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Tuan Hassan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Mikrofon tidak dihidupkan]*

Dato' Dr. T. Marimuthu: Sorry, saya tidak dengar.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tentang penggunaan komputer dan internet dalam kegiatan k-ekonomi, saya hendak tahu adakah pada pandangan Yang Berhormat bahawa internet dan komputer ini boleh dijadikan sebagai salah satu alat penting untuk menyatupadukan rakyat negeri ini? Terima kasih.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Ya, setuju. Internet boleh digunakan sebagai satu alat untuk menyatupadukan rakyat kita, juga boleh memecahbelahkan rakyat kita. Bagaimana kita menggunakan alat itu. Jika kita salahgunakan alat-alat itu, mungkin kita tidak mendapat objektif kita.

Ya, kita harus mendapat satu budaya buku atau budaya membaca dan oleh kerana itu, jika kita tidak ada angka-angka yang tepat, kita harus membuat satu kajian untuk mendapat apakah buku-buku ataupun majalah-majalah yang dibaca oleh rakyat kita dan kerajaan juga harus meluaskan peluang-peluang untuk membaca iaitu mendirikan perpustakaan di negara kita dan juga khususnya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai agenda masyarakat penyayang. Beberapa strategi dicadangkan untuk mempertingkatkan kualiti hidup rakyat jelata negara kita telah diusahakan seperti meningkatkan pendapatan golongan miskin, meninggikan taraf kesihatan, membina lebih rumah kos rendah dan juga meningkatkan kualiti alam sekitar dan membanteras gejala sosial negatif.

Saya ingin menumpukan atas gejala sosial yang negatif di kalangan masyarakat belia India. Rakan saya, Yang Berhormat Ratnam telah menyentuh mengenai masalah ini tetapi saya juga ingin mengemukakan masalah ini kerana ini adalah satu masalah yang rumit dan kita harus mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya telah dapat angka-angka ataupun data-data daripada Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman di mana beliau mengenal pasti bahawa kaum India terlibat banyak dalam kes-kes jenayah seperti bunuh, samun, bersenjata api dan penculikan. Menurut beliau, pembabitan kaum India adalah serius berdasarkan jumlah kumpulan samseng dalam kaum ini. 38 kumpulan yang mempunyai keahlian sebanyak 1,500 orang.

Negeri yang mempunyai banyak kumpulan gengster adalah negeri Pulau Pinang iaitu 11 kumpulan. May be I give you the name [*Bercakap kepada Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail*], you can sort out the problem. Mereka ialah Geng 555, 08, 04, Black Skin, Black Rose, Black Eagle, Woodstock, Mafia, Jumping Tiger, Manimathan dan India Hooligan.

Daripada jumlah yang ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor, kaum India paling ramai ditahan iaitu 186 orang kaum India, Cina 182, Melayu 60 dan lain-lain kaum 10 sahaja.

Beberapa faktor penglibatan terlalu ramai kaum India adalah aktiviti jenayah telah dikenal pasti seperti pencapaian pendidikan yang rendah dan pengaruh filem-filem dari Bollywood. Ini pun telah dikemukakan. Saya tidak setuju bahawa faktor-

faktor ataupun, faktor-faktor pendidikan tinggi, ya. Oleh kerana mereka tidak mempunyai *salable skill*, pendidikan mereka adalah rendah oleh kerana mereka tidak boleh mendapat pekerjaan yang boleh memberi pendapatan yang tinggi.

Oleh kerana itu, mereka daripada luar bandar ataupun estet-estet masuk ke bandar dan tinggal di kawasan setingan dan mereka berjumpa dengan tokoh-tokoh gengster dan *they become crime prone*.

Bukan dia tengok filem-filem daripada Bollywood dan menjadi samseng ataupun gengster. Tetapi kalau mereka daripada satu persekitaran crime prone apa yang mereka gunakan ataupun apa yang mereka dapat daripada filem-filem itu adalah cara dan pendekatan boleh digunakan daripada itu. Tetapi tidak ada pendidikan ataupun kajian yang memberi data-data yang memberi penemuan di mana filem adalah satu faktor yang mempengaruhi gejala sosial negatif itu.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang meminta laluan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Adakah MIC melakukan kegiatan-kegiatan bagi menarik belia-belia India supaya mereka tidak melakukan jenayah seperti yang disebutkan kerana saya kira kalau sekiranya MIC boleh melakukan kegiatan-kegiatan yang berbentuk agama barangkali boleh menyedarkan mereka supaya mereka tidak mendekati diri ataupun tidak menghampirkan diri kepada kegiatan-kegiatan samseng. Jadi, adakah kerja-kerja ataupun usaha-usaha seperti ini pernah dibuat oleh parti MIC? Saya ingin menarik perhatian, misalnya dalam kejadian di Kampung Medan. Saya difahamkan kerjasama di antara PAS dengan MIC dalam mengendalikan, usaha mendamaikan rusuhan dan kekacauan yang berlaku di Kampung Medan itu sangat berkesan.

Saya tidak tahu sama ada pihak MIC sedar ataupun tidak sedar tetapi saya dimaklumkan oleh ketua parti saya di sana bahawa mereka bekerjasama dengan MIC untuk mendamaikan di antara dua pihak yang bertentangan itu sangat berkesan. Jadi, kalau sekiranya ada saya memohon jawapan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Dato' Dr. T. Marimuthu.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Usaha MIC adalah banyak iaitu kita daripada kindergarten ke universiti kita ada banyak kegiatan-kegiatan, ada kelas tuisyen, kelas bimbingan dan juga kursus-kursus pemimpin dan beberapa aktiviti. Saya adalah Pengerusi Biro Pendidikan dan saya tahu bahawa seluruh negara kita ada mempunyai hampir 5,000 cawangan. Melalui 5,000 cawangan itu kita mengadakan

beberapa aktiviti untuk menarik belia-belia yang cenderung membuat kegiatan-kegiatan sosial yang negatif, ada banyak. Sekarang kita ada satu institusi iaitu Yayasan Strategik Sosial (YSS) di mana yayasan itu menjalankan beberapa kajian untuk menentukan bagaimana dan dimanakah ada masalah-masalah yang apabila kita mengetahui masalah-masalah itu dan kita mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada laluan, minta Yang Berhormat Dato' Ahmad Ismail.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Marimuthu. Saya sekadar hendak bertanya pandangan Yang Berhormat setuju atau tidak kerana apa yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hassan beliau ini bukan dari Barisan Nasional. Jadi, beliau tidak tahu apa kita buat, UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan sebagainya. Yang Berhormat setuju atau tidak kita hendak menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Hassan untuk meninggalkan parti PAS masuk Barisan Nasional bersama kita di mana di sini dia akan nampak banyak benda yang kita buat sebenarnya. Itu sahaja terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Di jemput Dato' Dr. T. Marimuthu.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Ini soalan yang sensitif kepada saya. Ini adalah soalan politik dan walaupun kita menerima usaha-usaha daripada semua rakyat tetapi jika ini berbau politik susah saya hendak memberi jawapan atau setuju atau tidak. Tetapi jikalau sebagai individu boleh, sumbangan daripada individu kita boleh terima tetapi sumbangan daripada parti PASKah ataupun parti-parti yang lain susah sedikit. Sebagai parti tetapi sebagai individu boleh menyumbang, boleh memberi derma, saya boleh ambil. Okay terima kasih pendapat rakan-rakan saya.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai IPTS. Beberapa Yang Berhormat di Dewan ini juga telah mengemukakan masalah kekurangan penuntut bumiputera di IPTS. Saya ingin memberi penjelasan sedikit mengenai keadaan masalah ini. Saya sebagai seorang yang melibatkan diri dalam pengurusan beberapa IPTS. Saya ingin menyatakan di sini kekurangan penuntut bumiputera bukanlah salah IPTS, oleh kerana IPTS tidak mengamalkan kuota seperti IPTA.

Apa yang berlaku ialah pada pendapat saya penuntut-penuntut bumiputera tidak mahu mendaftar di IPTS oleh kerana yuran adalah tinggi dan juga mereka ada beberapa peluang seperti IPTA 55%, UiTM dan juga beberapa kolej yang

dianjurkan oleh beberapa negeri di seluruh negara. Tetapi angka seperti apa yang saya dapati pada masa ini ialah di IPTS bilangan bumiputera adalah 41%, ini boleh diterima dan bukan bumiputera adalah 59% sahaja. Pada masa ini kita mempunyai 600 IPTS bermacam-macam jenis menawarkan beratus-ratus kursus dan jenis program seperti 3+0, 2+1, credit transfer, twinning arrangement, branch university, college dan sebagainya. Semua ini adalah untuk menampung peluang diberi kepada anak-anak kita. Apa yang saya pinta ialah jangan salahkan IPTS untuk kekurangan bumiputera. Kita boleh meninggikan bilangan bumiputera jika mereka diberi biasiswa ataupun pinjaman kepada IPTS. Tetapi kita harus memilih IPTS yang bertaraf mempunyai kualiti yang setaraf dengan universiti-universiti kita .

Kawal selia IPTS oleh JPS dan LAN adalah mencukupi dan saya berharap IPTS tidak dilihat satu cabang yang bertentangan tetapi satu usaha untuk menolong perkembangan pendidikan tinggi di negara kita.

Dengan akhirnya saya ingin membangkitkan satu isu yang telah dibincangkan di Dewan yang mulia ini. Isu ini adalah biasiswa dan dermasiswa kepada anak-anak kita yang telah mencapai tahap kecemerlangan dalam peperiksaan mereka. Dalam peperiksaan SPM, STPM 2000 beribu-ribu penuntut telah mendapat 10A. Ini menunjukkan Malaysia mempunyai kemampuan untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Pendidikan seperti yang kita usahakan atau yang kita perlukan.

Untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan kita harus memuji dan menyokong kecemerlangan, we should celebrate academic excellence. Saya sebagai Pengerusi Biro Pendidikan MIC mendapat beberapa aduan dan rayuan untuk memperolehi biasiswa daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya berpendapat JPA harus melonggarkan ataupun memperbanyakkan biasiswa dan dermasiswa supaya kecemerlangan intelek di negara kita tidak hilang kepada negara-negara yang lain.

Satu perkara yang telah dibincangkan dengan hebat ialah sistem kuota yang diamalkan oleh kerajaan untuk kemasukan ke IPTA. Saya berpendapat bahawa sistem kuota harus dikekalkan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang berasal daripada golongan miskin tetapi mempunyai kelayakan yang sewajarnya.

Pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan ataupun gred yang cemerlang ini adalah tanggungjawab kerajaan untuk memberi tempat di IPTA supaya mereka

boleh menyumbang kepada bangsa dan negara kita. Dengan kata-kata itu saya ingin menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hj. Ahmad Ismail.

12.13 tgh.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pertama sekali izinkanlah saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana turut diberi peluang dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan baginda tempoh hari. Titah Ucapan Tuanku adalah begitu baik sekali dan boleh dikatakan telah merangkumi setiap aspek kementerian dalam negara kita. Titah ucapan yang sebaik itu telah mencerminkan betapa kasih dan prihatinnya Kebawah Duli Tuanku kepada negara dan rakyatnya. Justeru kita berdoa semoga Maha Suci Allah akan memberi kesihatan yang sempurna Kebawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong. Kita juga berdoa semoga kedua Duli Tuanku diberi kekuatan untuk terus memimpin negara dan rakyat di bawah petunjuk dan hidayah Allah yang maha esa.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini sungai adalah merupakan penyumbang utama kepada bekalan air mentah, iaitu sebanyak 97%. Manakala air bawah tanah pula sebanyak 3% telah tidak digunakan dengan meluasnya kerana sumber ini agak terhad. Pada umumnya negara Malaysia amat kaya dengan bekalan air semulajadi dan rakyatnya mungkin menyedari tentang kepentingan untuk menjaga sumber itu apabila berlaku sesuatu krisis seperti yang berlaku di Lembah Klang empat tahun yang lalu. Dari perangkaan yang telah diperolehi kerajaan telah membelanjakan melebihi RM56 juta untuk menangani masalah kegawatan air pada tahun 1998. Daripada jumlah itu kira-kira RM25 juta telah dibelanjakan hanya untuk menyewa lori tangki. Rakyat Malaysia rata-ratanya tidak menghadapi masalah besar untuk mendapatkan bekalan air seperti yang berlaku di Afrika dan beberapa negara Asia. Bagi rakyat negara itu air adalah suatu yang paling berharga dalam kehidupan mereka sehinggakan kadangkala mereka sanggup bermusuhan, hatta berbunuhan demi untuk mendapatkan air.

Tuan Yang di-Pertua, namun di Malaysia kita juga berkemungkinan akan menghadapi masalah bekalan air jika sumber itu tidak kita jaga dengan baik.

Masalah itu bukan sahaja akan menimpa manusia malah flora dan fauna yang turut bergantung kepada sumber air juga akan terjejas. Sebagaimana yang kita semua maklum bahawa selain penggantian paip lama mutu air yang dirawat juga bergantung kepada sumber air termasuk dari kawasan tadahan dan sungai. Andai kata sumber air tercemar teruk sama ada dengan kegiatan pembersihan tanah, pembangunan-pembangunan dalam pelbagai bentuk dan rupa mahupun sisa industri ataupun kegiatan lain termasuklah pembalakan, maka ketika itu sudah tentu akan bertambah sukarlah bagi rakyat untuk mendapatkan pembekalan air yang bermutu.

Dalam konteks ini saya ingin merujuk kepada satu kajian yang mendapati antara 50% hingga 60% dari pencemaran sungai yang berlaku di negara ini didapati adalah berpunca daripada kelodak. Justeru itu saya amat berharap agar suatu langkah tegas perlulah diambil oleh pihak kementerian terbabit bagi mengawal kegiatan pengambilan tanah di tebing-tebing sungai dan sekiranya perlu sekalipun biarlah ianya akan lebih teratur bagi melindungi kualiti air. Saya kira selain daripada Jabatan Bekalan Air atau JBA Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan haruslah memastikan agar semua kerajaan negeri hendaklah mengambil tindakan bagi memelihara sungai daripada kegiatan yang menjejaskan mutu air.

Di samping itu, kaedah rawatan air juga hendaklah dipertingkatkan demi kepentingan pengguna seluruhnya. Baru-baru ini Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Puan Rosnani Ibrahim merakamkan rasa bimbang terhadap peningkatan pencemaran air di negara ini. Menurut beliau, punca utama pencemaran ini adalah akibat kegiatan industri pembuatan, industri berasaskan pertanian seperti minyak sawit mentah dan getah, ternakan haiwan dan kumbahan. Berdasarkan kaji selidik jabatan itu pada tahun 1998, pencemaran yang berpunca daripada kumbahan penduduk mencecah 42.3% manakala daripada segi industri pembuatan pula telah menyumbang sebanyak 37.5%, ternakan khinzir sejumlah 16.7% manakala pertanian pula sebanyak 3.5%.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan beliau ini perlulah diberi perhatian serius kerana air adalah amat penting kepada kita sebagai bahan asas terutama sebagai minuman. Tercemarnya persekitaran ini bermakna manusia terdedah kepada pelbagai masalah dan wabak penyakit. Selain sumber air yang tercemar, masalah air perlulah dilihat secara menyeluruh termasuk mutu air yang dibekalkan kepada

penduduk seperti mana yang saya sebut sebentar tadi. Ini adalah kerana pada hemat saya, mutu air amat berkait rapat dengan pengguna kerana ia boleh mempengaruhi dan memberi kesan kepada kesihatan rakyat.

Saya ingin merujuk kepada Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang antara lain menyebut bahawa air yang selamat diminum, sistem kawalan kebersihan mencukupi dan pendidikan mengenai kebersihan diri adalah hak asasi manusia. Keperluan itu kata laporan tersebut perlu disediakan oleh pihak berkuasa.

Justeru itu saya amat berharap agar pihak kerajaan akan lebih prihatin terhadap masalah ini. Di seluruh pelosok tanah air kita Malaysia, kecuali di Kelantan, walaupun rakyat tidak menghadapi kesukaran bagi mendapatkan bekalan air, namun mereka amat bimbang terhadap mutu air yang dibekalkan sekarang. Bekalan air terutamanya air minuman yang disalurkan ke rumah masih diragukan mengenai mutunya walaupun pihak kerajaan memberi jaminan bahawa ianya mematuhi piawaian WHO.

Menurut piawaian mutu air WHO yang turut digunapakai di Malaysia, air minuman mestilah jernih dan tidak mempunyai rasa, warna dan bau yang tidak menyenangkan. Air itu mesti enak diminum dan bebas daripada bahan kimia yang boleh memberi kemudaratan kepada kesihatan pengguna. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada aduan penduduk dan persatuan pengguna tempatan menyatakan bahawa rakyat masih menerima bekalan air yang tidak bersih secara fizikalnya. Penduduk masih menerima air berkeladak, berbau busuk dan berwarna tidak jernih. Keadaan ini secara langsung menunjukkan air yang dibekalkan tidak mematuhi piawaian WHO.

Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan selaku pihak yang bertanggungjawab ke atas mutu air yang dibekalkan kepada penduduk menegaskan bahawa pihak kementerian telah melakukan pemeriksaan dan pemantauan pada setiap peringkat proses dan rawatan air bagi memastikan ianya mematuhi piawaian. Namun pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan penduduk terhadap masalah air adalah disebabkan kerana ia menjadi sumber atau punca kepada pelbagai penyakit. Pada masa ini tidak ada peraturan atau undang-undang khusus dan menyeluruh bagi keperluan menyediakan air bersih atau selamat digunakan.

Undang-undang mengenai bekalan air yang ada sekarang tidak menyeluruh dan lebih bersifat *ad-hoc*. Banyak undang-undang boleh digunakan bagi memastikan bekalan air bersih tetapi sukar dilaksanakan kerana banyak pihak

terbabit terhadapnya dan berlaku pertindihan dalam perlaksanaan. Maka saya berpendapat, sudah tiba masanya negara kita harus mempunyai dan menggubal suatu undang-undang khusus mengenai pembekalan air bersih seperti di beberapa negara lain terutama negara maju yang mempunyai Akta Bekalan Air Bersih dan akta air selamat diminum untuk memastikan rakyat mendapat bekalan air bersih dan selamat digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya undang-undang ini amatlah perlu dan ianya insya-Allah akan berkesan demi memastikan agar pengguna mendapat bekalan air bersih. Dengan adanya undang-undang ini, kiranya mana-mana pihak yang didapati bersalah yang menyebabkan bekalan air tercemar dan tidak membekalkan air bersih akan dapat dikenakan tindakan termasuk mencemarkan sumber air serta pihak yang memproses dan merawat air andai kata tidak mematuhi piawaian. Berdasarkan kepada perkembangan semasa dan pembangunan pesat negara yang turut menyebabkan banyak sumber air kita tercemar maka saya kira sudah tiba masanya bagi Kementerian Kesihatan untuk menggubal suatu akta bagi menjamin rakyat menerima bekalan air bersih dan selamat diminum.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya menyentuh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Lazimnya pada kebiasaan, isu kemiskinan sering kali dikaitkan dengan penduduk luar bandar yang menjadi salah satu punca di mana masyarakat berkenaan mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir dan propaganda pihak pembangkang. Kini peluang yang sama digunakan oleh golongan yang berkepentingan politik untuk mempengaruhi penduduk bandar yang dihimpit dengan masalah kemiskinan. Seperti mana yang kita sedari, kemiskinan boleh mencetuskan pelbagai gejala buruk kesan pembangunan fizikal dan sosio ekonomi yang tidak seimbang. Apa yang sukar difahami ialah kelengahan agensi-agensi terbabit bertindak untuk mengatasi masalah rakyat yang dihimpit dengan pelbagai kekurangan dan kemudahan harian. Peristiwa pergaduhan di Kampung Medan dan di beberapa kawasan Jalan Klang Lama awal Mac lalu adalah diharapkan akan dapat membuka mata pihak yang bertanggungjawab bahawa sebarang kelewatan yang mempunyai kaitan dengan soal sosioekonomi masyarakat boleh memberi kesan buruk kepada masyarakat dan negara.

Pada hemat saya, kawasan bandar tidak semestinya didiami oleh mereka yang berpendapatan tinggi sahaja. Pada hakikatnya, masih ramai golongan yang

berpendapatan rendah mendiami kota yang harus menanggung bebanan kos sara hidup yang tinggi. Disebabkan tidak mampu menduduki rumah yang selesa dengan sewa bulanan yang tinggi Tuan Yang di-Pertua, mereka terpaksa hidup di kawasan setinggan walaupun mereka menyedari yang mereka terpaksa berdepan dengan pelbagai risiko.

Namun Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada kes pergaduhan di Kampung Medan yang baru lalu, kita mendengar pelbagai cerita mengenai pergaduhan kaum Melayu dengan kaum India. Kononnya ini adalah lantaran orang ramai tidak begitu jelas dengan apa yang sebenarnya berlaku. Dalam kes ini, kita dapati tokoh-tokoh politik semua parti begitu sibuk sekali hendak membela nasib rakyat. Lalu peristiwa yang mulanya kecil, merebak menjadi besar bila keadaan ini berlaku. Kita dapati pergaduhan ini begitu cepat sekali merebak kerana suasana persekitaran yang mudah merangsang perasaan marah dan benci. Akhbar melaporkan keadaan di kampung itu yang bersesak-sesak dengan persekitaran yang kotor, dicemari bau busuk sampah termasuk najis manusia. Keadaan yang amat buruk dan berbahaya ini terbiar begitu sahaja dan ini menunjukkan kepada kita bahawa kementerian dan agensi-agensi yang bertanggungjawab dan wakil rakyat di kawasan tersebut telah gagal melaksanakan tugas mereka dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua amat memahami bahawa tujuan kementerian-kementerian ditubuhkan oleh kerajaan bukan untuk bekerja apabila ada masalah sahaja. Menteri-menteri tidaklah sepatutnya bekerja apabila diarah atau apabila sudah ada rakyat terkorban dan berlaku pergaduhan. Perancangan dan pelaksanaan tugas haruslah dibuat dalam bentuk *preventive* dan proaktif bukannya *remedy* dan pasif. Pada hemat saya, cara yang negatif seperti ini tidak akan membantu malah ia akan menambah buruk keadaan yang sudah pun parah.

Sebenarnya kes pergaduhan di Kampung Medan ini tidak ada kena mengena dengan masalah perpaduan kaum malah rakyat umumnya termasuk di kampung sekitar hujung Jalan Klang Lama itu tidak pernah terfikir pun akan soal perpaduan. Bagi mereka perpaduan itu bukan isu dan bukan masalah. Mereka tidak kisah hatta ia tidak berperanan dalam kehidupan seharian mereka. Ramai di antara mereka yang tidak tahu dan tidak ambil kisah tentang apa itu perpaduan nasional. Malahan selalu menitikberatkan soal perpaduan adalah pemimpin-pemimpin politik yang prihatin terhadap keamanan dan kemakmuran negara.

Dalam kes ini juga, terdapat seorang pemimpin politik pembangkang yang telah melahirkan rasa sedih kononnya dengan tragedi yang berlaku di Kampung Medan dan menggesa diwujudkan perpaduan sejati di kalangan rakyat negara ini. Beliau menyeru supaya disegerakan agenda perpaduan nasional. Namun saya ingin bertanya, siapakah selama ini yang telah memecahbelahkan perpaduan dan keamanan yang telah kita nikmati selama ini. Sebenarnya ini bukan masalah perpaduan nasional Tuan Yang di-Pertua, kes ini ialah perkelahian peribadi yang disebabkan oleh keperitan hidup sehari-harian rakyat yang hidup di kawasan yang cukup sesak lalu berkembang menjadi perkelahian Melayu-India kerana kebetulan bermulanya antara keluarga Melayu dengan keluarga India. Seperti yang diakui oleh semua menteri yang hadir ke kampung tersebut bahawa suasana kehidupan dan persekitaran di daerah itu sangat mudah untuk mencetuskan api kemarahan dan keganasan yang akan membakar apa sahaja.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, kenapakah sebelum ini tidak ada menteri yang melawat ke kawasan tersebut. Bagaimanapun bagi penduduk daerah yang penuh sesak, kotor dan miskin yang hampir tidak dipedulikan selama ini, pergaduhan itu telah membawa tuah dan janji-janji menteri yang cukup menyenangkan. Namun yang diharapkan semoga tragedi ini akan mendorong Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta jabatan-jabatan yang berkenaan agar benar-benar melaksanakan program membina rumah rakyat di kawasan kota dan berusaha mencapai matlamat setinggi sifar. Rancangan dan janji seperti yang diucapkan di Kampung Medan tempoh hari sudah banyak kedengaran dan terlalu lama sangat diperkatakan akan tetapi lazimnya, lain yang dirancang dan dijanjikan, lain pula yang terlaksana. Contohnya di Kampung Kayu Ara, di pinggir Petaling Jaya umpamanya masih wujud kawasan setinggi sedangkan di Damansara Jaya, Damansara Utama, Bandar Utama dan macam-macam bandar baru di sekitar kawasan Kayu Ara ini tidak nampak sebuah pun rumah murah untuk rakyat berpendapatan rendah dan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang berlaku di hujung Jalan Klang Lama, Kampung Kerinchi dan banyak kawasan lain lagi terutamanya di sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang yang amat pesat membangun dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bercakap hendak menjadikan Kuala Lumpur kota raya bertaraf dunia. Bagi saya, ianya amat lucu berdasarkan kenyataan yang kita lihat sehari-harian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menggesa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memastikan supaya rakyat miskin memiliki rumah kos rendah kerana ini merupakan salah satu cara yang berkesan agar kemiskinan masyarakat bandar dapat dibasmi secara menyeluruh, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Kementerian Sumber Manusia. Sejak akhir-akhir ini banyak pihak menyarankan agar Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) menumpukan perhatian kepada soal kebajikan pekerja dalam setiap skim perkhidmatan yang dijalankan. Bersesuaian dengan matlamat penubuhan PERKESO sebagai badan yang menjamin keselamatan pekerja, adalah diharapkan yang PERKESO mampu memenuhi setiap tuntutan dan kehendak pekerja dalam sebarang kes bencana pekerjaan. Secara tidak langsung, ia akan dapat meringankan bebanan kewangan yang dihadapi pekerja berikutan terbabit dalam sesuatu kemalangan pekerjaan. Di negara Barat sebagai contohnya, keselamatan sosial pekerja merangkumi beberapa perkara iaitu keselamatan ketika pergi dan balik dari tempat kerja, keselamatan apabila berlaku kemalangan ketika bekerja, ganjaran dan pampasan kemalangan yang diperolehi setelah pencen.

Oleh yang demikian, kehidupan pekerja dan mereka yang berada di bawah tanggungan adalah lebih selamat dan terjamin. Manakala di Malaysia pula di antara kelemahan PERKESO yang dapat dikenal pasti ialah skim keselamatan yang tidak menyeluruh. Perlindungan bencana pekerjaan yang ada sekarang hanya meliputi waktu bekerja sahaja iaitu perjalanan ulang alik dari tempat kediaman ke tempat kerja, ke tempat makan ketika waktu rehat yang dibenarkan dan perjalanan yang berkaitan dengan pekerja, dan skim Perkhidmatan Keselamatan Sosial (PERKESO) tidak diperolehi jika berlaku kemalangan di luar waktu kerja dan skim pencen ilat yang melindungi 24 jam bekerja di luar waktu kerja.

Sekarang PERKESO hanya memberi perlindungan kepada penyakit kronik seperti barah, sakit jantung, sakit jiwa dan sebagainya. Tetapi jika berlaku kemalangan kecil atau besar di luar waktu kerja, pekerja tidak menerima perlindungan daripada PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya aspek ini perlu ditekankan dan wajar diberi perhatian memandangkan pekerja adalah nadi kepada pertumbuhan ekonomi negara. Saya ingin menyarankan supaya PERKESO menyediakan satu pelan

pembayaran balik, contohnya seperti dividen kepada pekerja yang tidak membuat apa-apa tuntutan akibat kemalangan ketika bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kriteria yang perlu diperbaiki oleh PERKESO ialah mengenai karenah birokrasi dalam meluluskan permohonan yang membabitkan tuntutan pampasan atau faedah tertentu yang ditawarkan oleh PERKESO. Terdapat beberapa kes di mana pekerja telah mengadu bahawa PERKESO lambat memproses borang-borang permohonan mengenai sesuatu tuntutan. Malah ada yang terpaksa menunggu dalam tempoh yang lama bagi mendapatkan kelulusan.

Saya amat mengharapkan agar Kementerian Sumber Manusia memastikan yang PERKESO prihatin mengenai aduan kelewatan ini dan PERKESO hendaklah memastikan yang setiap tuntutan dilakukan dengan cepat kerana setakat ini terdapat pekerja yang terpaksa membiayai sendiri kos rawatan perubatan berikutan pemohon lambat menerima pampasan. Malahan ada di antara mereka yang telah dilanda musibah ini terpaksa menanggung dua bebanan kewangan dalam satu masa iaitu kos rawatan dan saraan keluarga.

Saya ingin menggesa agar PERKESO mewujudkan satu rangkaian pemprosesan data yang cekap dan tersusun bagi menjamin sistem pengurusan yang cekap dan tepat. Saya yakin jika sistem pengurusan yang diambil PERKESO sekarang ini dikemas kini dengan baik maka pekerja tidak akan menghadapi masalah kewangan lagi, insya -Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap agar Kementerian Sumber Manusia akan dapat meneliti aduan-aduan pekerja mengenai kelemahan PERKESO. Manakala di antara aduan-aduan yang sering kita dengar adalah seperti berikut:

- (i) setiap penerima faedah hilang upaya kekal haruslah layak untuk menerima belanja ganti ke atas perubatan yang perlu. Ini adalah disebabkan PERKESO tidak menyediakan stok ubatan, maka pesakit perlu membeli dari farmasi dan kosnya amatlah tinggi;
- (ii) terkadang kala berlaku kes-kes di mana PERKESO memotong tuntutan lebih daripada kos sebenar yang dituntut, meskipun ubat-ubatan yang dibeli adalah hasil dari cadangan doktor bagi keperluan pesakit;

- (iii) jangka masa memproseskan permohonan mendapatkan semula kos yang sudah dibuat terlalu lama dan terkadang kala tidak dapat diterima akal;
- (iv) terdapat pesakit yang lumpuh dan disahkan oleh doktor tetapi hanya mendapat kerusi roda selepas tiga tahun lumpuh walaupun permohonan diluluskan lebih awal dari itu;
- (v) terdapat juga laporan kelewatan PERKESO menyelesaikan tuntutan isteri dan kematian suami kerana kemalangan jalan raya berikutan majikan suami enggan bekerjasama untuk menyelesaikan tuntutan itu. Berikutan itu, isteri mangsa juga kini tidak memperolehi wang saraan bulanan dan wang khairat kematian;
- (vi) PERKESO mewajibkan pemotongan caruman PERKESO setiap bulan, namun untuk mendapatkannya kembali dalam bentuk pampasan seolah-olah seperti meminta sedekah dan ada kalanya tuntutan itu tidak diendahkan langsung oleh PERKESO.

Saya harap Kementerian Sumber Manusia akan mengambil iktibar daripada benda yang telah kita perkatakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya menyentuh pula Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Pada waktu ini kita dapati Jabatan Pengeluaran Utama (PPD) Singapura menetapkan semua hasil pertanian terutama sayur perlu bebas daripada kesan sambilan sisa bahan aktif dalam racun serangga perosak sebelum dibenarkan memasuki republik itu berkuat kuasa 1 Julai 1999 yang lalu. Jika negara Singapura mampu menguatkuasakan peraturan ketat berhubung kemasukan sayur import termasuk memusnahkan sayur yang gagal melepasi syarat penggunaan racun perosak, maka saya yakin Malaysia juga boleh dan mampu melaksanakan peraturan yang sama.

Sekiranya Singapura boleh mendapatkan keputusan analisis baki sisa racun perosak kepada sayuran dalam tempoh yang singkat, saya percaya Jabatan Kimia Negara kita juga mampu memberi keputusan yang cepat. Tetapi malangnya Malaysia tidak seperti Singapura yang memandangkan berat tentang kesihatan rakyatnya dan memastikan mereka tidak terdedah kepada bahan beracun atau mungkinkah rakyat negara ini sememangnya kebal.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada teknologi yang digunakan oleh Singapura bagi mendapatkan keputusan analisis kesan kimia dalam sayuran dalam tempoh singkat, kepakaran yang dimiliki oleh Malaysia adalah setanding. Apa yang penting di sini adalah kepekaan tentang kualiti, penyelenggaraan tugas secara sistematik dan pengurangan sistem birokrasi. Seorang pakar kimia perubatan yang ditemui menyatakan "keputusan ujian analisis terhadap contoh sayuran bagi mengesan kadar racun perosak dalam sayuran tidak memerlukan masa yang panjang." Pakar itu juga menyebutkan, "untuk satu proses analisis, keputusan paling cepat boleh diperolehi dalam tempoh empat hingga lima jam sahaja selepas contoh sesuatu bahan itu diambil." Bagaimanapun, terdapat kelewatan dalam isu berkaitan lebih racun perosak kepada sayuran di Cameron Highlands, dan kita difahamkan bahawa perkara ini tidak dapat dielakkan lantaran negara kita tidak mempunyai satu jabatan yang membuat pengkhususan analisis terhadap sayuran.

Tuan Yang di-Pertua, Singapura mempunyai jabatan yang khusus untuk membuat analisis terhadap sayuran setiap hari, sedangkan kita hanya mempunyai satu jabatan yang terpaksa mengendalikan semua perkara berkaitan penggunaan bahan kimia. Jika kita mempunyai satu badan khusus seperti negara Singapura sudah pasti kita juga mampu mengawal kadar lebih racun pada sayuran untuk pasaran tempatan sama ada yang dikeluarkan oleh rakyat tempatan mahupun pada sayur-sayuran yang diimport.

Setakat ini kita dapati jumlah anggota penguat kuasa yang ada begitu terhad dan mereka juga terpaksa menguatkuasakan peraturan lain dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985. Disebabkan oleh kelemahan dan kekurangan itu, saya ingin menggesa agar Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memperbaiki sistem yang ada sekarang supaya Jabatan Kimia dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan dan pantas. Bagi tujuan itu, saya kira satu jabatan khas untuk membuat analisis sisa bahan kimia dalam sayuran perlu ditubuhkan bagi memastikan sayur yang dipasarkan tidak mengandungi kesan racun melebihi kadar yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak boleh berpuas hati dengan sistem yang ada kerana apabila timbul sesuatu isu yang memakan masa yang agak lama untuk diselesaikan, tetapi sekiranya ada badan khusus tentunya kita mampu menjalankan tugas dengan lebih berkesan lagi, insya-Allah. Apa yang kita perlukan sekarang ialah satu pengkhususan serta tenaga kerja

yang mencukupi. Kita tidak mahu nanti ada orang yang mengatakan bahawa kerajaan tidak memberi keutamaan kepada kepentingan pengguna dan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh soal Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bersesuaian dengan matlamat untuk menjaminkan kebajikan pesara-pesara kakitangan sektor awam. Adalah disarankan agar skim faedah persaraan, Akta Pencen dikaji semula agar lebih memberi manfaat kerana kakitangan tersebut dan keluarganya memandangkan jasa mereka kepada negara. Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini seseorang kakitangan sektor awam yang bersara akan menikmati faedah persaraan seperti pencen sepanjang hayat mereka, dan apabila mereka meninggal dunia pencen tersebut akan diterima oleh siisteri pesara tersebut. Walau bagaimanapun, apabila isteri pesara tersebut berkahwin lain maka pembayaran pencen tersebut akan dihentikan. Hal ini sesungguhnya menimbulkan masalah kepada keluarga pesara tersebut sekiranya keluarga tersebut mempunyai anak yang ramai dan masih lagi bersekolah.

Oleh itu, di sini saya ingin mencadangkan agar faedah persaraan iaitu pencen akan dapat diberikan terus kepada siisteri walaupun beliau berkahwin lain. Andai kata tidak boleh berbuat demikian, saya suka sarankan agar faedah persaraan iaitu pencen akan dapat diberikan kepada anak pesara sekiranya isteri pesara yang meninggal dunia tersebut telah berkahwin lain. Ini insya-Allah, akan dapat menjaminkan kebajikan keluarga pesara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin meneruskan beberapa hujah pada kali ini dengan meminta kita semua merenung kembali jasa-jasa kerajaan melalui perjuangan UMNO yang telah sekian lama berjuang untuk mengangkat harakat bangsa dan martabat umat Melayu di negara tercinta ini. Semoga dengan hujah-hujah yang akan diperkatakan nanti akan dapat membuka mata dan menyedar PAS dan KeADILan tentang pentingnya UMNO terus muncul sebagai parti unggul untuk orang Melayu.

Sesungguhnya UMNO telah berjaya mencapai sebahagian besar daripada apa yang diperjuangkan untuk mengubah nasib bangsa Melayu. Masyarakat Melayu telah benar-benar mengalami satu perubahan yang drastik yang kini sedang dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Kalau dahulu masyarakat Melayu yang rata-ratanya berasaskan pertanian hanya mampu melahirkan beberapa kerat sahaja cerdik pandai, namun kini bangsa Melayu sudah muncul sebagai suatu bangsa yang

dihormati dan disegani bilamana bangsa Melayu sudah mempunyai ribuan cerdik pandai dan ramai saintis, para jurutera, doktor, arkitek dan sebagainya.

Sekarang ini kita dapati pakar-pakar Melayu dalam bidang perubatan, ekonomi, kejuruteraan, sains dan lain-lain lagi tidak sukar untuk ditemui. Malahan ahli-ahli fikir di kalangan orang Melayu juga sudah mula dikenali di peringkat antarabangsa manakala pentadbir-pentadbir Melayu sudah mula dikenali di arena antarabangsa seantero dunia. Malahan mereka ini juga adalah merupakan pentadbir-pentadbir yang terbaik di dunia. Bahkan korporat-korporat Melayu juga sudah dikenali di seluruh pelosok dunia kerana pelaburan mereka tidak hanya terbatas dalam negara ini sahaja, bahkan sudah melampau i dunia tanpa sempadan. Hari ini orang Melayu tidak lagi hanya menjadi pemilik kedai runcit, akan tetapi sudah menjadi pemilik syarikat-syarikat besar seperti syarikat kapal terbang, membuat motokar dan sebagainya. Maka terbuktilah martabat Melayu yang diperjuangkan oleh UMNO benar-benar menjadi kenyataan dan terserlah. Lain dari apa yang diperjuangkan oleh PAS dan KeADILan seperti yang dapat kita lihat di Kelantan dan Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, kini negara kita sedang mengorak langkah menuju ke arah pembentukan sebuah negara maju yang setanding dengan negara-negara maju yang lain di dunia. Keterampilan orang Melayu tidak lagi diperlekehkan malahan perkongsian kerajaan di bawah pemerintahan orang Melayu telah membawa keadilan sejagat sehingga orang bukan Melayu juga dapat mengecap nikmatnya. Ini merupakan perubahan yang cukup drastik. Kemajuan yang telah dicapai amatlah ketara jika diukur daripada kedudukan orang Melayu sebelum merdeka. UMNO akan terus berjuang atas sebab dan kepentingan bagi orang-orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sedikit gambaran mengenai kejayaan UMNO dalam menangani nasib dan masa depan umat Melayu. Namun, kita tidak harus lupa bahawa masih banyak lagi kerja kuat yang perlu digarap kerana kita mahu UMNO akan terus kekal menjuarai perjuangan bangsa. Sebab itu saya katakan UMNO hanyalah satu-satu parti untuk membela nasib orang Melayu dan bukannya PAS atau KeADILan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun UMNO telah kecapai banyak kejayaan....

Timbalan Yang di-Pertua: Ya beri laluan, jemput Yang Berhormat Puan Jamilah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk membuka mata-mata kita yang agak mengantuk sedikit, saya ingin bertanya masalah UMNO. Bagaimana pandangan Yang Berhormat mengenai masalah penyakit-penyakit rasuah dalam UMNO ini? Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Puan Jamilah. Penyakit rasuah di dalam UMNO tidak boleh kita pertikaikan begitu sahaja tanpa ada bukti dan fakta. Rasuah saya berani kata ada di mana-mana juga. Maka terserah kepada kita, pemimpin, rakyat, seluruh masyarakat untuk memastikan rasuah ini tidak wujud. Terima kasih. Agak sudah pecah mengantuk kot.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan walaupun UMNO telah kecapai banyak kejayaan, namun kita sentiasa beringat dan saling mengingatkan. Untuk itu, walaupun kita sedang dibuai dengan kejayaan masa lalu, namun marilah kita bangun dan beralih pandangan dengan mengamati nasib sebahagian bangsa Melayu yang masih memerlukan pembelaan total yang saya sifatkan sebagai agenda perjuangan yang belum selesai.

Pada waktu ini terdapat kira-kira 300 warga tua, 300 ibu tunggal dan 500 kanak-kanak adalah di antara kira-kira 20,000 orang Melayu yang sedang merempat dan menderita di tengah-tengah jantung Bandaraya Kuala Lumpur, ibarat ayam di kepek mati kelaparan, itik di air pula mati kehausan, demikianlah gambaran kehidupan 20,000 setinggan di kawasan ibu kota. Kebanyakan mereka hidup melarat di tengah-tengah pembangunan pesat Bandaraya Kuala Lumpur, siapakah yang mempedulikan betapa melaratnya hidup mereka, baik dari segi ekonomi, pendidikan, kesihatan mahupun kemudahan asa lain.

Di Kuantan, Pahang pula, sebahagian besar daripada kira-kira 800 orang pelajar Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Lepar Utara, terpaksa berlapar ketika di sekolah setiap hari berikutan kesempitan kewangan, mereka tidak mampu makan di kantin sekolah kerana tidak mempunyai wang, ini adalah disebabkan ibu bapa mereka khususnya terdiri dari kalangan peneroka yang menderita berikutan dari kejatuhan harga kelapa sawit. Berbeza pula dengan senario anak-anak Cina di sekolah Damansara yang tidak mahu berpindah sekolah kerana mahukan tempat dan sekolah yang lebih selesa.

Dan sungguh malang nasib 600 pelajar Melayu di Gua Musang, Kelantan kerana tidak dapat menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini akibat dari kegagalan menjelaskan yuran peperiksaan.

Isu seumpama ini tidak seharusnya timbul di dalam era alaf baru ketika dunia sedang berlumba-lumba untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan pendidikan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pemimpin negara Singapura mendakwa orang Melayu di negara Singapura lebih baik daripada orang Melayu di Malaysia, semua pihak bangun dan melenting kerana tidak berpuas hati dan ingin menyangkal kenyataan tersebut. Tetapi kejadian-kejadian seumpama ini, seharusnya menjadi suatu cabaran yang perlu dihadapi oleh semua pihak yang turut prihatian dengan maruah bangsa.

Kejadian seumpama ini tidak sepatutnya berlaku dalam masyarakat kita, malah pendidikan anak-anak tidak wajar dikorbankan hanya kerana faktor kemiskinan, apa gunanya kita mendakwa bangsa Melayu di negara ini lebih maju jika masalah yuran peperiksaan pun masih menjadi perdebatan. Soal kemiskinan dan masalah rakyat adalah agenda yang tidak boleh dilupakan oleh kerajaan. Sekalipun ketika kita bercakap soal kemajuan dan pembangunan, mana-mana pun kerajaan dalam dunia ini tidakkan wujud tanpa mendapat sokongan rakyat khususnya golongan miskin kerana mereka merupakan golongan majoriti dalam sebuah negara mengikut statistik.

Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini, masalah perpecahan di kalangan bangsa Melayu sering kali menghantui kita. Namun ingatlah, pada masa yang sama, ada orang lain yang sedang memerhati dan mungkin ada yang akan menanggung di air yang keruh. Suatu ketika dahulu, semasa orang Melayu sedang ghairah memperjuangkan kepentingan parti politik, mahupun kepentingan peribadi masing-masing, soal perpaduan bangsa tidak langsung diambil peduli. Yang penting ketika itu ialah kemenangan parti atau cita-cita peribadi semata-mata dan soal kemenangan bangsa tidak diperhitungkan malah diremehkan.

Dan pada hari ini pula perspektif kita terhadap kepentingan bangsa Melayu sering dipengaruhi malah dikelabui oleh dasar-dasar dan ideologi kepartian yang hanya mementingkan parti politik masing-masing sahaja dan tidak lagi benar-benar berdasarkan kepentingan bangsa Melayu keseluruhannya.

Orang Melayu mula dipecah-pecahkan, dibahagi-bahagikan menurut parti politik yang disokong. Hal yang demikian mengakibatkan taktik parti politik Melayu turut berubah. Nilai murni yang sangat kuat selama ini dan mampu menyatukan persefahaman dan semangat bangsa Melayu, misalnya nilai hormat-menghormati sesama bangsa seagama, nilai kejiranan, kerjasama, permuafakatan, salam-bersalaman dan sebagainya telah diketepikan dan digantikan dengan perilaku yang tidak sopan, memaki hamun, mencarut, mengejek-ngejek dan sebagainya.

Pada masa ini dalam masyarakat yang penduduknya makin terpelajar dan celik ilmu, serta boleh berfikir, pemimpin yang bercakap sesuka hati tanpa fakta, membebel, membohong dan mengarut, bukan sahaja akan ditertawakan oleh rakyat, malahan juga boleh menimbulkan kesan yang buruk terhadap perhubungan antara kaum dan puak di negara ini.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, andai kata jika para penyokong parti lawan menggunakan taktik jahat, kita sebagai parti kerajaan tidak perlu mencontohi kelakuan mereka demi menjaga nama baik parti sendiri. Kaedah konfrontasi tidak akan menyelesaikan masalah budaya politik di negara ini, kaedah ini hanya akan menimbulkan bukan sahaja permusuhan politik tetapi boleh menimbulkan permusuhan budaya di kalangan penyokong masing-masing.

Sebenarnya, orang Melayu boleh bersatu dan tidak akan berpecah malah boleh menjadi suatu bangsa yang kuat jikalau semua parti politik Melayu yang mereka sokong mempunyai agenda Melayu yang sama, dan sekiranya parti-parti politik Melayu boleh berpakat, baik di depan mahupun di balik tirai, saya ingin mengingatkan masa depan anak orang Melayu, masa depan anak orang PAS dan masa depan anak orang UMNO adalah sama, cabaran yang akan mereka tempuhi juga adalah sama. Justeru itu, berpakatlah wahai Melayu. Kita tahu dan sedar bahawa kaum Cina di Malaysia mempunyai beberapa buah parti politik, tetapi mereka tidak berpecah malah cukup kuat bersatu dalam hal-hal yang bersangkutan dengan kepentingan budaya, bahasa, pendidikan, ekonomi dan politik bangsa Cina.

Kaum Cina beruntung kerana mereka bukan sahaja duduk dalam parti yang memerintah negara, tetapi juga menjadi pembangkang yang cukup bermakna untuk memperjuangkan hak bangsa Cina dari luar kerajaan. Jadi, mengapa kita bangsa Melayu mesti menolak peluang seperti itu untuk bangsa sendiri, wahai Yang Berhormat Tuan Haji Hassan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sejarah perjuangan bangsa Melayu membuktikan bahawa faktor tak boleh kena cuit sedikitkah?

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih adinda saya Dato' Haji Ahmad. Sebenarnya tidakkah kami parti-parti Islam berbangsa Melayu pernah duduk bersama dengan parti UMNO dalam Perikatan dahulu, apakah dosa kami maka kami dilontar keluar ataupun kalau bahasa kasar sedikit, ditendang keluar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput. Ini dari perbincangan.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat telah mengkaji kenapa PAS telah terpaksa mengalami nasib yang sedemikian. Namun saya yakin PAS pada hari ini setelah mengalami beberapa pengalaman yang pahit kiranya ada, di samping belajar kepada kelemahan kesilapan yang telah pernah berlaku, kalau dapat bercantum semula, insya -Allah, perkara-perkara luka lama akan dapat dicantum kembali demi perpaduan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah perjuangan bangsa Melayu membuktikan bahawa faktor permuafakatan memainkan peranan penting sebagai pembentuk perpaduan orang Melayu. Itulah modal sosial atau moral budaya yang perlu dikekalkan oleh orang Melayu dalam menghadapi perbezaan ideologi parti politik Melayu Islam di negara kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap semoga muzakarah UMNO-PAS ini akan menjadi nyata dan kalau ada sebuah parti yang boleh menyelamatkan keadaan bangsa Melayu pada hari ini, saya lihat hanya UMNOlah satu-satunya parti yang mampu berbuat demikian.

Saya kira tidak ada parti lain yang lebih mampu menyelesaikan masalah rakyat selain UMNO, banyak parti politik boleh bercakap mengenai pelbagai isu rakyat, akan tetapi dari segi kemampuan untuk menyelesaikan masalah rakyat hanya UMNO sahaja yang ada kredibiliti, ini adalah kerana UMNO ada perancangan, strategi dan jentera serta pengalaman.

Saya penuh yakin dan ramai lagi para pemerhati dan para pemikir politik di luar juga tentunya yakin bahawa UMNO akan terus kekal memerintah negara ini dan akan terus segar untuk diterima rakyat seandainya UMNO tegas, berani bertindak tanpa rasa takut untuk membuat reformasi dalaman.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Usul. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan.

12.55 tgh.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Boleh terus bahas?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, dijemput.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih kerana mengizinkan saya untuk turut serta membahaskan Ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan pada 19 Mac 2001 di dalam perasmian sidang bersama Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Sebelum saya memulakan perbahasan, saya ingin memberikan beberapa penjelasan terhadap ucapan sahabat yang paling dekat dengan saya kerana telah membangkitkan soal perpaduan dan Yang Berhormat telah menekankan tentang pentingnya perpaduan di antara orang Melayu PAS dan UMNO.

Bagi saya perpaduan ini tidak seharusnya hanya kita tumpukan kepada orang Melayu sahaja, sebab itulah perjuangan kita dalam sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang agama ini kita akan cuba menjalankan sedaya upaya yang boleh untuk mewujudkan perpaduan nasional, dengan erti bahawa kita akan berusaha mencari suatu pendekatan bagaimana perpaduan nasional yang merangkumi semua kaum yang menjadi warga negara Malaysia ini turut memberikan sumbangan mereka sehingga tercapai suatu perpaduan nasional yang dituntut oleh semua rakyat negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan. Dijemput Dato'.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Hassan. Bila saya bicarakan soal perpaduan Melayu, tidak pernah terlintas di hati saya untuk tidak membicarakan soal perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sendiri dapat melihat bahawa negara kita begitu aman, makmur selama ini. Sejak kita mencapai kemerdekaan berlaku sedikit kegawatan politik, tragedi 13 Mei yang telah merudum suasana keadaan negara. Selepas itu Dasar Ekonomi Baru dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Razak, dan Rukun Negara juga dilancarkan, kita rakyat

keseluruhannya hidup aman damai. Faktanya, hakikatnya sekarang saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah kita melihat masalah perpecahan kaum berlaku dalam negara kita, tidak timbul. Masalah yang berlaku sekarang adalah perpecahan di kalangan Melayu.

Justeru itu apa yang saya bicarakan hari ini adalah khusus untuk perpaduan Melayu, andai kata perpaduan Melayu ini dapat dipertingkatkan, andai kata perpaduan Melayu ini dapat kita pereratkan lagi, nescaya perpaduan nasional akan lebih terserlah lagi, keadaan perpaduan nasional yang baik ini akan bertambah lebih baik, itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat untuk menyambung.

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberikan penjelasan yang panjang. Bagi saya sebenarnya, bangsa Melayu tidak berpecah, yang ada ialah orang-orang Melayu dalam pilihan raya yang lalu, mereka berpindah rasa, dahulu mereka mengundi UMNO – Barisan Nasional, pada kali ini mereka mengundi PAS – dalam Barisan Alternatif.

Kalau kita lihat, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat sering masuk kampung atau tidak. Sebagai seorang anak kampung saya ingin nyatakan sejak Peristiwa 13 Mei, yang saya kira Yang Berhormat tidak melihat, tidak menyaksikan secara dekat tentang Peristiwa 13 Mei itu, tetapi saya telah turut campur sama dalam usaha untuk mewujudkan semula suasana damai ketika berlakunya 13 Mei itu dan apabila saya memerhatikan kejadian-kejadian yang melibatkan seperti mana yang dikatakan oleh setengah kalangan, saya lihat ada sebab-sebab tertentu yang pada peringkat awalnya yang dimulakan oleh satu golongan tertentu dan saya tidaklah berhajat untuk menyebutkan golongan tersebut.

Walau bagaimanapun, ianya telah berlaku. Cuma apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa Parti Islam SeMalaysia (PAS) tidak mahu melihat perpaduan bangsa Melayu, itu adalah suatu anggapan yang tidak betul.

Saya harap supaya anggapan ini diperbetulkan. Kita ingin mewujudkan perpaduan di kalangan orang Melayu yang beragama Islam mungkin dari segi pendekatan kita berbeza. Kami dari parti Islam mengutamakan pendekatan mengikut yang disebutkan oleh Allah s.w.t. bahawa sesungguhnya kita harus mengutamakan hablullah sebagai teras kepada perpaduan itu, kita mengambil kira ajaran agama Islam bagaimana ianya menganjurkan perpaduan itu, tetapi perbezaan

pendekatan di antara UMNO dengan kita mungkin ada. Perbezaan inilah yang cuba kita cari jalan dan kita yakin suatu ketika nanti, insya Allah, apa yang diharapkan oleh Yang Berhormat itu akan berlaku juga, mudah-mudahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan, kerana masa rehat telah sampai, kita akan sambung selepas jam 2.30 petang ini.

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Sukri menyambung ucapannya.

2.30 petang

Tuan Hassan bin Haji Sukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada sebelah tengah hari tadi saya telah menamatkan ucapan saya dengan menyebutkan bahawa kalau kita bersungguh-sungguh untuk membina perpaduan nasional, insya Allah, di suatu masa nanti usaha-usaha kita itu akan berhasil juga hendaknya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sahabat karib saya Dato' Haji Ahmad bin Ismail, saya juga ingin membuat sedikit penjelasan kerana saya bimbang akan timbul kekeliruan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terutama sekali di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak beragama Islam. Saya bimbang hal-hal yang seperti ini dibangkitkan atau ditimbulkan tanpa sebarang penjelasan, ianya akan meninggalkan benih yang tidak baik di kalangan kita semua.

Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini, apabila Yang Berhormat itu menjawab satu persoalan yang ditimbulkan mengenai Kanun Jenayah Syariah II Negeri Kelantan, beliau telah mengatakan bahawa Kanun Jenayah Syariah II Kelantan yang mengandungi undang-undang hudud itu adalah hudud PAS. Inilah yang sangat membimbangkan kami kerana bagi kami hudud ini hanya satu. Kalau Barisan Nasional pun berkuasa melaksanakan hudud ini ia bukan hudud Barisan Nasional, kalau BA pun yang berkuasa, ia juga tidak boleh dikatakan hudud BA sebab hudud ini adalah satu

undang-undang, satu peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. di dalam Al-Quran kerana dalam jenayah syariah ini ada tiga bahagian besar yang perlu kita fahami.

Yang pertama sekali, hudud. Yang keduanya, Qisas iaitu hukuman yang dikenakan kepada orang-orang yang disabitkan kesalahan membunuh atau mencederakan orang lain, itu dinamakan Qisas. Satu lagi ialah Takzir. Takzir ini ialah hukuman yang tidak ditetapkan di dalam mana-mana kitab sama ada Al-Quran ataupun sunnah Rasul s.a.w. Ianya adalah terserah kepada kebijaksanaan hakim. Oleh kerana hakim di negara kita ini ada undang-undang, maka hakim akan menjatuhkan hukuman-hukuman mengikut akta ataupun mengikut apa-apa yang dinyatakan di dalam Kanun Keseksaan dan hukuman-hukuman yang terkandung dalam enakmen-enakmen di peringkat negeri-negeri.

Oleh yang demikian itu, hudud ini adalah satu hukuman, satu deraan tetapi dalam Islam tujuannya bukanlah untuk mendera semata-mata tetapi tujuannya adalah untuk memberikan pengajaran dan pendidikan kepada orang-orang, pertama sekali, kepada orang yang dihukum. Yang keduanya, kepada orang yang menyaksikan hukuman itu. Memang ada perbezaan di antara undang-undang ciptaan manusia dengan undang-undang ciptaan Allah S.W.T.

Misalnya, perbezaan yang ketara dari segi hukum Qisas. Seseorang yang telah dijatuhkan hukuman bunuh oleh mahkamah, dari segi memberikan pengampunan, Islam memberikan hak pengampunan itu kepada waris orang yang kena bunuh, sedang undang-undang yang ada dalam dunia ini sama ada di negara kita atau negara-negara yang lain, hak pengampunan itu adalah diberikan kepada pemerintah ataupun kuasa tertinggi pemerintah, sama ada yang dipanggil presiden ataupun raja.

Bezanya di sini ialah kerana Islam hendak menghilangkan rasa dendam. Untuk menghilangkan rasa dendam itulah, maka hak pengampunan itu diberikan kepada waris atau wali. Jadi, kalau warisnya telah berkumpul, mengampunkan seseorang yang melakukan kesalahan jenayah kerana melakukan pembunuhan mengikut takrif ataupun mengikut pengertian undang-undang jenayah syariah, maka tentulah tidak akan timbul lagi sebarang rasa dendam daripada pihak yang kena bunuh ataupun daripada bapa, ibu dan juga abang-abang yang telah kena bunuh itu. Maka itulah hak memaafkan diberikan kepada waris atau walinya.

Walau bagaimanapun, kita masih ada jalan kalau kita mahu berbuat demikian iaitu membuat pindaan kepada undang-undang di negara ini bahawa pihak jawatankuasa rayuan pengampunan boleh memanggil waris-waris untuk mendengar sama ada warisnya mengampunkan ataupun tidak. Apabila warisnya memberi pengampunan maka Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana raja memerintah negeri mengisytiharkan bahawa hukuman bunuh yang dikenakan kepada si folan bin si folan dimaafkan oleh waris-warisnya. Itu salah satu jalan yang boleh kita gunakan kalau sekiranya kita mahu melihat secara yang lebih jauh terhadap perundangan Islam itu.

Adapun yang mengenai hudud seseorang yang melakukan kesalahan ini misalnya kesalahan zina. Apabila ianya disabitkan sama ada dengan 4 orang saksi ataupun dengan pengakuannya sendiri, maka kalau orang yang belum berkahwin hendaklah disebat 100 kali sebatan. Tetapi dalam Dewan yang mulia ini saya tidak sempat hendak menghuraikan cara-cara sebatan itu seluruhnya. Di antaranya sebatan itu tidak boleh mencederakan batang tubuh orang yang disebat. Itulah ketentuan yang telah diberikan oleh Islam kepada pihak yang akan melaksanakan hukuman sebatan itu.

Walau bagaimanapun, oleh kerana sebatan 100 rotan ini yang dikatakan hudud, disebutkan dalam Al-Quran [*Membaca petikan ayat Al-Quran*] “Penzina perempuan dan juga penzina lelaki, jika disabitkan, kesalahan keduanya, maka hendaklah disebat 100 kali sebatan.” Orang akan rasa gerun mendengar 100 kali sebatan tetapi saya ingin memberitahu bahawa sebatan itu tidaklah seperti sebatan yang dilakukan sekarang ini. Adalah dilarang sekeras-kerasnya – orang yang menyebat itu melakukan sebatan itu sampai melukakan sehingga berdarah walaupun 100 kali sebatan.

Saya hendak gambarkan ini supaya orang-orang bukan Islam tidak merasa gerun mendengar tentang hukuman Islam ini lalu mereka rasa takut. Saya harap jangan bimbang, walaupun dua, tiga hari sudah kita dengar, Menteri Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Keluarga meminta supaya orang yang melakukan sumbang mahram atau melakukan persetubuhan dengan kerabat keluarganya, hendaklah dikenakan hukuman yang keras.

Saya rasa hukuman Islam ini paling sesuai bagi orang yang melakukan perbuatan yang seperti ini kerana ini adalah satu sifat yang sangat tidak baik, sangat kejam terhadap keluarganya sendiri iaitu melakukan sumbang mahram. Jadi, saya

menyarankan kalau boleh dipertimbangkan hukuman Islam ini kepada orang-orang yang melakukan sumbang mahram itu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah sedikit, hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Memang kita mengetahui sekarang ini, negeri Kelantan, negeri Terengganu telah pun di bawah kerajaan parti PAS. Saya ingin mengetahui, sejauh mana, terutamanya negeri Kelantan, sudah lama memerintah negeri Kelantan, PAS di negeri Kelantan, sejauh manakah hukum-hukum ini telah pun menjadi sebahagian daripada Perlembagaan di negeri Kelantan, dari segi laporan semasalah. Bagaimana pula dengan Terengganu?

Tuan Hassan bin Haji Sukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Yang Berhormat yang bertanya kepada saya itu lebih maklum bahawa apa juga keadaannya di negara kita ini, sebarang proses perundangan yang hendak kita lakukan, mestilah mengikut proses Perlembagaan yang wujud di negara ini.

Kerajaan-kerajaan negeri mempunyai kuasa-kuasa yang terbatas, malah Kanun Acara Jenayah Syariah juga menentukan bahawa sebarang hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah tidak melebihi 3 tahun penjara, RM5,000 denda, 6 kali sebat. Saya panggil 3, 5, 6. Jangan ada pula orang ambil nombor ekor – 356. Itu pun hukuman yang seperti ini hanya boleh dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Sebab itu ada setengah-setengah hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang ada keinsafan terhadap Islam sebelum menjatuhkan hukuman, ada yang berkata, “Awak telah didapati bersalah, sepatutnya hukuman yang akan dikenakan kepada awak ialah 100 kali sebat. Tetapi oleh kerana kuasa yang ada pada saya hanyalah dibenarkan menghukum 3 tahun penjara, RM5000 denda dan 6 kali sebatan, maka saya menjatuhkan hukuman 3 tahun penjara dan 6 kali sebatan atau kedua-duanya sekali.”

Itu setengah-setengah hakim yang cukup insaf dan cukup sedar tentang tanggungjawab ketika hakim-hakim itu menjatuhkan hukuman kerana dia bukan sahaja bertanggungjawab kepada orang yang dihukum. Malah bertanggungjawab kepada Allah S.W.T. yang menentukan dan menetapkan hukuman itu.

Dari segi negeri Kelantan dan Terengganu.....

Datuk Haji Karim Ghani: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Datuk Karim di belakang...

Tuan Hassan bin Haji Sukri: Ya, saya tidak jawab lagi ya. Silakan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ini orang Islam. Kalau ditakdirkan hukum hudud dilaksanakan di Malaysia ini, sebagai orang Islam saya tidak boleh tolak tetapi bolehkah Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Sukri menerangkan dengan jelasnya apakah apabila hukum hudud ini dilaksanakan, ia juga dilaksanakan kepada orang yang bukan Islam – orang Cina, India, Kadazan dan Iban. Apakah hukum yang dijatuhkan kepada orang Islam dijatuhkan juga kepada orang bukan Islam sekiranya jenayah atau kesalahan dibuat oleh orang yang bukan Islam.

Tuan Hassan bin Haji Sukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah saya sebutkan tadi, saya ingin memberikan penjelasan.

Sebenarnya apabila kita mempelajari syariah Islam, ianya adalah suatu ilmu yang sangat luas. Sebab itu enakmen Jenayah Syariah II Negeri Kelantan adalah melalui proses perundangan yang ada di negara kita ini setelah mengambil kira tentang Perlembagaan Malaysia dan Undang-undang Tubuh negeri Kelantan itu sendiri serta akta-akta yang ada, yang telah diluluskan oleh Parlimen dan Dewan Negara ini. Setelah mengambil kira ini semua, kita telah memberikan dalam Kanun Jenayah Syariah itu ruang kepada orang-orang yang bukan Islam. Orang-orang bukan Islam itu boleh pilih jika sekiranya mereka rasa senang hati melihat keadilan yang ditunjukkan oleh keadilan dan kesan baiknya pelaksanaan perundangan Islam itu, mereka dibenarkan memilih ataupun menghadap atau membawa pengaduannya ke Mahkamah Syariah, tiada halangan apa untuk mereka berbuat demikian mengikut Kanun Jenayah Syariah II Kelantan itu.

Di pihak penggubal undang-undang syariah di negara kita ini cuba mengelakkan daripada melanggar dan pertentangan dengan Perlembagaan Malaysia. Maknanya, orang bukan Islam boleh ataupun diberikan kebebasan sama ada untuk memilih undang-undang yang sedia ada ataupun mereka memilih undang-undang syariah untuk dijadikan undang-undang dalam melakukan ataupun dalam melaksanakan kehakiman ke atas mereka, ini tidak salah. Memang kalau kita lihat, memang ada pendapat-pendapat yang membenarkan demikian, sebab itulah dalam Islam ada kaedah-kaedah, saya minta izin ada kaedahnya. Kaedah perundangan Islam "*kesusahan boleh membawa kepada kesenangan.*"

Jadi, bila kita ambil kira ini semua, maka dengan sebab itulah saya hendak sebut oleh kerana ada halangan-halangan daripada segi Perlembagaan dan Kanun

Acara Jenayah Malaysia kita belum lagi boleh melaksanakan Enakmen Jenayah Syariah II Negeri Kelantan itu.

Walau bagaimanapun, yang saya harapkan di sini supaya kita jangan mempersendakan kerana ini boleh melibatkan seseorang itu melakukan suatu kesalahan yang mungkin mereka tidak sedari terhadap Islam itu sendiri. Ini yang kita bimbang, sebab itu sama ada ianya berjalan ataupun tidak. Saya tidak hairan dan tidak peduli sekiranya ada orang yang hendak kondem PAS tetapi kondem Islam, saya minta maaf – yang itu saya rasa tidak betul.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Jadi, jika kita kondem Hudud, itu adalah kondem Islam bukan kondem PAS. PAS ada niat untuk buat tetapi kalau ia belum sempat ataupun belum boleh dilaksanakan sehingga kami pimpinan yang ada ini sudah tidak ada tetapi kita sudah meletakkan suatu asas yang sangat penting untuk difikirkan oleh anak-anak kita pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Hassan kerana memberi laluan. Saya bersetuju benar mengatakan bahawa kita tidak patut mempersendakan Islam. Cuma dalam kita berhujah dan ada unsur politik, kadang-kadang kita sendiri, orang yang bercakap sendiri pun mungkin ataupun parti Yang Berhormat wakili juga telah tolong menokok tambah bagi keliru semua ini.

Sebagai contoh saya ingin Yang Berhormat tolong terangkan, penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Datuk Haji Noh bin Haji Omar, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini mengatakan tentang percanggahan daripada segi undang-undang tentang hal Hudud ini. Itu umpamanya satu penerangan yang jelas yang telah dibuat beliau dan perkara-perkara inilah yang mengelirukan semua sekali sebab ini yang diperjuangkan oleh parti Islam sebagai parti Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa jawapan Yang Berhormat itu berikan di dalam Dewan ini, itulah juga jawapan yang telah diberikan di Dewan Rakyat tetapi saya difahamkan beliau telah memohon maaf di Dewan Rakyat terhadap satu kesilapan, beliau telah melakukan kesilapan atas jawapan itu.

Jadi, saya tidak hendak ulas panjang dan setakat itu sahaja. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat boleh semak *Hansard* Dewan Rakyat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Ustaz Hassan kerana memberi laluan kepada saya.

Saya ingin bertanya kalau boleh pihak Yang Berhormat memberi sedikit penjelasan kiranya Kanun Syariat Islam dengan sokongan padu yang diberikan oleh negeri-negeri dan negara kepada kita untuk di *apply* kan ataupun dilaksanakan, apakah cukup tenaga-tenaga hakim atau kadi untuk digunakan ilmu mereka memandangkan *academician* seperti ahli akademik profesional daripada kalangan arkitek misalnya boleh melaksanakan ilmu mereka sebagai arkitek dan *engineer* boleh menjalankan operasi sebagai profesional, seorang *engineer* dan juga doktor tetapi saya rasa, apakah kita tidak ada cukup hakim-hakim untuk kita laksanakan tugas ini dalam negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab persoalan yang telah dibangkitkan. Pertama, saya ingin menjelaskan bahawa bukanlah menjadi hasrat mana-mana jua pemerintahan sama ada Islam ataupun bukan Islam untuk memperbanyakkan jenayah tetapi oleh kerana Kanun Jenayah Syariah terutama sekali mengenai Hudud, adalah undang-undang yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. dan Allah S.W.T. memberikan jaminan di dalam Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “Ini suatu jaminan daripada Allah S.W.T.” Insya-Allah, masyarakat akan selamat dan sejahtera. Ini juga mungkin tidak banyak pembicaraan-pembicaraan yang dilakukan dan bermakna juga tidak terlalu ramai hakim yang kita perlukan.

Walau bagaimanapun, hakim-hakim yang ada ini pun sudah cukup, kerana mudah-mudahan tidak akan berlaku banyak jenayah seperti yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Sungai Buloh tidak akan berlaku perkara-perkara ini, insya-Allah, jika sekiranya kita melaksanakan apa yang telah dikehendaki oleh Allah S.W.T. Sebab ini bukan milik PAS, bukan milik UMNO, bukan milik sesiapa, dia adalah milik Allah S.W.T. Kita datang daripada Allah dan kita akan kembali kepada Allah S.W.T.

Cukup dahulu sekadar itu dan saya ingin bercakap dalam perkara yang lain yang menyentuh apa yang disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai kejatuhan harga komoditi seperti harga kelapa sawit dan juga harga getah serta yang tidak disebut, ialah harga kelapa.

Saya mengharapkan supaya kerajaan akan meningkatkan lagi usaha membela petani-petani supaya negara kita ini bukan sahaja akan jadi negara

industri, walaupun telah disebut bahawa sektor perindustrian sudah meningkat hingga 80%, kita tidak mahu kemajuan negara kita ini hanya bergantung kepada sektor perindustrian, kita melupakan sektor pertanian. Oleh yang demikian itu, kita mengharapkan kepada pihak-pihak yang berwajib supaya meningkatkan perhatian kepada pembangunan pertanian di negara ini kerana negara-negara yang maju seperti Amerika misalnya, United Kingdom, Perancis mereka juga tidak melupakan tentang pembangunan pertanian untuk negara mereka.

Kalau kita berjalan daripada – saya ingat saya pernah pergi ke beberapa tahun yang lalu, saya lihat daripada New York pergi ke Indiana, saya lihat tepi-tepi jalan masih ada pertanian walaupun Amerika adalah negara industri yang begitu maju.

Jadi, kita mengharapkan Malaysia juga demikian apalagi pertanian dan hasil-hasil pertanian sangat penting kerana kalau negara kita menghadapi ancaman musuh luar, maka sumber-sumber makanan daripada hasil pertanian, rakyat negara ini sangatlah penting. Sekarang masih banyak bahan makanan kita bergantung dari luar. Di antaranya beras, kita masih bergantung kepada Thailand. Apakah kita tidak boleh mempertingkatkan tanaman padi di negara kita ini kerana masih ada tanah-tanah yang sesuai untuk dibuka oleh pihak yang berkuasa untuk dijadikan kawasan tanaman padi di negara ini.

Demikian juga hasil-hasil yang lain kita mengharapkan akan dapat pertimbangan yang sebaiknya. Orang-orang kampung saya rasa, tidaklah begitu malas sangat. Di kawasan sebelah sini – sebelah Selangor ini saya tengok kawasan-kawasan yang menanam kelapa, di bawah pokok kelapa itu ditanam macam-macam, pisang mereka tanam, koko mereka tanam untuk menambahkan hasil pendapatan tetapi yang malangnya apabila mereka tanam koko, koko jatuh harga, tanam pisang, pisang pun sekarang ini sudah jatuh harga. Ganti dengan tanam kelapa, kelapa pun sekarang ini sekitar empat hingga lima sen sahaja yang boleh diterima oleh pekebun kelapa kerana harga kelapa juga jauh.

Inilah perkara-perkara yang perlu difikirkan dan kita berharap pihak yang berkuasa akan mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap bidang pertanian ini. Walaupun kita kadang-kadang berbangga bahawa negara kita ini ekonominya sedang meningkat hebat tetapi apabila kita melihat kepada falsafah pembangunan negara kita ini semacam terpisah daripada pembangunan rohani.

Memang ramai orang kaya hasil daripada Dasar Ekonomi. Ada orang sama ada orang Islam ataupun bukan Islam telah mendapat kekayaan tetapi oleh kerana kekayaan yang mereka peroleh hasil daripada pembangunan ekonomi negara kita ini tidak diisi dengan nilai-nilai rohani dan nilai-nilai akhlak yang baik malah kadang-kadang semata-mata berasaskan kepada nilai-nilai material sahaja, maka dengan sebab itulah apabila ekonomi jatuh, ramai orang yang dahulunya pernah menikmati kekayaan, kemudian mereka telah menghadapi pelbagai masalah.

Oleh yang demikian itu dalam meletakkan asas pembangunan negara pada masa yang akan datang ini kita harapkan supaya pembangunan rohani ataupun nilai-nilai murni itu hendaklah diterapkan ke dalam falsafah pembangunan negara. Ini telah disebut, oleh Perdana Menteri sendiri sehingga Perdana Menteri membuat larangan kepada korporat-korporat untuk bertanding merebut jawatan dalam UMNO, ini yang pertama.

Yang keduanya sekarang ini timbul politik wang. Politik wang ini boleh menimbulkan dan menggalakkan rasuah yang berterusan di negara kita ini kerana bakal pemerintah dalam sebuah negara yang berdasarkan kepada sistem demokrasi, biasanya yang memerintah itu ialah parti-parti yang menang dalam pilihan raya.

Kita sangat bimbang dengan politik wang yang telah menjangkiti parti-parti politik, yang ketara kelihatan sekarang ini ialah di dalam UMNO dan kalau ini berterusan, maka kita bimbang bahawa rasuah yang disebut di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di mana kerajaan cuba memerangi rasuah itu tidak akan berjaya kerana orang-orang politik yang berkuasa apabila mereka hendak mendapat kejayaan, mereka menggunakan wang sebagai modal.

Jadi, bila menang mereka hendak balik wang modal tadi, maka inilah yang menggalakkan rasuah. Sebab itu saya juga bersetuju dengan teguran yang dibuat oleh Naib Presiden UMNO – Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin. Beliau juga ada membuat teguran bahawa sistem menentukan sekian banyak cawangan, baru boleh dicalonkan misalnya sebagai Ketua UMNO bahagian ini adalah suatu sistem yang patut dikaji semula kerana orang akan berlumba-lumba untuk menang jadi politik wang ini berterusan, untuk cari 20 cawangan mereka akan cari sedaya upaya bagaimana hendak rasuahkan 20 cawangan, baru boleh dia dicalonkan sebagai Ketua Bahagian. Apa lagi apabila dia hendak melangkah jadi Presiden atau jadi Timbalan Presiden dan sebagainya.

Saya tidak kira mana-mana parti pun yang ada di Malaysia ini kita harapkan akan berusaha untuk menghalang sebarang apa juga cubaan untuk menggunakan politik wang ini kerana kita mahu melihat negara kita bersih daripada sebarang apa jua bentuk rasuah, walaupun saya beranggapan bahawa rasuah ini bukanlah mudah untuk dihapuskan tetapi langkah-langkah pencegahan perlulah kita ambil bersama.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Ustaz Hassan. Saya amat tertarik sekali dengan hujah-hujah Yang Berhormat tentang isu politik wang. Yang Berhormat banyak melihat bahawa pemimpin kita terutama Yang Amat Berhormat Presiden Parti UMNO dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, banyak menceritakan soal yang sekarang ini timbul dalam UMNO, di mana ramai di kalangan ahli-ahli UMNO yang dikatakan termasuk dalam golongan mereka yang menggunakan wang bagi meraih tempat untuk menjadi pemimpin di dalam parti sendiri.

Pertama, saya ingin mengucapkan syabas kerana Yang Berhormat seorang ahli parti PAS yang amat prihatin dengan parti UMNO yang menjadi teras dalam kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini. Ini menunjukkan Yang Berhormat, bahawa pemimpin kita adalah seorang pemimpin yang benar-benar tegas, yang benar-benar memikirkan tentang rakyat jelata kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasakan UMNO parti yang benar-benar tahu tentang perjuangan yang sebenarnya, tentang parti. Tapi di kalangan ahli-ahli itu sudah tentu ada ahli-ahli yang kadangkala merosakkan parti.

Jadi, saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat, saya tidak kiralah parti UMNO atau parti PAS sekalipun, ada di kalangan ahli-ahli parti dalam PAS contohnya, yang mungkin boleh menyebabkan kerosakan perjuangan parti. Jadi, dengan ini Yang Berhormat, saya hendak bertanyakan dengan Yang Berhormat, bukankah pemimpin seperti ini seharusnya kita memberikan satu sokongan kerana dia faham, dia sedar, dia memandang jauh tentang kepentingan rakyat jelata dan mengapa ada di kalangan parti-parti pembangkang hari ini yang langsung tidak mahu mengakui bahawa kita mempunyai pemimpin yang begitu tegas, yang begitu prihatin, yang tahu akan masa depan, yang tahu merancang untuk masa depan ahli-ahli.

Jadi, sebab itulah saya amat tertarik tadi Yang Berhormat, saya minta kalau boleh Yang Berhormat, beritahu kepada ahli-ahli parti pembangkang, bahawa kita telahpun ada seorang pemimpin yang sebegini rupa, seharusnya kita memberi

sokongan yang begitu padu, yang begitu kuat supaya negara kita menjadi sebuah negara yang betul-betul maju, yang betul-betul dapat menyaingi negara-negara lain. Jadi, ini saya minta Yang Berhormat, jelaskan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebab itulah saya ingin menolak setengah-setengah tuduhan bahawa kononnya kami ini tidak membuat penilaian yang baik terhadap sesuatu. Sebenarnya mana yang baik, kita kata baik, yang tegas, kita kata tegaslah tetapi ada juga yang tidak tegas, itulah yang kita tegur, yang kita cuba perbaiki bersama. Saya yakin bahawa sahabat-sahabat dalam parti UMNO pun tidak merasa senang tetapi tidak berani hendak sebut. Itu sahajalah. Tidak berani hendak sebut. Saya dimaklumkan, oleh banyak rakan dalam UMNO, dari atas sampai ke bawah, mereka itu menyampaikan kepada saya, "Apa boleh buat, ustaz, kami tidak setuju tetapi tidak berani hendak sampaikan". Habis kalau sudah cakap tidak berani, saya hendak kata apa?

Jadi, saya harap, Yang Berhormat faham

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat sebut. Yang Berhormat sebut.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sebut apa? Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang beberapa sasaran yang barangkali sama-sama kita akan cuba menghalatujukan kerana setelah sekian lama negara kita menjalankan pelbagai rancangan dan kita mengakui bahawa rancangan-rancangan daripada rancangan yang pertama sampailah kepada yang ketujuh dan sekarang ini akan dibentangkan di Dewan ini, yang kelapan.

Walau bagaimanapun, masih ada lagi sasaran yang masih belum tercapai malah turun balik, ini pun satu hal yang perlu juga diambil perhatian oleh kita semua. Barangkali bukan kerana salah perancangan tetapi boleh jadi ada suatu kesilapan yang berlaku dalam masa kita melaksanakan rancangan yang tersebut.

Sebagai satu contoh, misalannya, usaha hendak mendekatkan jurang kemiskinan di antara keluarga miskin di luar bandar dengan keluarga miskin di dalam bandar. Kita difahamkan bahawa kemiskinan di luar bandar ialah sebanyak 12.4% dan kadar kemiskinan di bandar ialah 3.4%. Ini bermakna hampir 4 kali ganda perbezaan.

Saya tidak berhasrat menyebutkan sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya kelmarin tentang fakta-fakta yang menerangkan kedudukan bumiputera dalam sektor-sektor yang tertentu. Tetapi saya menyebutkan ini secara

umum kemiskinan di luar bandar 12.4% dan kemiskinan di bandar 3.4%. Jadi, di sini tentulah ada sesuatu yang perlu dilihat oleh pihak yang berkuasa supaya apa yang sering kita bangkitkan seperti apa yang berlaku di Kampung Medan tidak akan berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang.

Itupun kita tidak memberikan satu jaminan di sini kerana itu adalah tabiat manusia dan manusia ini kadang-kadang apabila dia sudah mendapat kekayaan, dia cuba hendak menindas orang yang lain dan kadang-kadang orang yang tertindas itu, akan cuba membela diri mereka sendiri sehinggalah berlaku pertentangan di antara miskin dan kaya, dan inilah yang menimbulkan fahaman-fahaman seperti fahaman kapitalis, fahaman sosialis, fahaman komunis dan sebagainya. Ini adalah akibat pertentangan yang berlarutan.

Oleh yang demikian, dalam sebuah negara demokrasi seperti kita ini, mudah-mudahan hal yang seperti ini akan dapat diatasi oleh pihak yang berkuasa yang telah diberikan kepercayaan oleh rakyat negara ini. Insya-Allah, mudah-mudahan kita akan dapat melihat masyarakat hidup aman damai secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu melihat dengan penuh keinsafan, tentang pemilikan asing yang ada di dalam negara kita ini. Kadang-kadang dalam Dewan ini pun kita begitu hebat menyerang, orang-orang luar tetapi sebenarnya, kita melihat di sini pemilikan asing di negara kita ini telah bertambah sebanyak – tahun 2000 meningkat kepada 33%, berbanding pada tahun 1990 hanyalah 25%.

Dan, ini sebenarnya kalau kita tidak amat-amati, ianya akan mengancam ekonomi negara kita. Oleh yang demikian, kita juga memohon kepada pihak yang berkenaan dan kita menyaran kepada pihak yang berkenaan, dalam keghairahan untuk memasukkan modal asing ke negara kita ini, kita juga harus melihat bahawa sesungguhnya penguasaan modal asing itu boleh melahirkan suatu penjajahan baru di negara kita ini iaitu penjajahan ekonomi, sama ada kita sedar ataupun tidak sedar.

Yang demikian, kita mengingatkan supaya hal-hal yang seperti ini diperhatikan dengan secara yang lebih mendalam oleh pihak yang berkuasa. Sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail menyebutkan tentang kehebatan bumiputera dalam bidang ekonomi tetapi saya lihat tidak banyak sebenarnya. Misalnya negeri Pahang, kalau kita pergi melawat ke kawasan bandar-bandar baru, kita tidak melihat banyak bumiputera yang menyertai atau yang memiliki bangunan-bangunan, kedai baru itu, atau yang membuka perniagaan di kawasan bandar baru yang ada di negeri Pahang itu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sikitlah pasalnya dia sudah sebut negeri Pahang, saya asal negeri Pahang. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat yang sekarang ini mati-mati menyatakan perlunya kerajaan melaksanakan dasar yang boleh menyebelahi mereka yang lebih daif atau berkurangan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat secara perjuangan bersetuju dengan Dasar Ekonomi Baru yang dibuat oleh kerajaan dan sekiranya Dasar Ekonomi Baru ini terpaksa diminta, dirombak oleh mana-mana pihak, Yang Berhormat merupakan salah seorang pejuang bangsa yang akan mempertahankannya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menyebutkan tentang rombak, saya menyebutkan tentang penyertaan bumiputera yang telah dibangkitkan oleh sahabat saya pada sebelah pagi tadi. Saya bagi contoh, ini contoh sahaja, saya harap Yang Berhormat dari Pahang janganlah marah kepada saya pula, saya cuma bagi contoh negeri Pahang.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya maksudkan

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya akan bagi jawab kemudian, itu dia punya mukadimah dahululah. *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Nanti dahulu, saya tidak bagi jalan. Saya lihat sebenarnya pada sesi yang telah lalu, saya kemukakan soalan kepada kementerian yang berkenaan. Saya minta tentang berapa banyakkah bandar-bandar baru yang dibina? Dan, berapa banyak bandar-bandar baru yang dibina itu, yang telah dimiliki oleh bumiputera? Tetapi sehingga kini saya belum dapat jawapan lagi. Jadi, oleh kerana tidak ada jawapan, saya berpandukan kepada pengamatan dan penglihatan saya terhadap bandar-bandar yang pernah saya pergi. Jadi, saya tengok ada dua, tiga sahaja kedai bumiputera, itupun saya tanya-tanya, "Daripada mana?". "Daripada Kelantan". Orang yang bemiaga itu datangnyanya dari Kelantan. Begitu juga di negeri-negeri yang lain. Di Johor saya pergi, bila saya tanya ada dua, tiga kedai, saya tanya, "Daripada mana?". Daripada Kelantan juga. Jadi, Yang Berhormat dari Pahang jangan marah pada saya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya bagi laluan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tidak. Saya minta penjelasan tadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan Dasar Ekonomi Baru dan akan

mempertahankan Dasar Ekonomi Baru, kalau ada mana-mana pihak termasuk Setiausaha dan sebagainya yang akan cuba hendak merombak. Itu soalan saya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Oleh kerana namanya pun Dasar Ekonomi Baru, kalau kita tengok bahasa orang tua-tua mengaji tauhid, dia kata wujud ertinya ada, lawannya tiada atau mustahil, tiada, wajib ada dalilnya baharu sekalian alam. Baharu sekalian alam ini, boleh berubah, kalau sampai ketikanya, bukan PAS yang rombak, Barisan Nasional pun akan rombak Dasar Ekonomi Baru itu, saya yakin, saya percaya ia akan berubah.

Tetapi sekarang ini mungkin belum sampai masanya lagi. Itu jawapan saya. Ia boleh dirombak, tidak salah, siapa pun tidak boleh menyalahkan, kalau suatu rombakan yang lebih baik dilakukan ke atas Dasar Ekonomi Baru itu.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Silakan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tuan Hassan. Saya ini bukannya menyibuk tetapi jenis suka ganggu sikit-sikitlah, tidak kisahlah daripada PAS kah, daripada UMNO sendiri. Jadi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, kadangkala kita memberi pandangan di dalam Dewan ini dengan matlamat dan tujuan ataupun objektif kita, niat kita baik, supaya dalam negara dan pihak kerajaan ini terus dapat berusaha membangun, menuju kepada lebih maju dan membela nasib yang belum terbela untuk membawa keadilan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Tetapi kita dianggap sebagai suatu pandangan daripada pembangkang, jadi saya ingin tahu macam mana perasaan dan komen ustazlah. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, saya ingin tegaskan di sini bahawa sesungguhnya apa jua kebaikan yang hendak dibawa oleh mana-mana pihak, saya rasa kalau dia baik, kita kena akui baiklah. Itu pendirian saya, dan walau bagaimanapun, kalau ada kecacatan ataupun ada penyelewengan, maka kalau kita tegur, yang melakukan penyelewengan itu haruslah juga mendengar teguran-teguran yang membina sama ada ia datang daripada parti pembangkang atau datang daripada orang yang tidak ada parti, kerana tujuan mereka sebenarnya ialah untuk melihat supaya negara ini baik, negara ini ekonominya membangun secara yang sihat dan mantap. Itulah sikap yang perlu kita ambil.

Cuma sekarang ini bila kita tegur ataupun Yang Berhormat daripada Barisan sendiri, menyampaikan teguran-teguran – kadang-kadang saya lihat Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz pun menyampaikan teguran lebih hebat daripada saya, sama ada didengar ataupun tidak, itu soal lainlah, tetapi kita telah menyampaikan kritik kita, teguran kita dan niat kita sebenarnya untuk memperbaiki. Saya rasa itulah yang perlu ada pada kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyokong beberapa saranan. Misalnya pada pagi ini, saya membaca di dalam surat khabar, Tan Sri Musa Hitam barangkali beliau melihat kegawatan yang ada, beliau telah mencadangkan supaya dibentuk apa yang beliau panggil Majlis Perpaduan Negara, atas nama Pengerusi SUHAKAM, beliau mencadangkan. Ini satu cadangan yang baik yang anggotanya saya harap seperti yang saya pernah mencadangkan di Dewan yang mulia ini, kalau ada perkara-perkara yang melibatkan jenayah, akhlak, moral dan sebagainya, perlulah diturut sertakan ahli-ahli parti pembangkang dan ahli-ahli agama.

Saya tidak kira sama ada mereka itu beragama Islamkah, beragama Kristiankah atau beragama Hindu kerana pengalaman-pengalaman mereka ini perlu kita ambil kira. Mereka mempunyai pengalaman dan mereka tahu tentang kerosakan-kerosakan akhlak yang dihadapi oleh keluarga-keluarga. Jadi dengan sebab itu, saya cadangkan satu lagi iaitu supaya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini mengadakan Majlis Wanita supaya wanita-wanita sama ada yang beragama Islam, beragama Hindu, beragama Buddha ditempatkan di dalam majlis itu supaya mereka juga boleh memberikan pandangan-pandangan bagaimana sebenarnya pandangan agama terhadap sesuatu perkara.

Saya yakin bahawa agama-agama mempunyai pandangan tertentu dan boleh memberikan sumbangan kepada negara untuk membentuk sebuah masyarakat yang harmoni dan sebuah masyarakat yang bersatu padu serta faham memahami di antara satu dengan yang lain. Saya harap Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mengambil perhatian apa yang saya sarankan.. Jadi, saranan kita janganlah tinggal dalam *Hansard* sahaja tanpa *follow-up* apa-apa terhadap cadangan-cadangan yang kita kemukakan melalui Dewan ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk bercakap tentang perpaduan. Ramai ahli-ahli apabila berlaku tragedi Kampung Medan, semua ahli-ahli bercakap tentang perpaduan.

Memanglah perpaduan sangat penting dan tadi sahabat kita Setiausaha Parlimen telah memberikan jawapan tentang sebab-sebab peristiwa atau tragedi yang berlaku di Kampung Medan. Pada asalnya ia lebih mirip kepada pergaduhan sahaja. Tetapi, kerana ianya disemarakkan oleh ketidakfahaman, sesetengah daripada kalangan kita, tidak faham tentang hidup berjiran, maka dengan sebab itulah timbul kekeliruan sehingga merangsangkan untuk melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan suasana yang tidak baik di sesuatu tempat.

Oleh yang demikian, itulah saya ingin menyarankan supaya sebarang apa jua jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat kampung hendaklah diturut sertakan parti-parti politik. Ada sesetengah orang beranggapan bahawa parti-parti politik ini tidak boleh duduk bersama, bahawa orang politik ini dia boleh duduk bersama dan kita bincangkan masalah-masalah yang berlaku di peringkat tempatan ataupun di peringkat bandar. Saya yakin kalau orang-orang politik terjun ke depan, penyelesaiannya akan lebih segera. Kita tidak boleh mengharapkan semata-mata kepada agensi-agensi yang tertentu. Memang kita ada Rukun Tetangga, tetapi, kadang-kadang Rukun Tetangga itu dianggotai jawatankuasanya oleh satu golongan sahaja.

Jadi, ini yang menyebabkan keretakan di kalangan masyarakat tempatan, atau masyarakat yang kecil. Pada hal kalau kita turut sertakan semua parti politik yang ada di situ, tidak kiralah ia Barisankah atau tidak Barisan, kita turut sertakan. Saya mempunyai pengalaman di Kampung Medan. Saya lihat kerjasama di antara MIC dengan PAS, sangat baik. Saya tidak tahulah sama ada orang-orang MIC ambil perhatian ataupun tidak? Sebab itu, kadang-kadang pujian kita beri kepada yang atas sahaja, yang di bawah kita langsung tidak sebut. Saya haraplah supaya orang yang bekerja siang, malam di bawah ini juga kita sebutkan. Kita ucapkan tahniah kerana kerjasama yang dibuat, dilakukan oleh MIC dengan PAS, saya sebutkan kerana mereka ini sebenarnya turun naik ke rumah-rumah orang-orang perseorangan untuk melakukan perdamaian dalam pergaduhan itu.

Tuan M. Ratnam: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Silakan.

Tuan M. Ratnam: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat kata kita kerja rapat dengan dia. Saya hendak tahu dalam bidang apa PAS bekerjasama dengan MIC?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya tidak sebut kerjasama politik, tidak sebutkan juga kerjasama pilihan raya. Setakat ini belum ada kerjasama di antara PAS dengan MIC dalam kerjasama pilihan raya. Tetapi, jangan lupa ia mungkin boleh boleh jadi di satu masa boleh jadi. *[Ketawa]*. Ini politik ia berubah-ubah. Apa yang dibuat oleh manusia ini berubah. Hari ini macam ini, besok lain, lusa lain, sepuluh tahun lagi, lain lagi. Macam hari ini, Dato' Abdul Aziz dalam UMNO, sepuluh tahun lagi boleh jadi dalam PAS, kita tidak tahu. *[Ketawa]*. Tadi, Dato' Ahmad.....*[Disampuk]*

Dato' Abdul Aziz bin Abd. Rahman: Saya amat bersetuju kerana Tuan Yang di-Pertua, mungkin hari esok, lusa dia masuk UMNO. *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Haa, boleh jadi. Saya pun tidak nafikan tetapi, saya telah mencuba sejak tahun 1953, di dalam PAS ini susah payah sehinggalah sekarang ini masih dalam PAS lagilah, insya -Allah, kerana keyakinan saya atas dasar Islam, bukan atas dasar pemimpin. ... *[Disampuk]*

Dato' Abdul Aziz bin Abd. Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kena mencelah sedikit kerana UMNO menerusi Barisan Nasional, kerajaan yang dipimpin oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman dahulu, oleh Tun Razak dan sekarang ini oleh Dato' Seri Dr. Mahathir, memang memperjuangkan hak Islam. Kalau kita lihat daripada segi rekod perjuangan UMNO menerusi Barisan Nasional sendiri untuk menegakkan syiar Islam, saya ingat ini terbukti sehinggakan OIC sendiri, Pertubuhan Negara-negara Islam Antarabangsa pun menyetujui apa yang dibuat oleh kerajaan kita setakat ini. Jadi, saya merasakan sebab itulah sewaktu ketika dahulu, PAS menyertai perjuangan Barisan Nasional. Masa itu, tidak ada orang termasuklah Tuan Haji Hassan Haji Shukri pun kerana PAS masuk Barisan Nasional, dia pun masuk Barisan Nasional. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah saya sebutkan tadi, manusia ini dia berubah-ubah. Dahulu kita dalam Barisan Nasional, dalam kerajaan campuran hendak selamatkan negara daripada suasana yang tidak baiklah saya katakan. Kita sertai kerajaan campuran, kita runding. Siang malam berunding dan saya pun termasuk berunding di antara orang yang berundinglah secara muda sayalah pada waktu itu. Akhirnya, PAS masuklah apa yang dikatakan kerajaan campuran. Perkembangan daripada kerajaan campuran itu, masuk Barisan Nasional, berlaku krisis Kelantan diisytiharkan darurat, Tan Sri di depan saya ini pun ingat ini. Diisytiharkan darurat kerana hendak....kami sudah baca

dah, kalau darurat Kelantan ini, PAS akan kalah. Memang PAS tinggal dua sahaja, batu nisan sahaja. Selepas pilihan raya, selepas darurat diadakan PAS tinggal dua kerusi sahaja di negeri Kelantan tetapi, kami tidak pernah putus asalah. Kalau hendak cerita parti, saya sebenarnya tidak berapa hendak cerita parti.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itulah pengalaman yang ada di hadapan kita dan mudah-mudahan pengalaman ini jangan kita biar begitu sahaja, tinggal begitu sahaja. Pengalaman ini mengajarkan kita untuk membina satu generasi ataupun sebuah generasi yang baru pada masa yang akan datang supaya mereka memahami akan perjuangan ayah-ayah mereka pada masa-masa yang lalu. Saya masih ingat dengan Tuan Yang di-Pertua pada waktu itu kalau tidak silap saya, jadi Setiausaha Agung MCA, saya Setiausaha Agung PAS, Setiausaha Agung Barisan Nasional ialah Tun Ghafar Baba, kita selalu mesyuarat dekat Bank Bumiputera, Menara Bank Bumiputera, Tuan Yang di-Pertua, ya? Barangkali Tuan Yang di-Pertua boleh mengiakan apa yang saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap itu dalam bahasa Inggeris dia kata, *history repeat by itself* pada suatu hari. *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian itulah, saya menyebutkan di sini sedikit sebanyak sejarah ini supaya dapat kita kenal pasti bahawa walaupun sekarang ini sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya pada pagi tadi seakan-akan berlaku perpecahan. Saya kata ini bukan perpecahan, tetapi ini pemindahan, hijrah buat sementara sahajalah. Pengundi-pengundi yang dahulunya mengundi Barisan Nasional, dia berhijrah buat sementara waktu mengundi PAS dan juga Barisan Alternatif. Boleh jadi pada masa yang akan datang, MIC berpecah daripada Barisan Nasional, dia bertanding sendiri, boleh jadi dia menang, boleh jadi. Saya kata boleh jadi. Ini sebagai contoh sahaja.

Tuan M. Ratnam: Tidak akan jadi.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tidak apa baiklah. *[Ketawa]*. Tidak jadi tidak apa.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Hari ini banyak gangguan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan baik budi Ustaz Hassan. Saya hendak bagi peringatan kerana hadis ada menyebutkan bahawa orang mukmin tidak akan disengat dua kali dalam satu lubang. Nampaknya petang ini Ustaz Hassan ini lembut sangat. Dasar perjuangan kita prinsip jelas

bahawa al-Quran, hadis dan sunnah. Apa pandangan Yang Berhormat Ustaz Hassan. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Itu Tuan Yang di-Pertua, itu hadis nabilah. Kita orang Islam ini dia tidak boleh tertipu dua kali. Jadi maknanya seakan-akan memberi peringatan kepada saya, sahabat saya bagi peringatan kepada saya jangan lembut sangatlah. Saya bukan lembut. Sebenarnya yang lembut ini dia payah patahlah. Lembut dia tidak patah itu dia. Kadang-kadang dia keras tetapi mudah patah. *[Ketawa]*. Saya lembut yang insya -Allah tidak patahlah, mudah-mudahan. Jadi kita apapun keadaannya kalau hendak berlaku penipuan dua kali memang kita elak dirilah dari kena tipu dua kali, cukup sekali.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, perkataan tipu ini berat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya tarik baliklah, saya tarik balik.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya rasa tidak pernah kita menipu. Saya juga hendak tahu apa dia yang kepada Yang Berhormat yang lembut dan keras ini saya tidak faham. *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Itulah dia tadi seperti yang saya jelaskan ya. Maknanya kita saya pun tidak tahu bahasa lain saya tidak tahu hendak sebutlah. Maknanya kalau ada berlaku apapun tindakan yang kita jalankan kita lihat dengan penuh cermatlah supaya apa yang kita buat sama ada dalam UMNOkah dalam PASKah kita buat dengan penuh cermat mudah-mudahan kita akan selamat. Saya begitu sahajalah maknanya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sila.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ustaz, saya terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita pasal lembut sangat yang kakak saya beritahu tadi. Ustaz, saya daripada mula ustaz bercakap tadi daripada pagi sambung ke petang ini saya amat tertarik sekali kalaulah ustaz menjadi seorang ustaz untuk hanya bercerita tentang agama hanya semata-mata tentang agama Islam tidak masuk unsur-unsur politik sayalah salah seorang penyokong kuat ustaz. Tetapi apabila ustaz masuk unsur-unsur politik kadangkala boleh diganggu oleh sahabat-sahabat sendiri. Saya amat kagum bila ustaz menunjukkan rasa lemah lembut yang begitu baik cerita yang begitu mengagumkan tetapi kadang-kadang ada kawan-kawan dari parti ustaz suruh ada syak wasangka dan ustaz jangan lembut sangat. Syak wasangka ini tidak baik

untuk orang Islam. Apa pendapat ustaz tentang ini. Jangan kita ada syak wasangka di kalangan kita. Saya rasa sebab itu tadi ustaz memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana mengingatkan rakyat jelata untuk berbuat baik. Sebab itu ustaz mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat. Jadi saya pun sama. Saya pun ingin mengucapkan sebegitu rupa tetapi ada di kalangan kawan-kawan kita suruh ada syak wasangka ini ustaz. Tolong beritahu kepada kawan-kawan kita. *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Bismillahi Rahmanir Rahim. *[Membacakan sepotong ayat al-Quran]*. Jadi saya rasa ustaz boleh hurai penafsiran ayat ini bahawa – saya minta ustaz hurai saya pula kata 'bahawa'. Sesungguhnya apa bentuk kepartian mestilah dia ada matlamat. Matlamatnya mestilah kuasa. Dengan kuasa inilah kita dapat modifikasi ataupun melaksanakan pelaksanaan perubahan ke arah yang lebih baik untuk pendekatan kita dengan Allah dan pencipta alam keseluruhan. Mungkin ustaz boleh tambah ayat yang saya baca tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya berterima kasihlah dua-dua yang telah memberikan teguran kepada saya. Teguran yang pertama mengatakan bahawa saya buat pertanyaan tadi iaitu syak wasangka. Saya rasa sahabat saya itu tidak ada syak wasangka dia sebut betul punya. Tidak ada syak wasangka. Saya tidak anggap syak wasangka kerana apa yang Yang Berhormat nyatakan itu adalah satu perkara yang betul, satu perkara yang saya rasa kita kena ambil perhatian. Ada pun permohonan Yang Berhormat Dato' sahabat saya dari Ipoh ini, minta saya supaya jadi guru sahaja. Ini yang tidak betul ini. Ini tidak betul. Ini orang yang mengaji agama yang belajar agama ini apabila dia baca al-Quran dia tidak akan boleh untuk tidak melibatkan diri dalam politik kerana ikut al-Quran semalam saya sudah terang kalau seorang yang reti agama tidak melibatkan diri dalam politik dia sudah melakukan suatu kesalahan dari segi agama itu sendiri kerana agama yang perintah kita berpolitik ini agama yang memerintahkan kita supaya berpolitik. Saya ingat sesi yang lalu 'Tiuku' Adnan, saya sebut 'Tiuku' minta maaf. Kadang-kadang orang tidak tahu tetapi saya sebut Tengkulah kemudian pula. Ada sebab-sebab saya sebutkan itu. Saya sahaja yang tahu. Barangkali orang lain tidak berapa tahu. Saya boleh berani sebut semacam itu. Juga mengemukakan pertanyaan yang sama dan saya jawab bahawa adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai seorang mukmin dan Muslim untuk menyertai kegiatan politik. Cuma tentulah ada perbezaan di

antara yang lain menyertai – dan saya tidak tinggalkan yang lain menyertai politik itu berbeza dengan sayalah barangkali. Wallahualam biar saya dululah. Orang lain saya tidak tahu. Saya tidak meninggalkan pengajian-pengajian agama. Sehingga sekarang ini saya masih lagi mengadakan pengajian-pengajian agama yang ramai orang yang datang belajar daripada saya. Maknanya saya tidak mengabaikan tanggungjawab saya dari segi hendak menyampaikan pengajian tidak saya abaikan. Kalau Yang Berhormat Datuk Ghazi hendak bagi ceramah di masjid dia pun boleh tetapi takut Datuk Ghazi pula kena buang itu saya takut itu. Senyum, Datuk Ghazi senyum. Tahulah ada makna yang saya cakap itu mungkin beliau lebih tahulah.

Jadi dengan sebab itu saya mengharapkan mudah-mudahan apa pun juga kerjasama, bentuk usaha yang dijalankan oleh mana-mana pihak untuk mewujudkan perpaduan kita harus menghormati. Kita harus maknanya sekurang-kurangnya mengucapkan terima kasih kepada mereka itu sebab perpaduan ini tidak boleh dibuat oleh orang perseorangan walau macam mana gagahpun dia, walau macam mana kayapun, walau macam mana banyak wang pun yang mereka taburkan mereka tidak akan mampu menyatupadukan rakyat umat ini hanya dengan kekayaan seorang diri. Begitu juga dengan kegagahan seorang diri. Dia gagah perkasa, pakai tiup sahaja orang sudah jatuh. Ada satu ilmu orang katalah wallahualam saya pun tidak tahu. Dulu ada sahabat kita bekas menteri juga dulu dia mempelopori ilmu ini. Dia kata tiup sahaja habis jatuh. Saya tidak pakai ilmu ini saya tolak teruslah.

Jadi kalau ilmu itu pun dipakai dia juga tidak boleh menyatupadukan umat dan rakyat. Sebab itulah kerjasama untuk menyatupadukan ini saya harapkan supaya dapat dilakukan oleh semua. Ada orang bangkitkan kata dia ini tidak boleh. Saya belum putus harapan lagi. Perbincangan masih diadakan di antara UMNO dengan PAS. Tengku Dato' Adnan pun menyertai perbincangan itu. Saya tidak tahu. Saya belum dilaporkan macam mana bentuk perbincangan tetapi saya harapkan supaya perbincangan ini akan diteruskan tetapi orang yang menjalankan perbincangan ini mestilah mempunyai kesabaran yang tinggi. Saya harap Tengku Adnan pun mempunyai kesabaran yang tinggi. Insya-Allah.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Ustaz minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan Ustaz Hassan ini susah sikit. Satu dia guru agama saya dulu. Jadi bila anak murid cakap dengan bapa ini susah sikit. Tetapi walau macam mana pun kerana kita dari perbezaan pendapat politik. Untuk makluman Yang Berhormat Ustaz saya ingin penjelasan kerana bagi pihak UMNO kita sentiasa

menunggu pihak PAS untuk mengadakan pertemuan di antara dua orang iaitu presiden kedua-dua parti. Tetapi yang saya musykilkan kenapa pihak PAS masih lagi minta supaya kononnya keadaan kondusif dengan izin, diadakan umpamanya beri balik royalti minyak di Terengganu beri balik *Harakah* daripada dua ke lapan padahal pada perbincangan kita, kita sudah sebutkan perkara-perkara ini bangkitkanlah sendiri apabila Presiden PAS bertemu dengan Presiden UMNO. Itu mereka boleh bincang. Yang di tahap kita, kita memang hanya merintis jalan supaya pertemuan yang ada.

Saya ada bertanya dengan kawan-kawan saya dalam PAS pada waktu kita berbincang, kenapa PAS rasa menggelabah? UMNO tidak berniat untuk hendak memerangkap PAS ataupun UMNO berniat untuk menarik PAS masuk dalam Barisan Nasional. Pada pandangan Barisan Nasional dan UMNO sendiri bahawa PAS adalah satu-satunya parti pembangkang yang juga boleh memberi teguran kepada peme rintah supaya kita boleh dapat mentadbir negara ini dengan lebih baik.

Pada pandangan kita, kita bukan hendak mentadbir negara ini dengan sewenang-wenangnya. Jadi, memang kita menggalakkan pembangkang seperti PAS dan DAP untuk hidup. Kalau kita hendak bagi mati, sudah lama kita bagi mati. Itu bukan niat kita.

Jadi, saya minta penjelasan daripada ustaz, kalau bolehlah ustaz sendiri maklumkan kepada kawan-kawan saya di sebelah PAS ini supaya janganlah kita taruh syarat-syarat kerana kalau kita taruh syarat, UMNO pun ada syarat.

UMNO sehingga hari ini tidak langsung memberi syarat. Malahan PAS hendak berjumpa dengan kita pagi tidak boleh, petang kita ikut. Hendak berjumpa di hotel itu tidak boleh, hotel ini kita ikut. Semua kita ikut tetapi sekarang ini kita masih menunggu apakah PAS...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Lembut sangat.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tidak apa. Kita memang berlembut. *[Ketawa]* Kita ini memang berlembut. Dua-dua pihak lembut tetapi kita ada ketegasan kita untuk mema stikan bahawa hak bangsa, hak negara, perpaduan itu penting kerana pada pandangan kita, perpaduan Melayu penting untuk perpaduan nasional. Kalau perpaduan Melayu tidak ada, perpaduan nasional pasti tidak akan wujud.

Cuba ustaz sendiri tanya dengan kawan-kawan kita – dia takut kalau Melayu ini bergaduh, apa akan jadi kepada diri mereka? Ini ustaz boleh tanya. Jadi, saya

minta penjelasan dengan ustazlah. Kalau boleh ustaz beri penjelasan kepada saya dan juga balik beri penjelasan kepada kawan-kawan saya di jawatankuasa di peringkat PAS supaya mereka berlembut sedikitlah. Jangan minta royalti, minta *Harakah* dan sebagainya. Sekian ustaz, terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ustaz Hassan, beri laluan sedikit kepada saya. Saya ingin minta penjelasan daripada ustaz, apa makna cakap-cakap Tengku Adnan tadi, “kalau hendak bagi mati, sudah lama mati”. Minta penafsiran itu. Terima kasih. Dan siapa pengambil ajal sebenarnya?

Tengku Dato’ Adnan bin Tengku Mansor: *[Menyampuk]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya saya hendak berucap sedikit sahaja tetapi jadi panjang.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya hendak jawab “kalau hendak bagi mati, sudah lama mati”, saya ingat perkara ini bukan kerja kitalah. Walaupun ada orang hendak bagi mati tetapi mati itu Tuhanlah yang menentukan. PAS ini kalau hendak bagi mati, sudah lama juga orang boleh matikan tetapi insya-Allah selagi kita berpegang kepada konsep dasar yang ada sekarang ini, sukarlah hendak mati. PAS boleh dimatikan tetapi Islam yang ada dalam dada orang PAS, ia tidak akan mati, insya-Allah, sampai hari kiamat.

Mengenai apa yang ditimbulkan tentang perundingan-perundingan Jawatankuasa Teknik, saya sebenarnya tidak mahu usik kerana ini tanggungjawab Jawatankuasa Teknik. Inilah dia kita hendak tengok, hendak cuba kebijaksanaan ahli-ahli Jawatankuasa Teknik yang termasuk di dalamnya Dato’ Timbalan Menteri sendiri. Saya pun hendak tengok juga sebab kami dulu try cara-cara kami yang lama-lama orang tua, walaupun sudah berkelahi, kami boleh berunding, kami boleh mewujudkan perpaduan, zaman Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, sekarang ini kita hendak tengok yang ada ini macam mana? Saya tidak mahu campur pada masa ini kerana itu adalah tanggungjawab Jawatankuasa Teknik. Jawatankuasa Teknik boleh rundinglah. Kalau Jawatankuasa Teknik yang ada ini bijak betul, dia boleh tolak semua itu. Boleh cari jalan yang cukup baik. Itu terserah. Saya serahkan, saya tidak mahu ganggu sebab mereka pun melaporkan setakat mana pertemuan yang ada.

Jadi, saya haraplah kerana Yang Berhormat salah seorang daripada anggota Jawatankuasa Teknik itu boleh bincang baik-baik. Saya minta satu sahaja. Saya

minta supaya tahan dan sabar sebab perundingan ini memerlukan kepada kesabaran. Boleh jadi satu tahun ini tidak boleh, sabar hingga dua tahun. Tidak boleh juga dua tahun, tiga tahun. Tidak boleh tiga tahun, empat tahun. Tidak boleh empat tahun, lima tahun. Saya mempunyai keyakinan di suatu ketika esok, akan ada jalan penyelesaian, insya-Allah. Jadi, setakat itulah penjelasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita juga perlu melihat kalau banyak ditimbulkan sekarang ini, oleh kerana banyak kilang industri yang telah ditutup dan telah dinyatakan puluhan ribu pekerja-pekerja yang telah dibuang. Inipun satu hal yang sangat menarik perhatian kita dan kita harap walaupun ada jaminan-jaminan, langkah-langkah yang diambil dan kita harap langkah-langkah yang diambil ini juga perlu disegerakan, jangan sampai ianya merebak, timbul satu penyakit yang lain sebagaimana yang disebutkan oleh sesetengah sahabat kita bahawa kejadian jenayah akan bertambah dan sebagainya, hasil daripada penamatan kerja ataupun pekerja-pekerja kita golongan bawahan yang bekerja di kilang-kilang ini.

Saya juga ingin menyebutkan di sini tentang keharmonian keluarga. Tadi saya sudah sebut tetapi saya terlupa menyebutkan, ini ialah tentang cuti. Tentang cuti jabatan-jabatan kerajaan dan juga kebanyakan swasta telah meluluskan cuti awal minggu dan hujung minggu tetapi ada tertinggal sedikitlah, kalau boleh supaya pihak Kementerian Kewangan, saya sebutkan di sini iaitu mengikut Akta Bank 1989, hendaklah juga kita memberikan, maknanya mengikut akta ini, pihak Kementerian Kewangan hendaklah berunding dengan mana-mana pihak yang perlu dirundingkan supaya cuti dua hari sebulan ini perlu diberikan juga kepada pekerja-pekerja bank kerana saya difahamkan pekerja-pekerja bank, satu bulan, sehari sahaja cuti.

Oleh yang demikian, saya juga difahamkan bahawa mengikut Akta Bank dan juga institusi kewangan 1989, Kementerian Kewangan mempunyai kuasa untuk mengadakan perundingan dengan pihak bank supaya bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang sekarang ini masih lagi belum melaksanakan cuti dua hari seminggu ini dapat dilaksanakan. Kita dahulu hampir semua kita ini bersetuju bahawa cuti itu sehari untuk keluarga dan satu hari lagi ialah untuk barangkali kita menggunakan cuti yang satu hari lagi itu untuk kepentingan-kepentingan yang lain. Jadi, ini juga saya harap supaya diambil perhatian oleh pihak kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak sebutkan di sini ialah tentang kejadian-kejadian jenayah seperti juga yang disebutkan oleh sahabat-

sahabat kita yang makin hari makin bertambah. Kita mengharapkan jenayah ini bukan sahaja dibendung melalui kuat kuasa undang-undang tetapi kita juga sebagai anggota masyarakat negara kita ini hendaklah meyakinkan anak-anak kita dengan apa cara sekalipun supaya mereka tidak akan terlibat dalam kes-kes jenayah yang sangat membimbangkan kita pada hari ini.

Saya berterima kasih kepada orang India yang telah mengumpulkan data untuk mengetahui perlakuan jenayah yang telah dilakukan oleh belia-belia India. Apabila kita melihat perangkaan yang dikemukakan di Dewan ini ataupun kita mendengar perangkaan-perangkaan yang disebutkan oleh salah seorang Yang Berhormat di dalam Dewan ini dan pada pagi tadi Yang Berhormat Dato' Marimuthu juga ada menyebutkan, kita rasa gerun dengan kumpulan samseng yang begitu banyak. Di Pulau Pinang sahaja pagi ini disebutkan ada 11 kumpulan samseng.

Tetapi apakah sebabnya kumpulan samseng ini wujud? Ini persoalan yang perlu diambil perhatian.

Kita ada undang-undang untuk dikuatkuasakan, tetapi saya rasakan undang-undang tidak cukup. Dengan sebab itulah saya ingin mengajak semua kaum yang menganut berbagai agama kerana saya orang beragama, saya melihat agama-agama ini salah satu cara untuk menyelesaikan masalah jenayah ini. Saya kira sekarang ini golongan yang beragama sama ada Hindu, Buddhist dan lain-lain, saya tidak tahu, tidak kurang mempergauli belia-belia masing-masing. Saya mempunyai pengalaman apabila ramai anak-anak muda yang beragama Islam ini bila kita bawa mereka di perkhemahan tepi laut bukan kita ajar mereka itu semata-mata misalnya naik perahu dan sebagainya tetapi kita ajar dia bagaimana - ini orang Islam saya sebutkan, kita melatih bagaimana kamu hendak melaksanakan solat Jamak Takhir, Jamak Takdim misalnya. Di situ kita buat, kita ajar mereka bagaimana, sebab ini kemudahan, sedekah Allah s.w.t.

Kita boleh mengajar anak-anak kita dalam kem itu mereka sembahyang berjemaah, bagaimana hendak solat Jamak Takhir dan Jamak Takdim kerana ini kepada peniaga-peniaga besok, kepada korporat-korporat sangat penting. Mereka diberikan kemudahan kalau pergi Melaka sudah boleh Jamak Takhir ataupun Jamak Takdim. Kenapa perkara-perkara ini, kelmarin Timbalan Menteri Belia dan Sukan tidak ada pun menyebut kerja-kerja ataupun usaha-usaha yang seperti itu. Selain daripada itu misalnya saya pernah buat kita adakan kuliah lima minit sahaja ataupun sepuluh minit kepada belia-belia supaya mendekati dia, mendidik

rohaninya, mendidik akhlak mereka supaya mereka cintakan agama dan kita terangkan bahawa sesungguhnya perbuatan jenayah ini adalah suatu perbuatan yang tidak baik. Begitu juga hal dadah, saya sangat dukacitalah setakat ini tidak banyak usaha-usaha untuk memerangi dadah ini melalui usaha-usaha yang bersifat agama.

Saya rasa kalau ini dapat diikuti oleh semua agama yang ada di negara kita ini, ada banyak, sekurang-kurangnya kita hendak hapuskan semua tidak boleh tetapi kita boleh menyelesaikan sebahagian daripada krisis akhlak dan juga perlakuan jenayah yang makin hari semakin bertambah ini. Inilah harapan saya, sebab itulah saya sangat menitikberatkan pada bila-bila masa juga supaya apa-apa jawatankuasa yang dibentuk oleh pihak yang berkuasa diturut sertakan oleh orang-orang yang faham tentang agama. Bukan agama Islam sahaja tetapi juga agama-agama yang lain.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ustaz Hassan, saya teringat satu ayat yang berbunyi, Bismillahir Rahmanir Rahim [*Membaca sepotong ayat Al Quran*] yang bermaksud, “hendaklah engkau merasa gerun, hendaklah engkau mengambil satu pengiktibaran dan peringatan bahawa kebimbangan itu kalau andainya akan berlaku di belakang kamu nanti satu zuriat yang cukup dhaif sama ada dalam keilmuan pendidikan dan sebagainya”. Saya minta macam mana pandangan Ustaz dalam lembaran dan roh ayat ini dalam kita melihat situasi negara dan remaja kita pada hari ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat memahamkan daripada ayat ini adalah satu peringatan supaya kita bekerja lebih keras walaupun Tuhan memberitahu bahawa dari golongan umat ini satu hari nanti akan timbul ataupun akan berlaku suatu penurunan. Jadi oleh yang demikian itu, ini memperingatkan kita di mana kita tidak boleh membiarkan begitu dan kita bekerja kuat. Kemudian kita serahkan kepada Allah s.w.t. Silakan.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklum balas sedikit kepada apa yang telah disebutkan oleh Ustaz dengan Yang Berhormat Puan Jamilah tadi. Untuk makluman Ustaz, apa yang kita lakukan di peringkat kerajaan kalau ada kursus-kursus khas ataupun kursus-kursus yang UMNO anjurkan sekalipun kita memang didik, kita memang ada jamak takhir, jamak takdim. Kita didik bukan sahaja yang muda malahan yang tua pun kita didik kerana

kita faham dan kita sedar bahawa umat Islam Malaysia ini adalah umat Islam baka. Apabila kita umat Islam baka, kesayangan terhadap agama itu amat tipis sekali. Itulah kita sarankan kepada orang-orang Islam di Malaysia ini supaya membaca Al Quran bersama dengan tafsirannya sekali.

Yang menyedihkan seperti mana yang telah disebutkan oleh sahabat saya tadi Yang Berhormat Dato' Hamzah bahawa lebih baik, saya tahun 1988 lagi saya sudah kata PAS ini patut dibubarkan sebagai parti politik, menjadi pendakwah lebih baik daripada menjadi parti politik. Kerana itu lebih baik akan diterima oleh masyarakat kerana apabila orang-orang PAS ini mentafsirkan ayat Al-Quran kadangkala ayat Al-Quran yang ditafsirkan hanya sekerat, yang mendengar tidak tahu tafsiran tersebut dan dia mempercayai tafsiran yang telah disebutkan oleh Tok Imam-Tok Imam yang menggelarkan mereka Tok Imam ataupun Tok Guru.

Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Ustaz, apakah peranan PAS. Ini Ustaz minta kerajaan melakukan. Saya hendak memberitahu kepada Ustaz, di sekolah agama dalam kawasan saya sendiri ada dua Muslimah PAS yang kita ambil sebagai guru agama yang mendidik anak dalam tadika tersebut beri art block, taruh mangkuk plastik, cat berwarna hijau dan tunjuk, apakah ini, bendera PAS. Adakah itu Islam menyuruh seorang Muslimah PAS mendidik anak yang begitu tidak memahami masalah agama apatah lagi orang dewasa yang seperti saya sebutkan tadi kepada Ustaz bahawa kita semua mesti sedar bahawa kita ini semua adalah Islam baka.

Apabila kita Islam baka, maka sekali lagi saya hendak menyebut di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kesayangan terhadap agama adalah amat tipis sekali. Kadangkala pandangan Ustaz, saya amat gembira di atas pandangan Ustaz di mana Ustaz berkata kita panggillah orang-orang yang beragama lain untuk bersama dengan kita untuk mendidik anak-anak kita atau mendidik masyarakat ini, saya bersetuju. Malahan UMNO sendiri telah pun bergerak, ada rakan-rakan saya daripada UMNO telah pun memasuki kuil-kuil Hindu dan juga dengan izin, temple-temple Tionghua. Tetapi apabila kita masuk, kita pula dicemuh dan dicap oleh puak-puak PAS kerana kita ini masuk ke tempat kafir. Ini masalah *double standard* ini, Ustaz. Saya hendak minta penjelasan daripada Ustaz. Baik, terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak membangkitkan sama ada kerja-kerja itu dibuat oleh UMNO ataupun parti politik yang lain. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa

sesungguhnya kerja-kerja untuk menyatupadukan rakyat ini kita harapkan bukan sahaja dilakukan oleh parti-parti politik. Saya mohon supaya agama-agama yang ada di negara kita juga menunjukkan sikap yang positif bagi melakukan usaha-usaha mewujudkan perpaduan itu dan memperbanyakkan tindakan-tindakan yang bercorak kebaikan antara kaum ataupun antara agama. Mudah-mudahan dengan demikian itu kita akan dapat mendidik dan memperlihatkan kepada anak-anak kita supaya segala tindakan dan perbuatan kita itu akan menjadi contoh dan teladan pada masa yang akan datang.

Saya minta maaf kerana saya tidak berminat untuk mengulas tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, oleh kerana warna hijau, kelmarin ada juga disebut lembu diberi cermin mata hijau. Hari ini ada warna hijau lagi. Saya ingat tidak usah takut sangatlah dengan warna hijau itu, Yang Berhormat.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Yang Berhormat minta maaf, saya bukan takut dengan warna hijau, Yang Berhormat patut takut pada yang berwarna biru, langit biru.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya tidak kisah....

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Saya tidak takut pada warna hijau. Masalah yang saya sebutkan tadi ialah pendidikan kepada anak kecil yang tidak tahu, seperti yang kita semua tahu bahawa anak kecil dilahirkan seperti kain putih. Bila kita pindahkan ustazah ini, yang kena maki sayalah. Itu untuk makluman Ustazlah. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tidak apalah Tuan Yang di-Pertua

Puan Jaya Partiban: Yang Berhormat, minta laluan sedikit.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Ketawa]*

Puan Jaya Partiban: Terima kasih Yang Berhormat. Ini bukan soal tentang Islam tetapi saya ingin mendapat pandangan dari Yang Berhormat mengenai keagamaan yang keterlaluan ataupun ekstremisme, itu yang membimbangkan yang bukan Islam di negara ini pada ketika ini.

Saya ingin membawa ke perhatian Yang Berhormat, satu insiden yang berlaku baru-baru ini bila kami sedang dalam perjalanan dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur dekat kawasan istirehat Tapah. Ada ramai wanita di tandas, ada ramai orang yang berbaris untuk menunggu giliran masuk ke tandas. Apabila seorang wanita Cina keluar dari tandas itu, seorang wanita Islam yang memakai mini

telekung enggan masuk, sebab dia kata bukan Islam keluar dari tandas itu. Saya bimbang kalau sikap seperti ini dibiarkan dan berleluasa kepada hospital, sekolah ataupun di mana-mana, macam mana perpaduan yang kita pupukkan sehingga sekarang? Apa akan terjadi? Ini adalah satu keterlaluan dan pihak PAS yang selalunya menekankan sifat-sifat Islam itu apakah ini bukan satu yang tidak sihat, satu yang menakutkan dan apakah mungkin tindakan yang akan diambil oleh pihak yang mementingkan ataupun menekan agama Islam di negara yang berbilang agama ini untuk meneruskan satu keadaan yang tidak memberi keraguan ataupun menakutkan mereka dari agama-agama lain. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, saya tinggalkan perkara hijau dan saya ingin memberikan penjelasan kepada Yang Berhormat. Saya minta maaf, mata saya tidak berapa jelas. Yang timbul ialah soal ekstrem. Sebenarnya dari segi agama Islam ajaran ekstrem ini tidak ada. Ekstrem ini dicipta oleh Barat. Musuh Islam dari Barat yang cuba meletakkan sebarang apa juga langkah yang dilakukan oleh orang Islam mengadakan organisasi-organisasi dan sebagainya di Barat, mereka selalu katakan kita telah mengambil langkah-langkah ekstrem. Saya rasa itu satu tuduhan yang sangat berat.

Jadi inilah yang perlu kita jelaskan dan kerana itulah saya selalu menyeru supaya pertemuan-pertemuan di antara orang-orang yang beragama ini diadakan misalnya kita tengok di Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz walaupun dia seorang tuan guru, dia buka pertemuan sama ada kepada sami, tok chai Siam dan kepada pemimpin-pemimpin agama Kristian diadakan pertemuan. Dalam pertemuan itu kita bincang, mungkin ada perkara-perkara seperti yang disebut tadi. Kita dalam Islam ini ada kaedah-kaedah apabila kita hendak hukum seseorang dalam bahasa Arabnya, saya terjemah ke bahasa Melayu. *[Membacakan sepotong hadis]* Satu perkara yang jarang, dan sedikit itu, tidak boleh dijadikan asas hukum atau satu penentuan ke atasnya. Itu kita pegang kaedah-kaedah yang sepertinya.

Jadi kalau kita jumpa satu orang, kita tidak boleh hukum PAS itu ekstrem misalnya atau orang itu dalam satu kumpulan orang yang pakai telekung itu ekstrem, maknanya orang yang pakai telekung ini orang PAS pun ada, orang UMNO pun ada, semua orang pakai mini telekung. Orang yang sedar, orang yang tahu tentang hukum hakam Islam itu kita tidak payah, telekung ini pun dia sebenarnya bukan telekung, tutup aurat, itu sahaja. Hendak pakai macam mana pun, pakailah, hendak pakai orang kata berwarna atau tidak berwarna, itu terserah. Yang ada dalam Islam,

menutup aurat, itu sahaja. Jadi tidak bolehlah Yang Berhormat anggap kalau seorang bercakap macam itu, dia menganut fahaman ekstrem. Saya rasa itu belum dapat.....

Dato' Poo Yew Choy: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sila.

Dato' Poo Yew Choy: Tuan Yang di-Pertua, selepas saya mendengar ucapan Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbilang kaum di sini semua sangat seronok dan percaya beliau bukan seorang ekstremis dengan izin tetapi saya hendak tanya sedikit. Pada bulan lepas, di Dewan Undangan Negeri Pahang, ada seorang wakil rakyat daripada parti PAS menyentuh jika parti PAS memerintah kerajaan, ia akan merobohkan semua patung-patung, adakah ini benar. Kita mahu dengar ucapan Yang Berhormat, adakah dengar tentang itu? Susah hendak percaya tetapi bila dengar Yang Berhormat, seronok pula tetapi apabila dengar wakil rakyat daripada parti PAS negeri Pahang, semua tidak rasa seronok khususnya masyarakat keturunan Cina berasa sangat-sangat tidak puas hati. Saya minta penjelasan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini berlaku di Dewan Undangan Negeri Pahang, saya tidak ingat tarikhnya. Ketika seorang wakil MCA berucap dan saya difahamkan wakil ini memang suka macam itulah. Wakil ini yang berucap dan bahawa berkata kalau sekiranya PAS berkuasa, mungkin semua patung-patung akan dirobuhkan oleh PAS, bukan wakil PAS mulakan ucapan ini, tetapi wakil MCA. Jadi wakil PAS ini seorang ulama yang pernah menjadi pendakwa raya di Pahang, Ustaz Idris bin Omar dan pernah menjadi pensyarah UKM, orang lama dan ramai murid-muridnya. Saya sebut namanya, minta maaf.

Dia bangun memberikan penjelasan tetapi masa waktu itu tidak berapa cukup. Dia memberikan penjelasan, memanglah orang Islam tidak boleh menyembah patung, menyimpan patung. Itu pun ada khilaf, ada perselisihan pendapat, itu sahaja. Dia tidak cakap hendak merobuhkan patung-patung, tidak ada kemudian sebelah petang, apabila wakil DAP membangkitkan semula hal itu, beliau telah dapat membuat penjelasan dan telah dibuktikan oleh seorang lagi, Tuan Ibrahim bin Tuan Mat kalau tidak percaya, perhatikan sajalah dua buah kerajaan yang dipimpin oleh PAS di negeri Kelantan dan di negeri Terengganu. Adakah

Kerajaan PAS negeri Kelantan yang sudah memerintah 29 tahun lamanya. Orang sudah lupa 29 tahun, zaman Dato' Asri 18 tahun, zaman Tuan Guru Nik Aziz sudah 11 tahun. Adakah PAS telah merobohkan patung-patung yang ada, saya ingat patung *Buddhist* yang paling besar di Kelantan, kita tidak usik. Kita tidak merobohkan dan tidak kita kacau, begitu juga yang kecil-kecil pun kita tidak merobohkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta kalau dapat dipendekkan, ramai kawan-kawan kita hendak berucap.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Insyaa-Allah, insyaa-Allah, lepas ini saya akan berhentilah. [*Ketawa*]

Tidak ada, insyaa-Allah kita tidak akan robohkan kerana dalam Islam hukumnya mencakupi semua. Saya hendak bagi contoh tentulah yang paling hebat dalam undang-undang ialah waktu perang. Katalah orang Islam berperang dengan musuhnya, larangan yang pertama, orang Islam yang jadi tentera tidak boleh membunuh kanak-kanak. Larangan yang kedua, tidak boleh membunuh orang perempuan. Dalam perang ini, saya ingat undang-undang antarabangsa pun tidak macam itu. Kalau ada pun mereka langgar.

Nombor tiga, tidak boleh membunuh orang-orang tua, tentera-tentera kita kena ajar macam itulah. Nombor empat, tidak boleh membinasakan gereja, kuil dan sebagainya yang sudah ada. Kalau mereka berlindung dalam gereja, dalam kuil, tidak boleh diserang. Itu undang-undang perang dalam Islam.

Saya sebut ini supaya kita sedar demikianlah. Betapa harmonisnya ajaran Islam. Kemudian kita tidak boleh merosakkan tanaman-tanaman yang ditanam oleh musuh-musuh. Katalah kita geram, kita pun penakut, kita tengok ada pisang, kita hancurkan pisang, mereka itu tidak boleh, itulah contoh ajaran Islam.

Sekarang ini sebahagiannya ditiru oleh undang-undang perang antarabangsa dan sebahagiannya ditinggalkan tetapi semuanya dilupakan oleh dunia apabila perang berlaku misalnya perang Iraq. Iraq dilanggar oleh Amerika tanpa menghiraukan kanak-kanak dan orang tua.

Satu lagi hospital, itu juga tidak boleh. Hospital kita tidak boleh dirobuhkan. Kecuali sekiranya kuil, gereja itu atau hospital itu dijadikan tempat perlindungan musuh yang diyakini oleh Panglima Angkatan Tentera yang kemudiannya disahkan oleh Ketua Negara bahawa sesungguhnya kalau kita tidak robohkan hospital itu kita akan dikalahkan oleh musuh luar maka pada waktu itu barulah diperintahkan. Itu

pun mesti mendapat perintah Ketua Negara untuk merobohkan sama ada hospital ataupun yang lain-lain Tetapi dalam keadaan yang aman, kita tidak boleh robohkan sama ada, gereja atau kuil, itulah ajaran Islam.

Itulah sebabnya saya mengajak dengan penuh keinsafan dan kesedaran, kalau kita bincangkan ajaran-ajaran agama ini, saya rasa tidak timbul syak-wasangka di antara kita semua terutama Ahli Dewan ini. Yang kedua, kita bekerja keras untuk memberitahu di luar, insya-Allah, orang akan faham dan kita akan hidup aman dan damai.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: *[Menyampuk]*

Tuan Hassan bin Haji Sukri: Ya?

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Kalau sepuluh macam Yang Berhormat okay.

Tuan Hassan bin Haji Sukri: Insya-Allah, saya akan cuba supaya semua orang faham tetapi kena dengarlah. Kalau tidak mahu dengar dan tidak mahu datang, payahlah.

Jadi, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih. Assalamualaikum.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani.

4.06 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kesepuluh pada 19 Mac 2001.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan yang telah melantik saya untuk menganggotai Dewan yang mulia ini. Kesempatan ini juga saya ambil untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat yang telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada 8 Mei 2001.

Saya turut menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh pelbagai aspek keperluan negara yang kini

berada di ambang Rancangan Malaysia Kelapan dan di bawah Rancangan Jangka Panjang Ketiga.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan sekali lagi kerana telah mewujudkan satu kementerian khas untuk wanita iaitu Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Pengwujudan sebuah kementerian yang khusus seperti ini adalah satu keputusan yang telah lama dinantikan oleh setiap pejuang, setiap pelopor, aktivis dan penggerak wanita yang mahukan satu badan dan kini bukan sahaja satu badan, malah satu kementerian ditubuhkan untuk menangani isu-isu yang melibatkan perjuangan dan kemajuan wanita itu sendiri.

Ini bermakna mulai tahun 2001, kita dihadiahkan dengan satu kementerian dan harapan baru yang akan dapat menyelesaikan soal-soal diskriminasi, soal-soal gender, soal-soal kekeluargaan dan persoalan-persoalan yang menghantui setiap individu wanita di negara ini dari sejak kita mencapai kemerdekaan dan mentadbir negara kita sendiri. Kejayaan pembangunan fizikal, ekonomi, agama, pendidikan dan apa jua bentuk kejayaan yang telah dicapai, tidak mungkin boleh dianggap satu kejayaan penuh bagi sesebuah negara.

La satu kejayaan yang diukur bagi keperluan sesuatu zaman, akan tetapi bila negara kita memasuki alam kematangan dan berubah untuk menghadapi satu cabaran kepada satu cabaran lain agar ukuran kepada kejayaan itu hendaklah mengandungi cara mana kita menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh separuh daripada masyarakat kita iaitu wanita.

Wanita merupakan unit yang sama besar di dalam komponen masyarakat yang juga sama penting dengan kaum lelaki sebagai rakan kongsi untuk membangunkan negara yang kita cintai ini.

Negara kita menghadapi cabaran-cabaran terbaru ketika kita memasuki zaman millenium. Dengan persaingan perdagangan, perlumbaan di dalam ilmu pengetahuan dan teknologi. Malah, setiap unit rakyat kita hendaklah digerakkan sebagai satu tenaga dan kekuatan yang harus bertindak sebagai satu pasukan pengeluaran, pembeli, pengguna, penaja ekonomi dan sebagai rakyat yang total, dengan izin, yang boleh mematahkan apa jua usaha yang cuba memusnahkan masa depan negara kita.

Malaysia kini melangkah setapak lagi dalam melaksanakan Pengisytiharan Beijing untuk melindungi dan membela wanita bagi kepentingan dan kekuatan

negara kita sendiri. Kerajaan telah menjalankan beberapa tindakan untuk menyelesaikan permintaan wanita.

Pada satu ketika dahulu menandatangani surat-surat penting seperti pasport, surat beranak, membuat kad pengenalan, kemasukan ke sekolah dan lain-lain menjadi satu masalah yang amat berat kepada wanita. Bapa tidak sentiasa berada di rumah disebabkan oleh tugas-tugas atas perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu kaum bapa tidak dapat menurunkan tandatangan di atas borang-borang permohonan di bawah jagaan apabila diperlukan dan ini tidak akan dapat menyelesaikan masalah persekolahan ataupun permohonan pasport anak-anak, malah boleh merosakkan kemajuan dan peluang anak-anak yang begitu baik untuk melangsungkan persekolahan di luar negara.

Begitu juga keadaan pada keluarga yang bapanya tidak lagi bersama-sama dengan keluarga asal. Masalah yang serupa akan dihadapi oleh ibu-ibu dan anak-anak ini. Wanita bukan menuntut bahawasanya ibu itu yang terpenting tetapi dalam memudahkan pendaftaran dan keperluan mengesahkan kepentingan anak-anak, maka tandatangan ibu sebagai keperluan yang kedua sudah memadai untuk menyelesaikan masalah ini.

Sebab itu apabila kerajaan dapat menyelesaikan masalah tandatangan kepada pasport dan dokumen-dokumen penting yang pada satu ketika dahulu memerlukan tandatangan kaum bapa sebagai ketua keluarga, yang kini dibolehkan kepada pihak ibu, maka keputusan ini telah mendapat sambutan daripada wanita di seluruh negara oleh kerana keputusan ini dapat meringankan beban kepada ibu-ibu kita.

Saya merayu kepada setiap wanita di negara kita, tidak kira apa fahaman, status, mahupun agama supaya menghantar ucapan tahniah dan terima kasih, syabas kepada kerajaan yang telah membuat keputusan bagi kepentingan wanita bagi membalas budi baik dan keprihatinan kerajaan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan cadangan untuk meletakkan kod amalan gangguan seks di tempat bekerja sebagai yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga di Dewan yang mulia ini pada 8 Mei 2001.

Oleh kerana ia cadangan sebagai satu kod amalan sahaja, mungkin ada yang beranggapan bahawa ini sesuatu perkara yang hanya akan wujud sebagai

garis panduan di pejabat dan jika berlaku gangguan ia boleh dianggap sebagai amalan, sebagai kesalahan yang ringan.

Saya boleh mengandaikan keadaan ini sama seperti ketika kerajaan berkempen kesedaran 'Jangan Merokok'. Amaran 'Jangan Merokok' pada satu ketika dahulu terpampang di dinding-dinding dan di kotak-kotak rokok. Kerap kali dianggap sebagai satu amaran biasa, tidak ramai yang mempedulikan kesan kesihatan kepada perokok, apatah lagi kesan asap yang terdedah kepada mereka yang tidak merokok. Akan tetapi apabila kempen berjalan dan tindakan keras diambil dengan dikenakan denda, maka amaran jangan merokok ini dipatuhi dan dihormati. Begitu berkesannya kempen ini sehingga mereka yang merokok kini tidak sewenang-wenangnya merokok di merata-rata tempat kerana mereka sedar ia boleh mendatangkan risiko kepada kesihatan malah mengganggu, dengan izin, environment, yang akan melibatkan orang lain.

Begitu pula halnya dengan keadaan Kod Amalan Gangguan Seksual, kalau ianya hanya sebagai kod amalan, ada yang beranggapan ini bukan satu perkara yang serius dan tidak mempunyai sebarang implikasi kepada mangsa. Jika kod amalan ini benar-benar hendak dilaksanakan, ia perlulah dijalankan dengan kempen bahawa gangguan seks ini mempunyai kesan yang mendalam kepada mangsa.

Oleh kerana mangsa:-

- (i) akan terganggu fikirannya;
- (ii) menghadapi tekanan jiwa;
- (iii) semangat mereka akan rendah;
- (iv) efisiensi pekerjaan akan menurun;
- (v) kehormatannya akan tercemar;
- (vi) malu, imannya tergugat;
- (vii) takut untuk berhadapan dengan keadaan sekeliling tempat beliau bekerja;
- (viii) hilang daya kepercayaan ke atas diri sendiri ataupun, dengan izin, *loss of self confidence*;
- (ix) hilang daya bertindak ataupun creativity, dengan izin;
- (x) harmoni keluarga akan terjejas;
- (xi) salah faham antara keluarga timbul, si isteri atau anak gadis kadang-kadang tidak mendapat simpati keluarga, malah dituduh curang;

- (xii) bagi mereka yang mendapat pembelaan, ia boleh menimbulkan pergaduhan di antara pihak keluarga dengan pihak yang melakukan perbuatan ini;
- (xiii) akibatnya, keluarga bercerai berai.

Ia bukan satu perkara kecil. Ia adalah satu masalah yang membawa kesan yang begitu mendalam kepada orang menjadi mangsa gangguan seksual.

Kod amalan hendaklah disertakan dengan kesedaran malah mesti ada undang-undang yang boleh membuat seseorang itu tidak berani untuk memulakan tindakan yang berbentuk gangguan seksual di tempat pekerjaan atau di mana-mana tempat sahaja ataupun di mana-mana suasana yang boleh menggalakkan gangguan seksual terhadap wanita mahupun lelaki.

Saya harap sebelum berakhirnya tahun 2001, Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, akan melaksanakan tindakan supaya kod amalan ini dapat dijalankan di semua tempat-tempat kerja di seluruh negara dan disusuli dengan satu undang-undang yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal nasib 5,637 penerokawati dan isteri-isteri peneroka, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yang bersetuju untuk meminda Akta Tanah (Penempatan Berkelompok) 1960 untuk mempertahankan hak penerokawati dan isteri peneroka.

Mengikut akta yang sedia ada, hanya suami dinamakan sebagai pemilik tunggal tanah yang diterokai manakala nama isteri tidak termasuk dalam senarai pemilik. Ketiadaan nama isteri menimbulkan masalah tuntutan hak milik khususnya yang berkaitan dengan harta sepencarian apabila si suami meninggal dunia ataupun ditinggalkan oleh suami.

Selagi akta ini tidak dipinda, ramai wanita yang berhak akan hilang keupayaan ekonomi dari sudut harta sepencarian dan mengganggu kebajikan dan kepentingan wanita sebagai seorang penerokawati mahupun isteri peneroka. Dari itu, saya merayu kepada kementerian ini supaya menyegerakan pindaan kepada Akta Tanah (Penempatan Berkelompok) 1960.

Dalam perkara saraan pencen, sungguhpun Yang Berhormat Haji Ahmad bin Ismail telah menyentuh tentang perihal saraan pencen, sebagai seorang wanita saya rasa terpenggil untuk memperkukuhkan hujah beliau dalam perkara ini. Ini adalah

kerana jika seseorang isteri meninggal dunia, suami boleh menuntut saraan pencen dan boleh berkahwin lagi. Sebaliknya, jika suami meninggal isteri juga boleh menuntut saraan pencen, malangnya saraan pencen tersebut boleh lupus sekiranya balu ini berkahwin lagi.

Tidak boleh dinafikan ramai kalangan balu yang sanggup hidup tanpa mencari pasangan baru selepas suaminya meninggal atau berpisah. Akan tetapi, takdir juga kadangkala memainkan peranan dan mereka menjalani kehidupan baru dan mendirikan rumah tangga. Bagi mereka yang bernasib baik, mereka menjalankan kehidupan seperti sedia kala, bagi mereka yang tidak bernasib baik, takdir juga boleh menukar nasib mereka dan perkongsian keluarga yang berikutnya gagal. Kegagalan untuk menjalankan perkongsian hidup berikutnya boleh datang dengan pelbagai bentuk sama ada suami sakit, hilang mata pencarian, meninggal dunia ataupun ditinggalkan.

Ini adalah satu keadaan baru di dalam kehidupan wanita yang terlibat dan harus difikirkan dan diberi pertimbangan. Sudahlah mereka tidak boleh melanjutkan pencen kerana berkahwin, diperkusutkan lagi dengan masalah kehilangan suami yang mungkin daripada perkongsian baru ini meningkat pula zuriat dan menambah lagi tanggungan, kalau suami yang baru ini meninggalkan kesenangan mungkin tidaklah mendatangkan masalah, tetapi jika tidak nasib akan lebih malang lagi dengan kehidupan yang tidak dapat berpegang kepada sebarang bantuan.

Di dalam mengharungi kehidupan, nasib kerap kali kurang menyebelahi wanita. Wanitalah selalunya menanggung penderitaan di dalam hidup, menderita untuk mencari perlindungan, menderita untuk menyara kehidupan diri sendiri, mahupun di atas anak-anak yang menjadi tanggungan, apabila se suatu mala petaka menimpa ketua keluarga atau disebabkan perpisahan dengan suami.

Wanita tidak mempersoalkan saraan pencen yang diterima oleh kaum bapa ataupun duda yang tetap menerima pencen sehingga akhir hayat mereka walaupun meneruskan penghidupan mereka menerusi perkongsian keluarga yang baru akan tetap diberikan hak yang sama kepada wanita supaya mereka juga dapat melalui kehidupan yang normal dan menerima saraan pencen yang serupa walaupun mereka melanjutkan perkongsian hidup dengan keluarga yang baru.

Ini bukanlah satu masalah moral, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu hari ini wanita diberikan peluang untuk meningkatkan kemajuan diri mereka melalui pendidikan dan kemahiran dan diperjuangkan untuk menduduki jawatan-jawatan

yang boleh menyarai kehidupan mereka dan seterusnya meningkatkan martabat wanita di dalam kedudukan-kedudukan yang boleh membuat keputusan supaya mereka boleh berdikari dan tidak menyerah kepada takdir semata-mata.

Saya mencadangkan supaya kementerian yang berkenaan memberi perhatian di dalam hal ini guna untuk membantu kebajikan balu-balu menghadapi kehidupan mereka dalam apa jua keadaan sekali pun.

Tuan Yang di-Pertua, soal imigresen, mungkin ini merupakan satu perkara yang sensitif. Bagi kebanyakan pihak apabila saya menyebut soal imigresen yang ada hubung kaitnya dengan wanita yang secara kebetulan oleh kerana jodoh dan pertemuan mereka berkahwin dengan orang asing. Ada yang berkahwin di dalam negeri, ada pula yang berkahwin ketika mereka berada di luar negeri. Ini berlaku bukan sahaja kepada wanita Islam, malah kepada wanita yang bukan Islam. Kita mesti menerima hakikatnya bahawa hidup, mati, rezeki, jodoh pertemuan adalah di tangan Tuhan. Apabila kita sebut di tangan Tuhan bermakna kita sebagai manusia bukan penyebab bagi sesuatu itu berlaku. Kita hanya boleh merancang.

Saya mengambil contoh kepada sebuah keluarga yang mempunyai dua anak remaja, seorang lelaki dan seorang perempuan, dengan izin, secara hypothetical. Misalnya, di dalam cerita ini mereka menuntut di Australia. Secara kebetulan mereka bertemu jodoh di Australia. Apabila mereka pulang ke tanah air, pada kebiasaannya anak lelaki mudah mendapatkan status permanent resident bagi isterinya. Manakala anak perempuan pula sukar mendapatkan status yang sama untuk suaminya. Bukanlah tujuan wanita menuduh diskriminasi berlaku di dalam hal ini. Akan tetapi, sebagai manusia bayangkan sahajalah masalah suami yang berasal daripada luar negara yang kebanyakan mereka juga sebagai ketua rumah, kerap kali runsing apabila berhadapan dengan tempoh pembaharuan untuk tinggal di negara kita. Tanda tanya kerap kali timbul kepada anak-anak yang melihat keluarga mereka hidup seolah-olah di dalam keadaan tertekan dengan keadaan kkuatir dan gelisah apabila persoalan pas untuk tinggal di negara kita ini dibangkitkan.

Saya membangkitkan perkara ini bukan kerana untuk menggalakkan rakyat Malaysia berkahwin dengan orang luar, tetapi adalah bertujuan untuk meningkatkan keharmonian keluarga di bawah amalan masyarakat penyayang. Marilah kita hadapi perkara seumpama ini dengan semangat keharmonian dicari jalan untuk membantu dengan perasaan yang tenang tanpa membangkitkan perasaan risau dan diselesaikan dalam suasana kekeluargaan. Berilah keizinan melalui pas tanggungan

ataupun pemastautin tetap (permenant resident) mengikut sesuatu merit berasaskan kepada landasan yang munasabah dengan memberi kelonggaran di atas perikemanusiaan.

Seandainya dia dilihat sebagai satu peluang kepada mana-mana pihak hendak mengambil kesempatan, kerajaan masih mempunyai kuasa untuk menarik balik kelulusan yang diberi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, peluang ini kalau dibuka, kaum bapa ramai lari menikah di tempat lain. Kena fikirkan juga kaum wanita kita dalam negeri.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih atas ingatan Yang Berhormat. Tetapi seperti mana yang kita tahu perkara ini bukankah orang kata 'bertepuk satu tangan tak akan berbunyi'. Kita memerlukan dua tangan, insya-Allah, ini tidak akan disalahgunakan oleh kaum bapa, saya berkeyakinan.

Surah 33 ayat 35 yang bermaksud, "Sesungguhnya, lelaki dan perempuan yang muslimin, lelaki dan perempuan yang mukmin, lelaki dan perempuan yang taat, lelaki dan perempuan yang sabar, lelaki dan perempuan yang khusyuk, lelaki dan perempuan yang bersedekah, lelaki dan perempuan yang berpuasa, lelaki dan perempuan yang memelihara kehormatannya, lelaki dan perempuan yang banyak menyebut nama Allah, Allah telah menghadiahkan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar". Ternyata melalui surah ini Allah tidak membeza-bezakan hak lelaki mahupun hak perempuan. Saya merayu kepada Kementerian Dalam Negeri supaya membantu menyelesaikan isu ini yang kerap kali ditimbulkan oleh badan-badan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang seharusnya diberikan perhatian khusus ialah penyediaan satu tempat yang boleh dipanggil sebagai pusat jagaan kanak-kanak. Masalah utama yang dihadapi oleh ibu-ibu yang mana yang sama-sama bekerja khususnya bagi mereka yang mempunyai anak-anak kecil ialah penjagaan kanak-kanak. Masalah ini berlaku di se-luruh negara. Bagi mereka yang mempunyai kelebihan sedikit, mereka mampu menggajikan pembantu rumah. Di samping menjaga rumah, mereka juga diberi tanggungjawab untuk menjaga kanak-kanak. Akan tetapi, cara begini juga mempunyai batasan disebabkan ada juga laporan mengenai kes-kes di mana anak-anak dilarikan, pembunuhan dan penderaan kanak-kanak berlaku.

Ada yang menghantar anak-anak mereka ke rumah ibu bapa untuk menjaga anak-anak ketika mereka bekerja. Akan tetapi, ini bagi keadaan di mana suami-isteri berada di dalam satu daerah dengan tempat ibu bapa atau kakak berada. Tidak kurang pula yang meletakkan anak-anak mereka di tempat jiran-jiran ataupun saudara-mara. Ada yang mewujudkan kumpulan dengan menganjurkan satu tempat di mana anak-anak boleh dihantar untuk menjaga sewaktu bekerja. Pendek kata, berbagai-bagai pendekatan telah dijalankan untuk mengurangkan masalah penjagaan anak-anak sewaktu ibu-ibu mereka bekerja.

Perkara yang paling mudah di mana terdapat ramai kalangan wanita bekerja, bagi mereka yang mempunyai anak-anak kecil ialah dengan menyediakan satu tempat di mana anak-anak mereka dikumpul dan dijaga pada waktu mereka bekerja. Ruang ini bolehlah disediakan di bangunan yang sama, baik kepada jabatan-jabatan kerajaan mahupun di badan-badan swasta. Terserahlah kepada budibicara tiap-tiap jabatan, agensi mahupun pihak swasta bagaimana hendak mengendalikan pusat-pusat tersebut sama ada dengan mengenakan bayaran yang minimum ataupun menggajikan petugas khas mahupun mengikut apa cara yang praktikal bagi membantu masalah ibu-ibu dari segi penjagaan kanak-kanak ini.

Ia juga boleh dijalankan secara perkongsian di antara pejabat, asalkan ada satu pusat yang boleh dianjurkan sebagai pusat penjagaan kanak-kanak. Amalan serupa ini pernah dilakukan di estet-estet di mana ibu-ibu menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat penjagaan kanak-kanak dan apabila pulang akan singgah untuk membawa anak-anak masing-masing. Dengan cara ini, ibu-ibu yang bekerja boleh memberi perhatian sepenuhnya kepada kerja-kerja harian yang dihadapi dengan fikiran yang tenang. Arahan di dalam hal ini sudah pun dibuat, akan tetapi peringkat pelaksanaannya amatlah mengecewakan. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab dalam hal ini hendaklah mengambil langkah yang lebih positif supaya arahan ini tidak diperkecil-kecilkan oleh mana-mana pihak. Malah saya mencadangkan supaya satu kesedaran baru ditimbulkan untuk memberi tumpuan khas supaya arahan ini dijalankan dengan secara meluas.

Tuan Yang di-Pertua, wanita kini boleh berbangga kerana masalah mereka kian hari mendapat perhatian kerajaan sehingga ada yang menikmati kemudahan-kemudahan pinjaman kewangan daripada berbagai-bagai institusi kewangan, sehingga Amanah Ikhtiar Malaysia ditubuhkan mengikut cara Geramin Bank di Bangladesh, barulah kita ketahui bahawa wanita merupakan peminjam yang

berwibawa. Daripada jumlah 95% wanita yang meminjam, lebih daripada 92% yang membayar balik. Ini bermakna peminjam wanita adalah berkaliber. Sebelum ini wanita dianggap tidak mempunyai keupayaan dan tidak berdaya membayar balik pinjaman yang dibuat dengan bank ataupun institusi kewangan. Hanya setelah melihat kepada kemampuan wanita membayar balik pinjaman, maka institusi-institusi kewangan barulah berani memberi peluang kepada kaum wanita untuk membuat pinjaman secara langsung. Ini adalah satu perkembangan yang amat menggalakkan, lebih-lebih lagi dalam bidang industri kecil dan sederhana di mana ramai kaum wanita yang terlibat.

Saya merayu kepada institusi kewangan supaya bersikap lebih, dengan izin, *women family* untuk memberikan pinjaman modal dan khidmat nasihat kepada mereka yang dijangka akan menjadi penyokong utama untuk menjana ekonomi negara di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan syabas kepada pihak-pihak bank yang memberi kerjasama dengan membuka kaunter khas untuk perkhidmatan kepada pelanggan wanita. Kementerian-kementerian mahupun agensi-agensi kerajaan juga telah menyediakan peruntukan-peruntukan khas untuk membangun dan memajukan wanita di dalam usaha untuk mengukur pencapaian sesuatu program yang dijalankan oleh mana-mana pihak, saya sarankan supaya apa juga program dan peruntukan yang disediakan hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga supaya mereka tahu tahap perjalanan dan pencapaian sesuatu program yang dijalankan di mana-mana badan bagi kepentingan wanita.

Jika tidak dibuat pemantauan, ada kemungkinan program-program ini tidak berjalan dan peruntukan tidak dipakai sementara peluang untuk melibatkan wanita di dalam program yang disediakan tidak dapat dilaksanakan mengikut dasar yang disediakan.

Saya yakin Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga memerlukan maklum balas dengan tujuan untuk memantau supaya program-program yang dibuat mestilah tepat dan menuju sasaran yang diharapkan.

Satu perkara lagi yang harus diberi tumpuan ialah saya menyarankan supaya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga mewujudkan Data Bank untuk wanita. Hanya dengan mempunyai maklumat terperinci seperti berapa ramai wanita dalam bidang-bidang tertentu seperti berapa ramai wanita dalam politik,

berapa ramai wanita dalam pertanian, ternakan, sebagai pekerja buruh, sebagai pekerja profesional, tahap pendidikan mereka, berapa ramai lagi di antara wanita yang masih buta huruf yang di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, universiti ataupun mempunyai kepakaran. Jumlah wanita profesional berapa ramai yang sudah menjadi doktor, *engineer*, *consultant*, arkitek dan lain-lain. Jumlah wanita dalam perniagaan, berapa ramai wanita sebagai tuan punya syarikat ataupun hanya sebagai *nominee* atau dengan izin, pemegang-pemegang saham - *share holder*, jumlah ibu-ibu tunggal, balu, wanita-wanita remaja, wanita tua, jumlah wanita dalam golongan miskin dan termiskin.

Data-data ini penting supaya pihak kementerian boleh membuat langkah-langkah yang tepat kepada sasaran dan mengatur strategi supaya harapan kerajaan untuk mempertingkatkan keupayaan wanita dalam semua bidang dapat tercapai dengan kadar yang lebih segera.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mewujudkan satu majlis yang dianggotai oleh semua ahli yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Ustaz Hassan tadi, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini dan saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga yang telah memulakan usaha ini dengan menjemput semua Ahli Yang Berhormat wanita tidak kira sama ada datang daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang. Niat dan tujuan beliau ialah untuk menyatukan fikiran wanita-wanita dalam semua bidang, mungkin kita berbeza pendapat daripada sudut politik tetapi dalam hal-hal perjuangan, hak-hak wanita seharusnya kita bersatu. Jadi, majlis ini telah pun dimulakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, TuanKu telah bertitah mengenai dengan keadaan keselamatan negara supaya kita berada di dalam keadaan aman dan stabil. Rakyat Sabah amat bersyukur kerana kerajaan telah menempatkan anggota keselamatan daripada angkatan tentera dan polis untuk menjaga keselamatan di Sabah. Kawasan Sabah yang terletak sejauh 1,000 batu daripada tanah Semenanjung dan berada di antara Laut China Selatan di sebelah Barat dan Laut Sulu dan Sulawesi di sebelah Timur dengan kawasan tanah seluas 29,088 batu persegi ataupun 74,500 kilometer persegi mempunyai kawasan pantai sepanjang 900 batu ataupun 1,440 kilometer.

Sabah berjiran dengan Filipina, Indonesia dan Brunei. Kawasan pantai yang begitu panjang dan geografi yang luas amat sukar dijaga oleh kerana Selatan Filipina

melalui sejarah pergolakan, pertumpahan darah dari zaman Kolonial Sepanyol sehingga kekacauan politik daripada golongan pemisah Moro yang menuntut autonomi, sementara Indonesia daripada semenjak sebelum zaman berkuasanya PKI juga menghadapi pergolakan tersendiri.

Akibat daripada tekanan ekonomi dan keselamatan jiwa Sabah menjadi tumpuan kebanjiran pendatang Filipina dan Indonesia. Pergolakan di Selatan Filipina mewujudkan kehadiran lebih daripada 45,000 pelarian politik semenjak tahun 70an dan telah diletakkan di bawah penguasaan Bangsa-Bangsa Bersatu atau UNHCR. Tiga faktor utama yang menjadi penggalak kepada kehadiran pendatang di Sabah:

- (i) faktor penolak;
- (ii) faktor penarik; dan
- (iii) faktor saluran.

Faktor penolak daripada keadaan politik yang tidak stabil, peluang ekonomi yang terhad di tempat asal, kemiskinan dan pengangguran yang menjadikan seseorang itu berhijrah ke tempat lain.

Faktor penarik ialah hubungan dengan tarikan di negara penerima seperti peluang ekonomi dan kestabilan politik.

Faktor saluran yang terbit daripada mudahnya untuk migrasi daripada satu tempat ke satu tempat lain tanpa adanya sekatan yang sukar dilalui.

Sabah menjadi tumpuan disebabkan lokasi geografi yang berdekatan, ekonomi yang banyak, kestabilan politik serta hubungan perdagangan tradisi, tukaran barang dengan izin, *barter trade* semenjak tahun 1700 lagi. Sabah juga menjadi tumpuan disebabkan pembukaan ladang-ladang sebelum Perang Dunia Kedua dan pertumbuhan industri kayu balak secara meluas selepas merdeka.

Sabah berkongsi batasan dengan kedua-dua negara Filipina dan Indonesia yang mempunyai penduduk yang begitu ramai. Faktor kebudayaan dan bangsa yang sama juga menjadi penyumbang dalam memudahkan perhubungan antara perdagangan tempatan dengan pedagang pendatang. Pendatang dikategorikan kepada tiga peringkat:

- (i) *refugee* dengan izin, pelarian kerana peperangan di Selatan Filipina;
- (ii) buruh asing, mereka diberikan keizinan untuk bekerja dalam beberapa kategori pekerjaan;

- (iii) pendatang tanpa izin, mereka yang mencerooboh masuk tanpa surat perjalanan rasmi.

Apabila ketiga-tiga kategori pendatang ini berada di Sabah dengan begitu ramai dan terlalu lama, maka ia mempunyai impak yang paling besar terhadap rakyat Sabah di dalam hubungan sosial, perniagaan, kesihatan, pendidikan dan yang penting sekali didalam soal keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kehadiran buruh asing telah banyak membantu untuk menjana kejayaan ekonomi yang berteraskan pertanian dan pembinaan akan tetapi jumlahnya mestilah pada paras untuk memenuhi permintaan bilangan yang perlu hadir bagi menjayakan program perladangan. Sebagai menampung kegagalan anak-anak tempatan yang tidak berminat bekerja di ladang ataupun kategori yang diperlukan di bawah perancangan tenaga sumber manusia. Sekiranya jumlahnya terlalu ramai, maka amat sukar bagi sesebuah masyarakat memikul beban kehadiran mereka kerana ia mendatangkan impak kepada keselamatan, ekonomi, kesihatan, persekolahan dan mereka akan bersaing dengan anak-anak tempatan. Mereka akan berjaya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam persaingan ini disebabkan mereka rajin, sanggup menerima upah yang murah dan dengan izin, disebabkan *survival instinct* yang ada pada mereka. Di sebabkan upah untuk mengambil tenaga pekerja pendatang rendah, majikan akan mengambil kesempatan, walaupun ada undang-undang untuk membanteras kegiatan mereka.

Sektor-sektor perkhidmatan, perniagaan kecil-kecilan, penjaja, menjadi pemandu bas, pemandu teksi atau lori dan juga kerja-kerja pembinaan, pertukangan dan renovasi, kini didominasi oleh mereka. Bagi jangka masa pendek, ia akan menguntungkan majikan, akan tetapi bagi jangka masa yang paling panjang, ia akan memudaratkan semua pihak yang hidup di bawah satu sistem sosial yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berani membentangkan statistik atau jumlah kehadiran mereka disebabkan kerap kali angka-angka ini bercanggah dan tidak tepat. Akan tetapi memadailah kalau diperkatakan bahawa dari sudut keselamatan dalam hal jenayah seperti rompakan, pembunuhan, penyeludupan, pergaduhan serta mengedarakan dadah khususnya syabu, jumlah 51% daripada keseluruhan jenayah berbentuk keganasan melibatkan pendatang asing, khususnya pendatang tanpa izin.

Dalam tahun 1997, menurut kenyataan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman, Sabah merupakan negeri yang tercatat kes pembunuhan yang paling tinggi berbanding negeri-negeri lain, melalui *Borneo Mail*, 28 September 1997.

Manakala dari jumlah banduan yang terdapat di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau, daripada jumlah 2245 banduan, 1,298 terdiri daripada pendatang asing merupakan sebanyak 55%. Begitu juga di dalam soal setingan yang mempunyai statistiknya tersendiri.

Kalau di semak di bandar-bandar utama di Sabah melalui Majlis Perbandaran dan daerah, mereka menghadapi masalah yang besar untuk menyelesaikan persoalan setingan yang terbit daripada pendatang-pendatang tanpa izin ini. Kalau hari ini kita roboh, Tuan Yang di-Pertua, biasanya 24 jam, mereka boleh mendirikan rumah baru, yang lebih besar daripada yang diroboh.

Masalah keselamatan menjadi rumit kerana kini bukan lagi soal pencerobohan yang berbangkit malah insiden tebusan di pulau Sipadan

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk, agak boleh pendekkan sikit?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Ya, dekat habis sudah, Tuan Yang di-Pertua.

.... yang dilakukan oleh kumpulan Abu Sayyaf pada bulan April 2000 juga telah mengambil tempat utama di dalam berita dunia dan diikuti dengan insiden-insiden tebusan yang terbaharu. Insiden ini menjejaskan industri pelancongan Malaysia. Sungguhpun Pulau Sipadan menjadi terkenal disebabkan tebusan tetapi ia boleh menutup pintu rezeki para pelabur yang mendirikan kemudahan di pulau tersebut dan sekaligus mengancam industri pelancongan kepada beberapa pulau yang terdekat di sekeliling kawasan Semporna dan Tawau. Akibatnya industri pelancongan di Sabah terjejas oleh kerana pelancongan bimbang di atas keselamatan mereka ketika mereka melawat negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan juga terancam disebabkan pengeboman ikan yang berleluasa. Perbuatan ini bukan sahaja merampas ekonomi marin negara dengan ikan-ikan termusnah sebelum sempat membesar untuk dijadikan hasil tangkapan akan tetapi keindahan samudera dari pertumbuhan batu karang juga turut musnah. Batu karang mengambil masa selama 20 tahun untuk tumbuh.

Tuan Yang di-Pertua, memang sukar untuk menjaga lebih kurang 200 pulau di persiaran Sabah kerana penyeliaan ke keselamatan terbahagi kepada beberapa lapisan, dengan izin, *change of command*, yang bergerak daripada tempat keadaan

ataupun kejadian kepada pusat pelaburan tempatan kemudiannya kepada daerah seterusnya kepada negeri dan barulah diketengahkan ke pusat.

Tentera dengan disiplin dan pergerakan mereka termasuklah angkatan laut dan udara, manakala polis dengan marin darat dan udara, saya rasa masanya telah sampai supaya penjagaan perairan kita diberi perhatian yang lebih khusus untuk melaksanakan tugas-tugas yang berasing dengan keputusan yang dibuat oleh tentera dan polis, khususnya hendaklah diberi kepada:

- (i) membasmi penceroboh daripada nelayan asing;
- (ii) memberi perlindungan kepada nelayan;
- (iii) memberi perlindungan kepada pelancong;
- (iv) menghalang kemasukan pendatang tanpa izin;
- (v) menangkap pengebom-pengebom ikan;
- (vi) membantu kerja-kerja menyelamat dan mencari.

Saya mencadangkan supaya sebuah pasukan *Coast Guard* ditubuhkan untuk mengawal perairan kita, selain daripada tugas yang dijalankan oleh marin dan pasukan angkatan laut kita. Pasukan *Coast Guard* amat sesuai kerana ia juga terpaksa menjaga pulau-pulau di Terumbu Layang-Layang. Pasukan ini juga harus boleh bertindak dengan kuasa tersendiri dengan mengambil keputusan secara langsung bagi menjaga kepentingan dan kedaulatan negara.

Sabah kini memberi pandangan supaya taraf pelarian hendaklah diberikan taraf baru oleh sebab *refugee*, dengan izin, ini telah berada di Sabah lebih daripada 30 tahun. Malaysia mempunyai pengalaman untuk mengendalikan masalah pelarian malah telah menjadi pelopor untuk menyelesaikan masalah pelarian Vietnam selepas peperangan Vietnam dengan membawa Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyelesaikan perkara ini secara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah juga berpandangan bahawa soal pengebom ikan ini hendaklah diambil tindakan yang serius. Mereka yang mendalangi kegiatan penangkapan ikan menggunakan bahan letupan di negara ini perlulah diambil tindakan yang lebih keras dan jika perlu sehingga ke peringkat dibuang daerah. Oleh kerana kes-kes seumpama ini bertambah di mana tahun 1999 sahaja jumlah kes telah meningkat kepada 99 kes. Sekiranya tindakan yang keras tidak dijalankan maka masa depan industri perikanan dan pelancongan samudera akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong rancangan kerajaan untuk mengendalikan masalah pendatang dengan cara yang lebih *efisien*, dan kita sedar

ini bukanlah satu perkara yang mudah, malah ia satu perkara yang amat sensitif, disebabkan hubungan di antara kerajaan dan lebih-lebih lagi hubungan antara keluarga yang terdapat di kedua-dua negara jiran yang mempunyai pertalian darah, bahasa dan bangsa. Akan tetapi usaha hendaklah diteruskan supaya jumlah pendatang dapat dikurangkan dan kehadiran mereka tidak sampai ke paras membimbangkan di sisi keselamatan negeri Sabah dan keselamatan negara Malaysia.

Sekian, saya mohon menyokong Titah Ucapan Ke bawah Duli Tuanku.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainuddin.

4.54 ptg.

Dato' Hamzah bin Zainuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan saya peluang membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada beberapa minggu yang lepas.

Sebelum saya memanjangkan ucapan saya ini, saya hendak beritahu satu cerita, petang ini sudah pukul 5.00, Tuan Yang di-Pertua, biarlah semua dengar cerita, mungkin dapat memberikan semangat rakan-rakan saya yang ada yang tunggu lama daripada pagi tadi.

Cerita ini cerita dua orang Melayu yang satu ketika dahulu yang ditangkap kerana menipu. Cerita ini cerita benar – dua orang Melayu, seorang tunggu di Lapangan Terbang Subang, seorang lagi datang daripada Pulau Pinang, dan yang menunggu di Lapangan Terbang Subang ini bersama dengan seorang bukan Melayu, yang akan ditipu oleh dua orang Melayu tadi. Maka apabila sampai seorang daripada Pulau Pinang tadi, dengan memakai jubah yang berwarna putih maka, apabila sampai di Subang seorang Melayu tadi yang ada di Subang dengan kawan bukan Melayu tadi mengucapkan salam kepada rakan yang datang daripada Pulau Pinang.

Dia mengucapkan "Assalammualaikum Al-Syeikh". Al-Syeikh pun jawab, "Waalaiikumussalam" yang daripada Pulau Pinang. Kemudian kawan yang ada di Subang tadi berhadapan dengan seorang Cina, membaca ayat Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "Qulhu wallahuahad". Kawan yang datang daripada Pulau Pinang menjawab, "Allahussamad". Yang seorang lagi jawab

Tuan M. Ratnam: [*Menyampuk*]

Dato' Hamzah bin Zainudin: Nanti dahulu, nanti. Maksud cerita ini kemudian. Ini biar cerita dahulu. Jadi, dua orang ini baca "Qul-Huwallah" daripada mula sehingga akhir. Yang seorang baca "Qul-Huwallah", dia sambung-sambung, kemudian sambunglah dengan ayat-ayat lain yang mereka faham. Kemudian, kawan yang bukan Melayu ini yang tidak faham tentang ayat Al-Quran tadi merasakan tertarik dengan mereka yang pandai berbahasa Arab dan dia bertanyakan kawan dia, siapa kawan kita tadi? Dia jawab beliau datang daripada negeri Arab dan dia mempunyai duit yang banyak, maka orang inilah yang akan menjadi kawan perniagaan kita.

Cerita yang sebenarnya yang saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan yang ada dalam Dewan ini, apabila seorang membaca ayat Al-Quran tanpa difahami oleh orang-orang yang lain, maka orang yang mendengarnya dengan bunyi yang sedap, dengan cara yang baik, dengan tajwid yang baik, akan menarik minat rakan-rakan bahawa orang ini pandai beragama, pandai mempunyai bahasa-bahasa Arab yang baik. Akhirnya, tertipulah rakan bukan Melayu tadi bahawa menganggapkan seorang yang datang daripada Pulau Pinang, pakai jubah dan pandai bahasa Arab tadi sudah tentu peniaga daripada Arab yang kaya-raya dan akhirnya kedua-dua orang Melayu tadi kena tangkap apabila orang tahu bahawa sebenarnya mereka berdua ini adalah orang Melayu daripada negara kita yang cuba menipu seorang yang bangsa Cina tadi.

Saya hendak memendekkan cerita kerana sudah pukul 5.00 petang. Yang saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan yang ada di sini, kalau kita tidak faham tentang agama dan ada orang yang bangun berpidato, berceramah dengan menggunakan ayat-ayat agama yang begitu baik sekali, menyebabkan rakyat jelata nanti terpesong. Menyebabkan rakyat jelata merasakan seolah-olah mereka inilah guru agama yang seharusnya kita mengikut. Hari ini bila kita lihat seluruh pebsok negara sudah ada ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh parti-parti pembangkang. Orang-orang yang berceramah duduk berhadapan dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran. Kadangkala tajwidnya tidak betul, kadangkala bunyinya yang tidak betul.

Itu kepada mereka yang faham, mereka tahu bahawa itu tidak betul. Tetapi, rakyat jelata yang tidak tahu, bahawa tidak tahu akan bunyi, tidak tahu akan maksudnya, maka apabila dia dengar, apabila dia cerita, bahawa itulah sebabnya "saya minta rakyat jelata mengikut kami kerana saudara-saudara tidak tahu, maka

saya ingin mengajarnya". Jadi, *the morale of the story*, cerita yang sebenarnya saya hendak beritahu bahawa dalam musim kita menyatupadukan rakyat jelata yang ada hari ini, kita mahu kalau boleh kerajaan yang dipelopori oleh Barisan Nasional, kita minta Jabatan Perdana Menteri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri membuat kajian supaya mereka yang mahu berpidato, yang mahu menganjurkan ceramah-ceramah supaya mereka ini benar-benar bertauliah.

Kita tidak mahu ayat-ayat Al-Quran digunakan dengan sewenang-wenangnya. Kita tidak mahu rakyat jelata terpesong dengan kata-kata, dengan bahasa yang begitu cantik kerana saya lihat hari ini, pemimpin-pemimpin daripada parti pembangkang akhir-akhir ini, baru-baru ini sebagai satu contoh tidak menggunakan ayat Al-Quran, tetapi mengatakan kepada rakyat jelata, kepada ahli-ahli mereka bahawa kita mahu supaya orang-orang PAS tidak lagi memulau orang-orang UMNO, sebagai contohnya. Ini satu perkara yang baik selepas menceritakan tentang agama, akhirnya minta kepada Ahli-ahli PAS supaya tidak lagi memulau ahli-ahli daripada parti UMNO.

Tetapi, dua tiga hari selepas itu, kita semua tahu, rakyat jelata semua tahu bahawa pemimpin ini juga yang mengatakan, yang sebenarnya itu adalah perangkap beliau terhadap ahli-ahli UMNO. Cuba kita lihat bila seorang yang kita panggil Tok Guru menggunakan ayat-ayat Al-Quran dengan menggunakan pelbagai hujah untuk mengajar tentang agama, akhirnya beliau sendiri yang mengatakan bahawa apa yang diajarkan itu adalah hanya semata-mata sebagai perangkap.

Saya mahu kalau bolehlah, tadi saya mahu tegaskan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kalau boleh mengkaji semula perkara ini, kalau boleh mengikuti bahawa segala ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh parti-parti pembangkang ini, biarlah mereka yang benar-benar tahu tentang agama Islam, yang benar-benar tahu tentang ajaran Islam, yang benar-benar boleh menggunakan ayat-ayat Al-Quran. Yang lainnya, tidak payah menggunakan ayat Al-Quran, yang lainnya kalau hendak cerita pasal politik, ceritalah pasal politik masing-masing, ideologi masing-masing tanpa menggunakan ayat-ayat Al-Quran yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini, apabila Dewan hari ini berbicara tentang Titah Ucapan ini, semua yang ada hari ini mahu berceritakan tentang perpaduan di kalangan kita. Tetapi, sesama kita di dalam Dewan ini juga telah ada rasa syak wasangka di antara kita. Apa yang saya maksudkan sebegini rupa, ada salah seorang daripada parti pembangkang yang mengatakan bahawa biarlah parti yang

dianggotai oleh Barisan Nasional ini mengikut seperti Barisan Alternatif yang ada. Mereka mengatakan satu persatu parti PAS menggunakan Addin, *the way of life*, parti KeADILan mengikut semata-mata *justice* untuk keadilan rakyat jelata, DAP untuk mengikut sistem demokrasi dan parti PGRM untuk rakyat jelata.

Cuma saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa kalau kita katakan *the way of life*, Addin yang dimaksudkan hari ini, apakah penipuannya sebegitu rupa oleh pemimpin parti yang ingin memerangkap kita dikatakan Addin? Pernahkah pemimpin yang dianjurkan oleh parti UMNO pernah mengatakan kepada seluruh dunia ataupun rakyat kita semata-mata bahawa kita mengajar untuk menipu, kita mengajar untuk memerangkap sesiapa. Kita merasuk sesiapa untuk menjadi orang yang akhirnya nanti merasa bahawa Islam itu menjadi satu perkara yang menakutkan semata-mata. Sebab itulah, saya hendak cerita tentang parti PAS sebagai satu contoh. Ada yang kata, kalau boleh ikut Barisan Alternatif kerana tidak ada perkauman, ada yang kata.

Yang Berhormat kakak saya, Jamilah binti Ibrahim berkata hari itu, kalau boleh ikut parti Barisan Alternatif kerana tidak mengikut kaum tetapi, hari ini Ustaz Hassan sendiri berkata, kalau ada majlis wanita, panggillah supaya kaum-kaum ini ada orang yang boleh menjadi wakilnya, kaum Cina, kaum India, kaum Melayu. Bukankah itu merupakan sistem yang diamalkan oleh Barisan Nasional? Barisan yang selama ini menganjurkan supaya badan-badan yang ada, parti-parti yang ada dalam Barisan Nasional ini diwakili oleh mereka daripada Cina, MCA, daripada MIC, India, daripada parti-parti yang bergabung di antara bangsa-bangsa yang ada dalam negara kita ini, Parti Gerakan dan bermacam-macam parti lagi.

Sebab itulah, memang sebenarnya, Ustaz, bahawa sistem yang diamalkan oleh Barisan Nasional adalah sistem yang memang daripada dahulu lagi mengingati kepada keseluruhan rakyat, tahu akan cara untuk mengembalikan semangat rakyat untuk bersatu di bawah satu badan kerajaan yang dipimpin oleh UMNO selama ini.

Saya hendak cerita tentang kuasa tadi, Ustaz. Yang Berhormat Jamilah ada mengatakan tentang kuasa. Mereka hari ini buat apa sahaja supaya suatu hari nanti mereka akan menerima kuasa yang ada. Apabila kuasa yang ada di tangan mereka, barulah mereka akan membuat sebagaimana yang seharusnya dibuat, yang dijalankan oleh parti mereka. Saya hendak beritahu, inilah yang menakutkan rakyat jelata. Kita hari ini berkempen semata-mata untuk mendapatkan kuasa dengan

berlapikkan agama Islam, dengan berselindung di dalam ayat-ayat Al-Quran semata-mata untuk mendapat kuasa.

Apakah ini niat yang ikhlas? Sebab itulah, apabila Ustaz mengatakan hari ini dia sangat-sangat mahu kalau boleh UMNO dan PAS bersatu, kalau boleh berbincang, saya hendak beritahu dan saya bersetuju dengan Ustaz. Kalau dahulu ada Dato' Asri, kalau dahulu ada Dato' Dr. Burhanuddin, sebab itu mesyuarat senang dijalankan. Tetapi, hari ini, kedua-dua mereka tidak ada lagi, Ustaz, hanya tinggal Ustaz seorang sahaja. Sebab itulah, dia akan memakan masa bertahun-tahun. Insya-Allah suatu masa nanti akan kita bertemu tetapi masa bila, waktu bila, dalam keadaan macam mana, saya tidak tahu.

Saya juga hendak bercerita tentang ketidakfahaman hidup berjiran juga yang diceritakan oleh ustaz. Saya bersetuju sangatlah ustaz. Kalau bolehlah hari ini kita minta Kementerian Pendidikan supaya menganjurkan atau mencari satu *syllabus* di mana mereka tahu bagaimana cara hidup berjiran daripada segi sistem moral yang dianjurkan oleh kurikulum sekolah-sekolah itu, biarlah kita tekankan bagaimana rupa bangsa India, bagaimana rupa bangsa Melayu, bagaimana rupa bangsa-bangsa yang ada dalam negara kita ini. Beritahu mereka budaya-budaya yang ada, adat-adat mereka yang ada, agama-agama mereka yang ada. Semuanya untuk kepentingan kita. Kita beri dan kita tekankan ini supaya tidak ada lagi masalah pada masa hadapan. Yang kita takut selepas kita ceritakan ini semua, ada seorang lagi yang bangun menceritakan "walau bagaimanapun, ikutlah parti kami kerana kami tahu kalau semua ikut parti kami tidak payah buat cerita apa, tentu masuk syurga." Itu yang kita takut. Dan kita mintalah kalau boleh Kementerian Pendidikan memikirkan cara bagaimana untuk kita sama-sama mengubah satu dasar, mengubah satu sistem pendidikan di mana semua bangsa yang ada dalam negara kita ini dapat hidup aman dan damai.

Saya hendak cerita pasal Dasar Ekonomi Baru. Tadi ustaz cerita Dasar Ekonomi Baru, kawan saya bangun, Yang Berhormat Tengku Dato' Adnan bangun tadi cerita Dasar Ekonomi Baru ini memang saya bersetuju ustaz, tidak payah hendak kata akan dirombak, telah pun dirombak. Hari ini bukan lagi nama Dasar Ekonomi Baru hari ini DPN - Dasar Pembangunan Negara. Ini menunjukkan bahawa kerajaan hari ini paling prihatin, tahu akan tanggungjawab mereka untuk memikirkan kalau sampai masa dan waktunya apabila dasar itu tidak lagi diterima oleh rakyat jelata maka kita memikirkan bagaimana caranya untuk meneruskan dasar-dasar itu

dengan nama yang lain, dengan cara-cara yang lain, dengan syarat-syarat yang lain. Sebab itulah kita adakan MAPEN I, MAPEN II yang selama ini parti pembangkang tidak mahu bersamanya. Ini menunjukkan bahawa kadangkala apabila kita mempunyai niat yang baik untuk mengadakan dasar-dasar ini ada juga orang yang tidak mempunyai niat yang baik untuk tidak bersama kita semata-mata untuk menunggu jika sekiranya ada kesalahan daripada kita masa itulah diserang habis-habisan. Maka sebab itulah dalam kita mengadakan perbincangan seperti ini biarlah ia datang daripada niat yang baik sekali, kejujuran dan keikhlasan daripada semua rakyat jelata tidak kira datangnyanya daripada parti mana sekali pun.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita tentang ekonomi...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: [*Bangun*]

Timbalan Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hamzah ada minta laluan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Cuma apa yang saya mahu dapat penjelasan daripada Yang Berhormat ialah mengenai dengan tadi ada disebut oleh Yang Berhormat mengenai dengan sistem pendidikan yang sekarang dilakukan oleh pihak kerajaan. Pada pandangan Yang Berhormat, apakah yang kita buat selama ini oleh Kerajaan Barisan Nasional, tidakkah ianya boleh dianggap sebagai segala-galanya *Islamic*. Malah dalam *syllabus* kita pun kita memasukkan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral untuk memberi pengetahuan asas kepada anak-anak muda kita. Dan selama ini juga kerajaan telah berbelanja begitu banyak sekali mengenai dengan pembinaan sekolah segala macam kemudahan di sekolah, apakah ini tidak boleh kita anggap sebagai *Islamic*.

Timbalan Yang Di-Pertua: Jemput Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dato' Mahadzir Khir ini Setiausaha Parlimen di Kementerian Pendidikan mempersoalkan kepada saya tentang konsep sistem pendidikan, seolah-olah saya Menteri Pendidikan, dia Setiausaha Parlimen. Ini sahaja bergurau Dato'.

Saya bersetuju dengan Dato' Mahadzir mengatakan sistem yang ada ini juga berunsurkan agama Islam untuk mengajar seluruh rakyat daripada segi pendidikan Islam dan juga moral tetapi apa yang saya tekankan tadi supaya bila kita belajar kita kena tahu juga bangsa-bangsa yang ada dalam negara kita. Hari ini bila kita belajar pendidikan agama sebagai contoh kita tidak belajar tentang bangsa-bangsa yang ada. Mungkin bangsa Cina bagaimana rupa bentuk dia, bagaimana bahasa yang

digunakan, bagaimana budaya yang dibawa. Cerita-cerita ini juga patut kita selitkan dalam sistem pendidikan yang ada itu supaya tidak timbul nanti bahawa bila ada orang Melayu buat kenduri, orang bangsa lain jangan mengacau-bilaukan kerana kadang-kadang kenduri itu agak sensitif kepada sesuatu kaum yang ada. Kalau orang India ada jenazah sebagai contohnya, jangan orang-orang yang duduk berjiran mengata, menahan supaya tidak ada rasa syak wasangka di kalangan bangsa-bangsa yang ada. Yang menimbulkan masalah hari ini apabila satu bangsa buat sesuatu, bangsa lain ada syak wasangka seolah-olah ini adalah untuk kepentingan kaum masing-masing....

Datuk Long bin Jidin: *[Bangun]*

Dato' Hamzah bin Zainudin: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' beri laluan.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencelah dan bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Dato' Hamzah. Di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, kebetulan saya salah seorang daripada Panel Penasihat Perpaduan Negara termasuk yang dicadangkan oleh Ustaz Hassan tadi hendak tubuh majlis perpaduan. Sebenarnya di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sudah ada Panel Penasihat Perpaduan. Di sana kita ada sebuah buku berkaitan dengan adat istiadat masyarakat di Malaysia - orang Melayu, orang Cina, orang India termasuk beberapa masyarakat minoriti. Adakah, saya hendak dapat pandangan Yang Berhormat Dato' Hamzah, adakah boleh buku ini dijadikan sebahagian daripada buku teks untuk dipelajari dalam kurikulum di sekolah-sekolah yang ada sekarang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua: Jemput Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu satu persoalan yang baik atas cadangan yang baik. Cuma masalahnya saya sendiri pun tidak pernah tengok buku itu. Jadi saya hendak jawab sama ada boleh digunakan di sekolah atau tidak, saya tidak tahu. Cuma kalau boleh beritahu kepada kementerian yang dimaksudkan oleh Datuk Long tadi supaya digunakan ini untuk seluruh rakyat jelata. Kalau baik digunakan untuk sekolah, berbincanglah dengan Kementerian Pendidikan supaya ianya digunakan di dalam sistem pendidikan kita yang ada. Saya rasa memang inilah tujuan kita yang sebenarnya. Memang inilah tujuan kita untuk menyatupadukan rakyat jelata supaya masing-masing tahu tentang budaya, tentang

agama, tentang tatasusila bangsa -bangsa yang ada dalam negara kita. Saya rasa insya -Allah kalau boleh digunakan, kita gunakanlah bersama. Ok, Datuk Long.

Saya hendak masuk cerita pasal ekonomi Tuan Yang di-Pertua. Hari ini bila...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Timbalan Yang Di-Pertua: Dato' Hamzah, nampak ada lagi Dato' Mahadzir Mohd. Khir hendak minta laluan. Jemput Dato'.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah. Sebenarnya apa yang saya telah bangkitkan dengan Yang Berhormat tadi sekadar untuk mendapat pandangan daripada Ahli Dewan yang mulia ini kerana kebelakangan ini banyak tuduhan khususnya datang daripada parti PAS mengatakan bahawa apa yang kita buat dalam sistem pendidikan kita ini terlalu menjurus kepada soal-soal keduniaan. Dengan lain perkataan, mereka terus menggunakan konsep sekularisme tanpa batasan, tanpa diketahui oleh umum. Jadi rata -ratanya dikatakan kita ini tersangat menjurus kepada soal-soal sekularisme sehingga mereka dapat mengaburkan mata rakyat khususnya di kalangan orang Melayu yang beragama Islam, mengatakan seolah-olah apa yang disampaikan oleh pihak kerajaan ini segala-galanya digolongkan sebagai ilmu keduniaan. Maka dengan itu mudahlah untuk dicap Barisan Nasional ini sebagai sebuah parti yang tidak mendukung cita-cita Islam.

Apatah lagi di dalam Barisan Nasional ini yang terkumpul daripada pelbagai kaum dan pelbagai agama. Baru-baru ini sahaja pihak PAS barulah hendak bercakap-cakap dengan pihak DAP untuk bagaimana hendak bekerjasama, katanya dan saya juga ingin menyatakan kepada Yang Berhormat, pada pandangan saya tidak ada Barisan Alternatif sebab ini cakap-cakap mereka sahaja.

Kalau sebenarnya, macam Barisan Nasional, kita sudah didaftar sebagai satu parti, Barisan Nasional namanya. Barisan Alternatif, saya rasa tidak ada, tidak wujud di Malaysia ini sebab mereka tidak didaftar. Jadi, itu gelaran orang kata dalam bahasa harian, syok-syok sendiri. *[Ketawa]* Itu katanya.

Jadi, balik kepada soal apa yang kita telah hendak sampaikan dan yang masih akan disampaikan ilmu pengetahuan kepada semua warganegara kita ialah untuk menjadi manusia yang sebenar-benarnya manusia, insan yang baik. Kita tidak pun menyampaikan ilmu pengetahuan yang memburukkan manusia tetapi

bagaimana pihak terutama sekali pihak PAS menuduh kita seolah-olah apa yang kita lakukan dalam sistem pendidikan ini semata-mata berbentuk sekularisme.

Jadi, dengan itu, saya rasa pada pandangan saya bahawa apa sahaja ilmu pengetahuan untuk membantu manusia tidak kira Islam, tidak kira bukan Islam, asalkan ia tidak bercanggah dengan Islam, maka itu dikatakan Islamic. Apakah penjelasan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Hari ini kita hendak membangunkan negara kita. Untuk membangunkan negara kita, kita terpaksa mengadakan beberapa orang, beberapa ahli-ahli profesional yang layak dalam bidang masing-masing.

Dalam kita membangunkan negara, kita bukan hanya untuk membangunkan secara infrastrukturnya sahaja tetapi juga kerohaniannya sekali. Sebab itu saya perhatikan Kerajaan Barisan Nasional juga menekankan tentang pendidikan agama daripada sekolah rendah lagi sehinggalah ke sekolah menengah, sehinggalah ke institusi yang lebih tinggi seperti di universiti-universiti.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat. Apabila kita kata kita belajar architecture, sebagai contoh. Sudah tentu pelajaran architecture ini hanya menekankan bagaimana caranya untuk kita mengindahkan bangunan-bangunan yang ada, alam-alam yang dijadikan oleh Allah S.W.T di muka bumi ini, air-air yang mengalir di sungai-sungai, bagaimana caranya untuk kita membuat titi-titi dan jambatan-jambatan yang cantik. Ini semua adalah ilmu yang wajib diberikan kepada seluruh manusia yang ada di muka bumi ini. Ayat wajib itu, saya tidak tahu. Mungkin Ustaz Hassan nanti boleh beritahu.

Tetapi saya hendak beritahu, saya bersetuju bahawa sebenarnya sistem pendidikan kita yang ada hari ini memangnya satu-satunya sistem yang mengikut ajaran Islam kerana kita langsung tidak mengajar sistem-sistem yang boleh merosakkan kerohanian manusia yang ada dalam muka bumi kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan Hassan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih. Saya hendak bertanya kepada dua orang Yang Berhormat sekalilah. Yang pertama, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, cuba huraikan kepada kami, apa dia falsafah sekularisme itu?

Kepada Yang Berhormat Dato' Hamzah, saya minta cuba terangkan kepada saya, takrif 'Islam' itu mengikut yang ditakrifkan oleh Nabi Muhammad. Kalau ada nasnya, cuba bacakan. Sila, terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya tidak sangka saya akan jadi ustaz, Tuan Yang di-Pertua. Hari tu saya ada bertanya dengan kakak saya, [*Memandang ke arah Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim*] kalau kita hendak bercerita tentang gerakan Islam, biarlah ianya datang daripada diri kita sendiri. Apabila individu-individu itu mengeluarkan niat untuk menjadi seorang insan Islam yang begitu baik dan dia belajar tentang agama Islam dengan begitu baik, seluruh orang Islam ini akan bersatu di khalayak manusia-manusia yang ada hari ini, maka dengan gerakan itulah nanti akan timbulnya satu rasa tanggungjawab untuk menaikkan syiar Islam. Saya....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit sahaja. Saya minta cuba takrifkan 'Islam' kerana bercakap pasal Islam banyak ini. Takrifkan 'Islam' itu mengikut yang ditakrifkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Itu sahaja soalan saya. Kalau tiga patah, tiga patahlah jawabnya. Kalau dua patah, dua patahlah dan Yang Berhormat Dato' Mahadzir, saya minta apa dia takrif 'sekularisme' sebab saya pun mengaji juga sedikit-sedikitlah bahasa Arab, sekularisme ini maknanya ilmaniah.

Saya boleh huraikan kalau diminta saya menghuraikan. Saya minta Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Tuan Hassan bin Haji Shukri:sebab selalu dikelirukan.

Timbalan Yang di-Pertua: ...saya rasa...

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua: ...masa sudah suntuk ini. Saya minta Yang Berhormat Dato' Hamzah teruskan sebab masa kita sudah suntuk. Kalau tidak, kita kena sambung esok.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ya. Saya berterima kasih kepada ustaz. Sebab itu saya kata tadi, apabila soalan yang diberikan kepada saya mengatakan sama ada sistem kita ini mengikut sistem yang lari daripada Islam ataupun tidak, pada pandangan saya, ianya tidak dan apabila hendak mengatakan apakah falsafah sekular, saya ingat selepas ini kita bincang panjang, ustaz.

Apakah apabila ustaz hendak menanyakan saya apakah Islam itu yang sebenarnya, ustaz sendiri adalah seperti yang saya katakan tadi, kalau hendak bercerita tentang Islam, tadi lagi saya sudah kata, saya akan mengikut dan memberi sokongan kepada dia tetapi apabila dia cerita tentang ideologi politiknya menyebabkan saya rasa tidak mahu bersama dengan ustaz. Itu yang sebenarnya, ustaz.

Sebab itu saya tidak mahu berceramah di hadapan Dewan hari ini tentang Islam. Kita minta supaya Dewan yang ada hari ini bercerita tentang pandangan rakyat jelata bagaimana caranya untuk kita bersatu, bagaimana caranya untuk kita membangunkan negara, bagaimana caranya untuk kita sama-sama memperjuangkan supaya dapat membela nasib bangsa kita, dapat membela nasib agama kita dan dapat membela negara kita sebagai satu negara contoh di atas muka bumi kita yang ada. Itu yang kita perbincangkan.

Kalau kita hendak berbincang tentang agama, ustaz, selepas ini kita sama-sama duduk minum kopi dan kita sama-samalah dapat...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Dato', saya rasa berilah laluan kepadanya untuk menghabiskan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Last, last, kita tengok apa yang ...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebab tadi saya dicabar. Jadi, dengan itu saya sahut cabaran itu kerana dengan mudah untuk membicarakan mengenai dengan sekularisme. Sebenarnya sekularisme ini kalau kita hendak buat, ini adalah latihan ilmiah yang begitu panjang masanya.

Jadi, untuk meringkaskan apa yang saya faham dari apa yang difahami oleh pihak PAS kerana rata-rata di negeri Kelantan itu, tulis sekularisme tanpa diketahui oleh rakyat jelata. Ini dengan mudah sahaja konsep ini dipinjam daripada konsep sejarah Eropah di mana hendak dipisahkan antara gereja dan the state. Jadi, inilah timbul kekelamkabutan di kalangan masyarakat mereka kerana gereja mendominasi kerajaan sebelum daripada konsep ini wujud.

Kemudian konsep ini wujud untuk memisahkan antara kerajaan dan gereja tetapi tiba-tiba konsep ini dipindah kepada kita, antara kita yang tidak faham apa pun, hari-hari dok pakai sekularisme. Ini saya menyatakan sebab itu kita di sini kita tidak pisah sama sekali segala apa ajaran Allah yang diturunkan kepada junjungan kita, Nabi Muhammad s.a.w untuk menyatakan apa yang kita buat ini yang tidak

bercanggah dengan Islam. Niat kita untuk sama ada kepada Islam atau bukan Islam, kita ini adalah Islamic namanya.

Kita tidak pernah memisahkan soal ini sebab dalam Islam tidak ada pemisahan ini, antara dunia dan akhirat. Maaf saya, Tuan Speaker...

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Biar saya habis dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat habis dahulu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebab itu kita kata balik kepada takwa kepada Allah tadi. Sebab itu apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan hari ini ialah untuk kebaikan bersama, asalkan tidak bercanggah.

Apa yang PAS hendak tuduh pada hari ini ialah kerana hukum hudud ini yang dalam Islam ini 0.0 apa. Itu menurut seorang daripada PAS telah menyatakan tentang soal itu. Itu yang diungkit-ungkitkan, yang mengatakan kita sekular-sekular-sekular dan akhirnya orang merasakan bahawa PAS ini sahajalah yang bercakap dengan Islam, padahal UMNO tidak menyentuh tentang soal Islam. Berbalik kepada kita punya prinsip dalam perjuangan UMNO ialah untuk agama, bangsa dan tanah air. Apakah ini bercanggah dengan Islam? Jadi saya pohon Tuan Yang di-Pertua.....

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Yang Berhormat, sekejap sahaja saya minta laluan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: bahawa penjelasan yang saya buat itu sudah jelas dan memadai. Kalau hendak berbincang secara panjang-panjang, itu memerlukan masa yang panjang. Saya berharaplah pihak PAS jangan tuduh sebarang terhadap kita bahawa kita ini tidak Islamik. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Dato' Hamzah bin Zainudin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Hamzah, ada satu lagi minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya sekejap sahaja.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya ingat ada dua minit ini, Tuan Yang di-Pertua, biar saya teruskan. Cuma.....

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Sedikit sahaja, cuma saya hendak minta penjelasan, sedikit sahaja.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Bila Ustaz cakap kemudian, saya hendak cerita, saya ingatlah.....

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Yang Berhormat sekejap sahaja, mungkin untuk menjelaskan kekeliruan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Okey.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Jadi, saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat adakah orang yang mengatakan politik suku, agama suku, itu satu sekular? Itu sahaja.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ini soalan kepada saya ya, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Saya tidak menyangka Ustaz, saya kena banyak belajar daripada Ustaz ini. Okey, terima kasih banyak. Saya hendak memberitahu, apabila orang mengatakan politik suku, apa tadi, agama suku, jangan kita kaitkan dengan sekular. Kita kaitkan bahawa mereka ini tidak betul. Jangan kita suku-sukukan, tidak pernah ada orang suku-sukukan agama dengan politik. Itu hanya bahasa yang digunakan oleh orang-orang politik sahaja. Saya rasa pemimpin-pemimpin dari Barisan Nasional tidak pernah langsung memikir tentang ini, tidak pernah langsung menceritakan tentang ini, tidak pernah langsung mengeluarkan kata-kata yang seperti ini. Kata-kata seperti ini hanya kata-kata orang-orang yang jahat semata-mata. Dalam sistem pendidikan yang ada hari ini kita belajar agama, kita juga belajar benda-benda yang lain, takkan bila kita belajar agama maknanya kita lupa tentang dunia, tentang akhirat, belajar tentang architecture, engineering dan sebagainya.

Ini tidak bermaksud untuk kita menyukukan apabila kita belajar tentang architecture, engineering tadi dan juga ada yang belajar tentang political science juga tidak kita sukukan untuk kita lupa tentang agama. Sebab itu sistem pendidikan yang ada pada hari ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Mahadzir tadi bahawa sebenarnya tidak ada percanggahan, cuma isu politik yang dimainkan oleh parti-parti yang ada dalam negara kita hari ini.

Tentang Islam, Ustaz, memang benarlah *the way of live* - Addin, memang itulah kehendak orang-orang muslim yang ada di muka bumi hari ini. Bila kita kata *the way of live*, apa yang kita buat hari ini, orang Melayu hari ini, fitrah orang Melayu hari ini, bahasa orang Melayu hari ini terutamanya orang-orang UMNO menggunakan bahasa yang baik-baik belaka, mengikut cara-cara Islam. Tetapi ada juga orang-orang Melayu hari ini yang bukan datangnya daripada UMNO yang fitrahnya sepatutnya baik-baik, menggunakan bahasa yang baik-baik tetapi

4mencarut, mencaci, menggunakan bahasa-bahasa yang sememangnya bukan amalan orang-orang Islam.

Itulah sebabnya kita mahu kalau boleh apabila kita belajar, apabila kita bercerita tentang politik, biarlah kita sedar akan niat kita tadi, untuk membela nasib bangsa, agama dan negara seperti yang dibawa oleh Barisan Nasional. Apakah masa sudah cukup, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Maka dengan itu, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Aziz tentang Titah Ucapan Seri Paduka Baginda. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah Zainudin kerana berhenti tepat pada waktunya dan dengan ini saya tangguhkan Dewan ini pada hari esok, 15 Mei 2001, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

9 Mei 2001

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)

" Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)

" Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)

" Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)

" Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

" Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)

" Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

" Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

" Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

" Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)

" Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)

" Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

" Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

" Dr. Charlie Chau -Lap Chang (Dilantik)

" Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)

- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
Yang Berhormat Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- ” Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- ” Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae,
(Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ Haji Mohamed bin Ya’acob, P.S.M., P.M.K.,
S.P.M.K., Dato’ Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)
- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

- " Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- " Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- " Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- " Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- " Puan See Too Mee (Johor)
- " Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " To' Puan Wan Se ri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- " Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- " Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- " Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- " Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

Jilid III**Bil. 4****Isnin****14 Mei 2001**

K A N D U N G A N

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT	(Halaman 1)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 2)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
USUL:	
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman</i>	(Halaman 27)

